

## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003	(Halaman 16)
Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003	(Halaman 23)
Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003	(Halaman 59)
Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003	(Halaman 68)
Rang Undang-undang Arkib Negara 2003	(Halaman 82)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 15)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Rahman bin Palit (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Dr. Haris bin Haji Salleh (Johor)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng (Dilantik)
- “ Puan Lim Kee Moi (Johor)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae (Dilantik)

---

Yang Berhormat	Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
“	Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
“	Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
“	Datuk Haji Mohamed bin Omar Beledram (Dilantik)
“	Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
“	Tuan M. Krishnan
“	Tuan M. Saravanan (Dilantik)
“	Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
“	Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
“	Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
“	Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
“	Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
“	Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)
“	Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
“	Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
“	Tuan R. Sinniah (Dilantik)
“	Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
“	Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
“	Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
“	Puan Siw Chun a/p Eam
“	Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
“	Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
“	Tuan Udam @ George Adam Talek
“	Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
“	To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
“	Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
“	Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
“	Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
“	Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
“	Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
“	Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
“	Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
“	Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**

Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Habibunisah Mohd. Azir  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Mazidah binti Mohamed  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN  
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Suhairi Othman



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Selasa, 8 Julai 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli.**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menadah tangan syukur kepada Allah SWT kerana pada hari saya yang terakhir ini saya mendapat mengemukakan soalan yang pertama kepada Menteri Kewangan, terima kasih.

1. **Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli** minta Menteri Kewangan menyatakan dengan jelas tentang cadangan YAB Perdana Menteri/Menteri Kewangan mengenai kegunaan mata wang euro dalam urusan perdagangan dan bagaimanakah kaitannya dengan rancangan Kerajaan untuk menggunakan dinar emas dapat menjadi saingan hebat kepada mata wang dolar US.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Datuk Ghazi kerana 'mengancam' hari ini. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedang aktif mengkaji cara-cara untuk mengurangkan pergantungan Malaysia pada Dollar Amerika dalam perdagangan dan pembayaran antarabangsa. Tujuan kerajaan adalah untuk mengurangkan kesan daripada pergerakan ketara dalam pertukaran Dollar Amerika terhadap ekonomi Malaysia. Sehubungan ini, sektor swasta digalakkan untuk mengkaji peluang untuk mengendali dagangan negara dalam mata wang lain termasuk mata wang Euro.

Mengenai cadangan menggunakan dinar emas, tujuannya ialah supaya emas digunakan dalam menjelaskan transaksi perdagangan antarabangsa. Pada peringkat ini perbincangan sedang dijalankan bagi penggunaan emas untuk menjelaskan nilai baki bersih dagangan di antara dua buah negara berdasarkan konsep peraturan pembayaran dua hala atau PPA.

Penggunaan emas bagi penjelasan perdagangan antarabangsa dijangka akan mengurangkan juga kebergantungan sesebuah negara terhadap mata wang Dollar Amerika Syarikat.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana memberikan jawapan itu dan saya juga turut ucap tahniah dan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana sistem kewangan Islam di Malaysia ini memang handal dan nampak kegemilangan sebagai negara Islam itu paling menonjol sekali. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam satu program yang dinamakan 'Multakhar Ulama Sedunia' yang adakan diadakan beberapa hari lagi dan juga dalam persidangan OIC yang akan diadakan pada bulan Oktober yang akan datang, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengetengahkan dan mempromosikan sistem kewangan Islam ini khususnya mengenai penggunaan dinar emas dan produk-produk Islam yang lain yang berkaitan supaya keseluruhan perwakilan dari 56 negara Islam ini dapat didedahkan di Malaysia sendiri dan dapat

buat lawatan-lawatan ke institusi-institusi tertentu untuk lebih memanfaatkan lagi kejayaan kita? Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Memang sebenarnya sebelum ini pun kerajaan kita adalah satu kerajaan di dunia ini yang begitu hebat mempromosikan dinar emas ini. Sama ada dalam hubungan dua hala ataupun bilateral ataupun multilateral dengan OIC khususnya. Dan memang sebenarnya kesempatan ini akan diambil oleh kerajaan kita iaitu dalam persidangan ulama dan juga persidangan OIC pada bulan Oktober nanti untuk mempromosikan dinar emas ini secara lebih hebat lagi supaya mereka benar-benar faham tentang hasrat kita dan juga faham tentang mekanisme di mana dinar emas ini akan dilaksanakan.

Dinar emas ini Yang Berhormat Datuk bertujuan untuk kita mengurangkan pergantungan kita kepada USD dengan mewujudkan satu sistem pilihan. Bukan kita hendak ketepikan terus USD dan sistem konvensional yang ada tetapi untuk mewujudkan satu sistem pilihan di mana satu sistem yang mampu wujud dan bersaing dengan sistem yang ada sekarang ini. Dan ini juga sebagai satu usaha kerajaan mengangkat martabat sistem mata wang Islam dan membuktikan bahawa Islam mampu menguruskan ekonomi secara teratur dan sistem ekonomi Islam jika dirancang dengan teliti, bijak dan berhemah mampu dilaksanakan dan boleh diterima pakai dalam setiap zaman. Jadi kerana itulah maka kerajaan akan ambil kesempatan ini untuk mempromosikan dinar emas ini secara begitu hebat supaya dinar emas ini akan menjadi kenyataan bukan setakat teori atau *rhetoric* semata-mata, terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sejak negara kita mengikat mata wang RM3.80 pada USD1 untuk memudahkan urusan penerangan dan pelaburan dengan negara asing sejak tiga tahun lalu, kita amat berjaya dalam bidang ekonomi. Soalan tambahan saya adakah kerajaan akan mengekalkan RM3.80 untuk satu jangka masa tertentu walaupun kemungkinan berlakunya Dollar Amerika ini turun ke paras yang selesa pada jangka masa yang tertentu? Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara ini?

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi. Sebenarnya, setakat ini, hingga sekarang ini, kerajaan belum lagi bercadang untuk mengubah ikatan itu. Kita akan teruskan dengan ikatan tersebut, kerana ianya menguntungkan kita. Sejak ia dilaksanakan tahun 1998 sampai sekarang ini, ikatan itu telah begitu banyak memberi faedah kepada negara kita dan telah membantu memulihkan ekonomi negara dengan cepat. Sekarang ini, walaupun keadaan itu agak *undervalued*, ringgit Malaysia kerana kejatuhan lebih kurang 30% dolar Amerika merosot sejak tiga tahun kebelakangan ini.

Tetapi, ini menguntungkan kita juga, kerana eksport kita lebih bersifat *competitively priced*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di peringkat antarabangsa. Apabila nilai mata wang Amerika jatuh, dengan sendirinya, maka nilai mata wang negara-negara serantau mengukuh seperti Thailand, Jepun, Indonesia dan Filipina. Nilai mata wang negara-negara ini mengukuh dan ini akan menjadikan mereka mempunyai kuasa beli yang lebih baik. Ini menguntungkan kita kerana eksport kita lebih kompetitif, lebih murah dan pengukuhan mata wang negara-negara rantau ini, itu bagus dan mereka punya kuasa beli yang bagus, maka kita punya kelebihan dari segi ini. Kita juga mampu menarik pelancong-pelancong asing di mana negara-negara mereka seperti sterling misalnya, pengukuhan mereka begitu tinggi. Euro begitu tinggi berbanding dengan dolar Amerika. Jadi, mereka ini saya rasa lebih tertarik datang ke Malaysia kerana harganya menarik dan juga kompetitif dan kini kesemuanya adalah menguntungkan kita. Oleh kerana itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengubah *pegging* ini dan kita akan terus dengan *pegging* ini selagi ianya menguntungkan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Christine Tibok-Vanhouten.

**Datuk Christine Tibok-Vanhoute:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang untuk saya bertanya soalan yang terakhir pada saya. Soalan saya No. 2.

2. **Datuk Christine Tibok-Vanhouten** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan lokasi jalan-jalan kampung, bekalan elektrik dan air di kawasan luar bandar Inanam, Menggatal dan Telipok, Sabah yang termasuk dalam kawasan Parlimen Gaya yang telah dibina ataupun diperbaiki bagi tahun 2001-2003.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Christine. Sebelum itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang telah dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tiga tahun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan iaitu dari tahun 2001 sehingga tahun 2003, projek-projek jalan kampung yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar bagi kawasan Inanam ialah sebanyak dua projek yang dilaksanakan pada tahun 2001, 11 projek dilaksanakan pada tahun 2002 dan bagi pelaksanaan tahun 2003, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menerima lima projek.

Projek jalan kampung daripada Ahli Parlimen Gaya yang dirancang akan dilaksanakan pada tahun ini. Sementara itu, bagi kawasan Menggatal dan Telipok, belum ada projek jalan kampung dilaksanakan bagi tempoh tiga tahun dari tahun 2001 hingga tahun 2003. Oleh yang demikian, kementerian memohon kerjasama Yang Berhormat Ahli Parlimen untuk mencadangkan senarai projek jalan kampung kepada kementerian ini, jika ada jalan di kampung-kampung, kawasan di luar bandar yang memerlukan pembinaan dan penyelenggaraan jalan. Bagi projek-projek bekalan elektrik dan bekalan air luar bandar, sepanjang tempoh tahun 2001 sehingga 2003, belum ada senarai projek yang dikemukakan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Sabah untuk dilaksanakan di kawasan Inanam, Menggatal dan Telipok. Ini berkemungkinan kerana permohonan projek dari kawasan tersebut tidak termasuk di dalam senarai keutamaan JPPS. Terima kasih.

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan soalan tambahan. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, khususnya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, di atas jawapan yang diberikan tadi. Walau bagaimanapun, saya sangat sedih mendengar bahawa, dua kawasan di mana saya sendiri tinggal tidak mempunyai apa-apa rancangan projek iaitu Menggatal dan Telipok. Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah dikenali sebagai satu daripada negeri yang miskin di Malaysia. Kemiskinan ini banyak berpunca daripada kekurangan infrastruktur yang diperlukan untuk membangunkan kawasan-kawasan serta penduduk-penduduk luar bandar.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Khalid, pernah menyatakan bahawa Sabah mempunyai tahap kemiskinan yang tinggi dengan 500,000 ataupun 20% daripada penduduk, 2.5 juta telah dikenalpastikan sebagai *hardcore poor* dengan izin. Kerajaan berniat untuk menurunkan tahap kemiskinan ini ke 16% pada tahun 2010. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menghadapi masalah kemiskinan di Sabah yang sering dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin kita. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Christina. Dari segi kemiskinan dan juga dari segi infrastruktur, ada dua subsektor yang berlainan. Tetapi, ingin saya rangkumkan jawapan ini kepada satu, iaitu kami di Kementerian Pembangunan Luar Bandar, memang kami akui bahawa Sabah adalah sebuah daripada negeri di dalam negara kita yang memerlukan banyak dari segi peruntukan kemiskinan dan juga infrastruktur. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada Kelantan.....[Disampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, soal kemiskinan khususnya menyentuh Sabah tidak termasuk di dalam soalan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya, itu. Saya pergi infrastruktur.

**Tuan Yang di-Pertua:** .....juga bab negeri Kelantan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tetapi, ingin saya maklumkan di sini, bahawa Sabah adalah sebuah daripada negeri yang menerima peruntukan yang terbanyak selain daripada Sarawak dan Kelantan. Jadi, bermakna Yang Berhormat, dari segi peruntukan, insya-Allah. Tetapi, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi - memang kita juga sedih Yang Berhormat, sebab Inanam dan Menggatal - daripada Ahli Parlimen Gaya, hanya Inanam yang banyak menerima senarai projek tetapi,

Menggatal dan Telipok macam tertinggal. Tetapi, yang ini Yang Berhormat, kami memang sangat bergantung kepada permohonan daripada Ahli Parlimennya.

Jadi, Ahli Parlimennyalah yang harus menyenaraikan kepada kementerian supaya pembangunan itu sama rata, yang dilaksanakan di dalam Parlimen Gaya. Jadi, oleh yang demikian, saya telah mengatakan tadi bahawa kami mohon kerjasama daripada Yang Berhormat juga dan juga Ahli Parlimen untuk memastikan bahawa permohonan pembangunan adalah sama rata di dalam kawasan Parlimen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab, soalan ini adalah soalan tempatan, *very localized issue*, dengan izin, saya teruskan kepada soalan yang berikutnya. Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kerana hari ini adalah hari akhir dan soalan terakhir bagi saya. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan juga sesiapa yang terlibat daripada semua peringkat. Soalan sana No. 3.

3. **To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan sejauh manakah rukun tetangga membantu masyarakat setempat dalam menangani masalah sosial setempat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' S Veerasingam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat melalui rukun tetangga sememangnya memainkan peranan aktif membantu kerajaan dalam menangani masalah sosial melalui pengendalian pelbagai program dan aktiviti. Sebanyak 475 program menangani masalah sosial telah dilaksanakan sehingga bulan April 2003. Di antaranya ialah Kem Padu Jaya Diri, Kem Motivasi, Bengkel 'Katakan Tidak Kepada Dadah', Bengkel Penghayatan Nilai-nilai Murni, Bengkel Kemahiran Keibubapaan Anak Remaja, Bengkel Adat Resam, Kursus Kepimpinan Keusahawanan dan Motivasi, Ceramah Perdana Ehwat-Islam, Ceramah Gejala Sosial dan Keselamatan dan Program Keibubapaan.

Dalam masa yang sama, konsep rukun tetangga alaf baru memberi penekanan kepada pembangunan komuniti iaitu membantu golongan yang memerlukan seperti golongan miskin, ibu tunggal, bekas penagih, golongan istimewa dan kurang bernasib baik melalui tindakan secara *hands-on*, penglibatan masyarakat tempatan dalam program-program perdampingan sosial, secara tidak langsung membantu menangani masalah sosial dalam komuniti setempat. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian dalam memperluaskan lagi peranan rukun tetangga dan sejauh manakah kejayaan yang telah didapati hasil daripada program-program yang telah dibuat terutama dalam mengawal masalah sosial di setempat. Terima kasih.

**Dato' S. Veerasingam:** Tuan Yang di-Pertua, dalam upacara-upacara yang dijalankan oleh kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara, bagi tahun 2002 sahaja seramai 2.5 juta penduduk telah mengambil bahagian. Jadi, dengan cara ini kita ada program-program demi kepentingan orang dewasa, orang usia emas dan juga kepada jiran muda dan kanak-kanak yang ada dalam negara kita.

Melalui Program Pintas, kementerian saya juga melalui Jabatan Perpaduan Negara akan mengadakan 50 buah Pusat Khidmat Masyarakat yang dikenal pasti sebagai projek perintis. Pusat Khidmat Masyarakat ini akan menjadi pusat aduan dan rujukan maklumat kepada penduduk tempatan. Di samping itu ia juga merupakan pusat rujukan termasuk khidmat kaunseling, meditasi kepada masyarakat setempat yang memerlukan.

Jadi, kementerian saya melalui Jabatan Perpaduan Negara dan juga melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil berat tentang penduduk-penduduk tempatan untuk menentukan supaya Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum, yang bersatu padu, yang hanya boleh membawa kejayaan dan pembangunan kepada negara kita dengan cara ini. Terima kasih.

4. **Dato' Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan semenjak program mendorong warganegara Malaysia yang mempunyai kepakaran yang bermastautin di luar negara untuk kembali ke Malaysia berkuat kuasa semenjak 1 Januari 2000, berapakah bilangan permohonan yang diterima dan yang telah diluluskan oleh kementerian. Sila kategorikan kelulusan mengikut negara dan jenis-jenis kepakaran.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan 2001 telah mengumumkan beberapa langkah bagi mewujudkan tenaga kerja Malaysia bertaraf dunia. Salah satu langkah yang dicadangkan ialah untuk menggalakkan rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran yang diperlukan, yang bekerja di luar negara supaya pulang bekerja di Malaysia.

Sejak program ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2001, sejumlah 554 permohonan telah diterima dan sebanyak 208 permohonan telah diluluskan. Taburan kelulusan mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Jumlah kelulusan (Orang)
Perakaunan dan Kewangan	44
Teknologi Maklumat	42
Perubatan dan Kesihatan	54
Industri	34
Sains dan Teknologi	11
Lain-lain (Seni Budaya, Aerospace dsb)	23
<b>Jumlah</b>	208

Tuan Yang di-Pertua, taburan kelulusan mengikut negara, tempat bekerja adalah seperti berikut:

Negara	Jumlah kelulusan (Orang)
United Kingdom	59
Singapura	28
Brunei	24
Amerika Syarikat	22
Australia	13
Kanada, China, Jepun, Taiwan dsb.	62
<b>Jumlah</b>	208

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2003, seramai 116 orang pemohon-pemohon telah kembali ke Malaysia.

**Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Menteri yang memberi jawapan yang begitu teliti. Soalan tambahan saya ialah berapa lamakah masa yang diambil untuk memproses permohonan mereka? Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, masa yang diambil, sekiranya pemohon tersebut serahkan semua dokumen yang lengkap, arahan saya ialah permohonan itu

perlu diluluskan dalam tempoh dua bulan. Selain daripada itu, kalau kita hendak maklumat tambahan dan sebagainya, dia akan ambil masa lebih kurang 4 hingga 6 bulan.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah faktor yang mendorong warganegara kita yang mempunyai kepakaran tetapi mereka bermastautin dan menabur bakti di luar negara? Pada hal dalam masa yang sama kepakaran mereka amat diperlukan oleh negara demi menjana dengan izin, *nation-building* di dalam negara kita sendiri. Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu dasar memang Kerajaan Malaysia tidak menghalang sebaliknya dalam krisis yang tertentu kita galakan rakyat Malaysia berkhidmat di luar negara kerana di bidang-bidang tertentu seperti teknologi tinggi perubatan, kejuruteraan dan sebagainya, banyak bidang kepakaran ini tidak boleh didapati di dalam Malaysia.

Sekiranya kita galakan graduan-graduan kita selepas mereka habis dari universiti di luar negara berkhidmat dalam negara tersebut seperti di Silicon Valley dan sebagainya, memang mereka boleh memperolehi kemahiran-kemahiran yang kita tidak boleh dapat sekiranya mereka duduk di negara kita sahaja. Berasaskan kepada kemajuan di Taiwan, Korea Selatan, Jepun pun telah bayangkan bahawa sekiranya mereka balik ke negara tersebut mereka boleh memajukan bidang-bidang tertentu dan ini kita galakan.

Dengan skim ini, kita harap boleh galakan pakar-pakar rakyat Malaysia tersebut selepas mereka memperolehi kemahiran seperti di bidang perubatan, di bidang sains dan teknologi, selepas itu boleh pulang ke negara ini dan menerokai bidang-bidang itu dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat R&D.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebagai penghormatan kepada Menteri yang hadir, saya akan benarkan satu lagi soalan tambahan. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan bilangan yang diumumkan oleh Menteri tadi begitu sedikit sahaja, adakah kerajaan telah mengkaji sebab-sebabnya kenapa bilangan, sungguhpun yang memohon hanya 500 sahaja tetapi yang telah diluluskan pun hanya 200 lebih sahaja. Apakah sebab-sebab itu dan adakah insentif-insentif yang diberikan itu tidak mencukupi dan sebagainya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan masalah yang sangat baik ini. Saya sendiri pun hairan juga, apabila kita umumkan skim ini, Kementerian Sumber Manusia berharap ada beribu-ribu pakar Malaysia yang sedang berkhidmat di luar negara akan buat permohonan tetapi selepas kita umumkan, kita dapati bahawa mula-mulanya ada ramai, selepas mereka balik ke Malaysia, kaji tentang taraf gaji dan sebagainya, dan sekiranya gaji itu dibandingkan dengan yang mereka boleh dapat di luar negara, malangnya kebanyakan mereka buat keputusan, mereka akan terus tinggal di negara tersebut.

Namun demikian, apa yang kita galakan ialah sekiranya mereka mempunyai idea-idea baru dan idea-idea tersebut boleh dijadikan sebagai satu inovasi, kita harap mereka boleh gunakan Malaysia sebagai pusat untuk mentransformasikan idea tersebut sebagai satu barangan dan dengan kerana itulah ada ramai di bidang perubatan, mereka sanggup balik kerana di universiti-universiti, di hospital-hospital swasta boleh memberikan mereka skop untuk berbuat sedemikian.

Kementerian Sumber Manusia akan terus menerangkan keadaan di Malaysia bahawa kita mempunyai kekuatan seperti pelbagai bahasa, infrastruktur yang bagus dan dengan itu kita harap mereka boleh terus pulang dari tempat seperti Silicon Valley dan menjadikan Malaysia sebagai pusat yang mereka boleh berkhidmat dan mentransformasikan idea-idea tersebut dan menjadikan ia sebagai satu barangan yang boleh diterima.

5. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah benar bahawa kursus-kursus kemahiran melalui Institut Kemahiran Belia Negara tidak dapat disertai oleh golongan remaja yang pernah terlibat dalam aktiviti jenayah, walaupun sudah melalui proses pemulihan kerana mereka mempunyai rekod polis dan apakah langkah alternatif untuk melengkapkan mereka ini dengan kemahiran tertentu.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa belia-belia yang diterima mengikut kursus sepenuh masa di Institut Kemahiran Belia Negara diperlukan bebas daripada sebarang kesalahan jenayah sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun.

Walau bagaimanapun, mereka yang telah melalui proses pemulihan masih mempunyai banyak peluang latihan yang disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Antaranya ialah program latihan tidak formal seperti Latihan Sambil Bekerja, Latihan Kemahiran Pada Hujung Minggu, Pembiayaan Tempat Latihan dan Skim Perantisan Nasional. Kesemua kursus ini dibiayai oleh Kementerian Belia dan Sukan.

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Belia dan Sukan kerana mengambil berat tentang pembangunan belia dengan kehadiran beliau sendiri.

Biasanya sebagai ibu bapa, kita akan mengenal pasti kelemahan setiap anak kita dan mengambil langkah yang perlu untuk mengatasi kelemahan tersebut. Soalan saya di sini, memandangkan begitu ramai pemuda India yang terperangkap dalam gejala-gejala sosial, apakah kementerian mempunyai satu rancangan khas untuk belia India supaya membantu mereka keluar daripada perangkap ini. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tidak ada dasar kementerian yang khusus kepada kaum-kaum tertentu. Program kita menjurus kepada semua masyarakat Malaysia, anak-anak bangsa kita yang berbilang kaum dan berbilang agama. Tetapi masalah gejala sosial yang telah cuba kita tangani melalui pelbagai program juga turut menuntut keprihatinan dan juga penglibatan rakyat setiap lapisan di negara kita.

Peranan ibu bapa dan sebagainya perlu dimainkan. Tetapi kembali kepada soalan asas tadi, satu-satu caranya untuk mengelakkan mereka daripada terjebak kepada gejala sosial ialah dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran supaya mereka mendapat pekerjaan yang berterusan dan supaya mereka tidak terlibat dengan gejala-gejala dalam ruang masa tertentu. Sebab itu usaha dan agenda kita untuk memartabatkan pengajaran kemahiran merupakan satu agenda yang begitu penting sekali dan ini merupakan keutamaan kita. Dari segi peningkatan kemudahan asas, jumlah pelajar dan peningkatan kualiti merupakan tumpuan kita pada hari ini.

**Tuan Kee Ah Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' sebagai Menteri Belia dan Sukan menghadiri sendiri ke Dewan ini untuk menjawab soalan. Terima kasih. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Dato', soalan tambahan saya, adakah kementerian menyediakan peruntukan kepada persatuan-persatuan belia atau pemuda mengikut kaum seperti kaum Cina untuk menjalankan aktiviti sukan? Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Yang Berhormat, pertamanya dari segi aktiviti sukan, saya hendak tekankan di sini bahawa sukan merupakan jambatan yang boleh mengeratkan hubungan masyarakat yang berbilang kaum. Kita lihat program sukan kita perlu sinonim dengan pembangunan belia dan saya bersetuju bahawa sukan merupakan aset yang agak penting untuk memastikan agenda kita dari segi integrasi nasional dan dari segi memupuk persefahaman di antara kaum dan agama ini dapat direalisasikan.

Tetapi sama juga dengan pembangunan belia tadi, kita tidak menjurus kepada kaum-kaum yang tertentu sahaja, kita juga melihat kepada kelemahan-kelemahan yang sedia ada dan sekiranya ada kurangnya penglibatan kaum Cina di dalam aktiviti-aktiviti kita, maka tumpuan akan diberikan untuk memastikan lebih ramai lagi terlibat dalam program kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekali lagi sebagai penghormatan kepada Yang Berhormat Menteri, saya benarkan satu lagi soalan tambahan. Yang Berhormat.... boleh tolong saya Yang Berhormat?

**Datuk Mohamad Taha Ariffin:** Datuk Taha.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat... *[Melihat rajah tempat duduk]*

**Beberapa Ahli:** Datuk Taha.

**Datuk Mohamad Taha Ariffin:** Datuk Taha.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Taha.

**Datuk Mohamad Taha Ariffin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya ingin juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Senate.

Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah berasaskan soalan asal tadi. Soalannya Yang Berhormat, lima tahun dalam kehidupan seorang belia itu boleh dikatakan panjang. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula sama ada tempoh moratorium ini dipendekkan, katakanlah kepada tiga tahun kerana lima tahun ini pada pendapat saya adalah satu *period*, dengan izin, yang panjang. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau macam ini caranya Dewan Negara, saya kena datang lebih keraplah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tempat di Institut Kemahiran Belia Negara ini agak terhad. Sehingga penghujung tahun lepas, kita mempunyai hanya enam IKBN yang dapat memenuhi hanya 10% daripada permintaan. Tahun ini, jumlah itu akan ditingkatkan kepada lapan di mana enam telah pun beroperasi awal tahun ini, dua lagi akan beroperasi, insya-Allah, pada hujung Julai dan ini akan ditambah jumlahnya kepada 11,000 pelatih.

Insya-Allah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, jumlah IKBN akan ditambahkan kepada 20 buah IKBN dan ini, insya-Allah juga akan dapat memenuhi lebih daripada 50% permohonan. Saya rasa dengan jumlah yang ditetapkan tadi, 50%, mungkin kita boleh beri keutamaan juga kepada mereka yang terlibat dalam jenayah dan mungkin kita boleh kurangkan lima tahun moratorium tadi. Terima kasih.

6. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan pembelian ICT Petronas melebihi 800 juta ringgit setahun. Apakah rasional rancangan Petronas menswastakan tanpa tender semua urusan ICTnya kepada syarikat iPerintis Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat yang baru ditubuhkan dan tidak mempunyai pengalaman di dalam bidang tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Hajah Kamsiyah bin Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan Petronas bagi pembelian kelengkapan perkakasan dan perisian ICT berjumlah RM143 juta bagi tahun 2001 dan RM158 juta bagi tahun 2002. Perbelanjaan ini adalah bagi menampung keperluan tambahan berasaskan perkembangan aktiviti dan untuk mengganti perkakasan dan perisian yang tidak digunakan lagi. Semua pembelian adalah secara tender.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih....

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Memandang ke arah Yang Berhormat Datuk Syed Ali]* Minta maaf Yang Berhormat, saya tidak nampak Yang Berhormat bangun cepat tadi. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. S. Vijayarajam:** Terima kasih Tuan.... *[Memberi isyarat memberi jalan kepada Yang Berhormat Datuk Syed Ali]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah pun dipanggil, saya tidak dapat tarik balik. *[Ketawa]* Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratham:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adalah *general* sedikit. Adakah kerajaan mengamalkan dasar tender terbuka untuk semua projeknya dan jika tidak, apakah garis panduan-garis panduan yang diikuti untuk mengeluarkan sesuatu tender?

**Dato' Hajah Khamsiyah bin Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, tidak semua dibuat secara tender terbuka dan ianya dibuat mengikut keadaan dan semasa.

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, rasional rancangan Petronas diswastakan tanpa tender urusan ICT kepada iPerintis, saya difahamkan Petronas mempunyai sebuah jabatan ICT sendiri yang diketuai oleh Pengurus Besar rakyat tempatan dengan mempunyai lebih daripada 500 kakitangan di bawahnya.

Kenapakah anak tempatan tersebut setelah ICT diswastakan kepada iPerintis, tidak diberi keyakinan untuk menerajui pengurusan ICT yang diswastakan kepada iPerintis dan apakah kelebihan seorang rakyat, dengan izin, *expatriate* dari Australia yang tidak mempunyai pengalaman menerajui ICT syarikat gergasi dilantik sebagai CEO iPerintis dan apakah akan terjadi kepada 500 kakitangan ICT Petronas setelah jabatan itu diswastakan? Terima kasih.

**Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop:** Yang Berhormat, tindakan syarikat iPrintis Sdn.Bhd. tidak melalui tender adalah tidak berasas kerana ia memperolehi projek-projek melalui tender biasa. Di samping itu, syarikat iPrintis Sdn.Bhd. merupakan syarikat baru yang mempunyai pengalaman dalam ICT kerana kebanyakan kakitangan iPrintis adalah bekas kakitangan ICT Petronas sendiri yang cukup mahir dan berpengalaman. Soalan spesifik yang seterusnya saya mohon notis bagi menjawab soalan Yang Berhormat.

**7. Tuan Sinniah a/l Raju** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dan agensi-agensi untuk mengurangkan masalah kaum wanita India yang menjadi mangsa dengan keganasan seksual di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin dan mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tan Sri yang dilantik sebagai Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya percaya Tan Sri akan membawa Dewan Negara ke tahap keunggulan, kecemerlangan dan sekali gus akan menaikkan imej negara. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga amat memandang berat mengenai masalah keganasan seksual seperti mencabul kehormatan, rogol, sumbang mahram dan gangguan seksual di tempat kerja. Berbagai langkah melibatkan penguatkuasaan undang-undang, perlaksanaan program-program kesedaran dan pengukuhan institusi kekeluargaan telah dan sedang dilaksanakan sebagai usaha untuk mencegah dan mengatasi masalah keganasan bagi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan ataupun kaum mereka.

Di antara program yang dilaksanakan ialah mengadakan kempen kesedaran untuk meningkatkan kesedaran masyarakat, terutama dalam isu keganasan rumah tangga dan penindasan terhadap wanita serta hak-hak wanita. Kempen Organisasi Wanita Membanteras Keganasan (OMBAK) telah dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala keganasan dalam masyarakat, dengan menggerakkan mereka agar turut menyumbang kepada usaha untuk mengatasinya. Sehingga kini kempen ini telah menarik minat seramai 1,657 orang yang telah mendaftarkan diri sebagai sukarelawan OMBAK. Setelah menjalankan latihan secara berperingkat-peringkat, mereka telah ditempatkan di Pusat Khidmat Sepadu, di hospital-hospital, Rumah Nur seluruh negara, rumah perlindungan dan beberapa tempat lain yang didapati sesuai untuk membantu mangsa keganasan.

Kementerian juga telah menubuhkan Unit Kaunseling untuk membantu wanita yang menghadapi masalah, termasuk masalah keganasan seksual. Semua pengadu yang datang ke Unit ini diberi khidmat nasihat oleh kaunselor dan para kaunselor yang bertugas sebelum dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan. Kes-kes keganasan disalurkan kepada jabatan berkaitan, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Biro Bantuan Guaman dan Polis Diraja Malaysia, untuk siasatan dan tindakan selanjutnya. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling juga disediakan di Rumah Nur di setiap negeri.

Kementerian juga sedang bekerjasama dengan ahli akademik untuk menjalankan kajian mengenai implikasi penderaan seksual ke atas mangsa dan keluarga, serta mencari jalan terbaik dalam konteks membantu mangsa menghadapi tekanan. Di samping itu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), telah memperkenalkan beberapa program kesejahteraan keluarga seperti mengadakan kempen utamakan keluarga, "Semakin Hari Semakin Sayang" yang dilancarkan pada 31 Julai 2002.

Kempen ini bertujuan untuk melahirkan keluarga kukuh, berakhlak, sihat, berilmu, berdaya tahan, beriman dan harmoni, dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai negara yang berkeperibadian mulia. Kempen kesedaran ini dilaksanakan melalui media meliputi iklan televisyen, siaran radio, pengiklanan luar, mengedarkan poskad, pelekat kereta dan kalender. Sejalan dengan program ini juga, satu pakej *Smart Start*, iaitu satu panduan komprehensif untuk pasangan yang akan dan baru berkahwin dijalankan. Antara lain, ia mengandungi maklumat persediaan dan pemantapan perkahwinan, kesihatan keibubapaan dan undang-undang berkaitan keluarga.

LPPKN juga menjalankan program-program pendidikan seksual remaja yang dinamakan "My Peer", modul pembangunan remaja "Permata Kasih, Katakan Tidak", yang mengajar remaja cara-cara menangani gejala negatif serta modul "Bahtera Kasih" kepada pasangan yang baru berkahwin. Selain itu, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga melalui LPPKN juga, telah dan sedang menubuhkan kompleks "Kasih Keluarga", yang berperanan antara lain menyediakan perkhidmatan kaunseling dan perkhidmatan lain yang diperlukan oleh mangsa. Melalui program pemantapan institusi keluarga yang berkesan, adalah diharapkan gejala-gejala negatif termasuk keganasan seksual, sumbang mahram, keganasan rumah tangga dan sebagainya, akan dapat dikurangkan dan ditangani sebaiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Disebabkan jawapan begitu komprehensif dan mengambil masa, saya benarkan satu soalan tambahan, iaitu daripada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah dalam kajian Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, apakah punca-punca utama yang menyebabkan masalah keganasan seksual? Terima kasih.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Senator. Err .... minta maaf saya tidak dapat nama tadi. Sekarang ini memang kita dapati bahawa keganasan seksual ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Ubaidah.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Ubaidah yang saya rasa baru sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Wan Ubaidah.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Puan?

**Beberapa Ahli:** Wan.

**Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin:** Wan Ubaidah. Kebelakangan ini memang kita dapati bahawa keganasan seksual di negara kita kelihatan agak meningkat. Ia berlaku disebabkan oleh berbagai-bagai perkara, dan kita juga jangan lupa bahawa peningkatan ini juga adalah kerana adanya pendedahan dan kesedaran di kalangan masyarakat yang telah pun dilaksanakan kempen kesedaran, pemantapan perundangan daripada kementerian-kementerian. Kalau pada masa lalu kemungkinan soal-soal ini tidak terdedah, media tidak mendedahkan, kita tidak dapat menyatakan bahawa bilangan pada masa dahulu kurang dan sekarang ini berlebihan. Ini satu fakta yang ingin saya sebutkan di sini, kerana kesedaranlah hari ini kita melihat bahawa soal-soal ini telah pun diketengahkan ke pengetahuan masyarakat.

Di antara sebab-sebab yang menyebabkan masalah ini berleluasa, pertamanya adalah unit keluarga itu sendiri, kerana kita berpendapat bahawa keluarga adalah asas membangunkan individu. Sebab itu dalam jawapan saya tadi, saya telah menjelaskan bahawa kementerian melihat

untuk mengatasi masalah ini, bukan kita bertindak kepada isu ataupun kepada insiden-insiden yang berlaku tetapi kita melihat kepada akar umbi permasalahan itu.

Oleh itu, pihak kementerian pada hari ini berusaha untuk memantapkan institusi kekeluargaan supaya keluarga akan menjadi sebagai asas untuk melahirkan masyarakat yang penyayang. Dengan ini akan mengurangkan masalah-masalah yang disebutkan tadi.

Masyarakat yang berkualiti, kita berharap untuk melahirkan bangsa Malaysia yang progresif, melahirkan keluarga yang kukuh, berakhlak mulia, sihat, berilmu dan juga harmoni. Inilah asasnya kepada usaha-usaha yang dijalankan hari ini, di samping kita menyedari bahawa ada unsur-unsur lain seperti VCD lucah dan berbagai-bagai filem pornografi, yang hari ini sedang ditangani oleh kerajaan dengan begitu serius.

Kita berharap kerajaan parti pembangkang seharusnya bersama-sama dengan kita. Jangan kita cuma menumpukan kepada soal-soal melihat kelemahan kerajaan dan sebagainya, tetapi seharusnya bersama-sama dengan kerajaan Barisan Nasional dalam mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**8. Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Menteri Kewangan menyatakan punca kewangan untuk membiayai Pakej Rangsangan Ekonomi sejumlah RM7.3 billion dan daripada peruntukan tersebut berapakah yang diuntukkan untuk tujuan pertanian di negara kita.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, pakej strategi baru yang diumumkan pada 21 Mei 2003 yang lalu bertujuan untuk mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi negara akibat daripada cabaran-cabaran yang dihadapi. Pakej ini memberi tumpuan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dalam negeri supaya dapat mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar. Oleh itu pakej ini memberi penekanan kepada langkah-langkah untuk menggerakkan semula sektor swasta terutamanya industri kecil dan sederhana (IKS), mempertingkatkan daya saing negara, membangun punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan ataupun *delivery system*.

Di samping itu pakej ini turut mengandungi langkah-langkah yang spesifik bagi membantu industri-industri yang terjejas oleh wabak SARS. Pakej ini melibatkan perbelanjaan sebanyak RM7.3 bilion. Daripada jumlah ini, RM1.7 bilion adalah peruntukan Kerajaan Persekutuan, RM2 bilion disediakan oleh Bank Negara Malaysia dan baki RM36 bilion disediakan oleh institusi kewangan pembangunan yang terdiri daripada Bank Pertanian Malaysia, Bank Industri, Bank Pembangunan dan Infrastruktur dan juga Bank Simpanan Nasional.

Oleh kerana sektor pertanian merupakan penajaan pertumbuhan ekonomi domestik yang penting, kerajaan akan terus memberi tumpuan khusus kepada sektor ini. Dari pakej strategi baru yang telah diumumkan, sejumlah RM2.75 bilion telah pun diperuntukkan bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan di sektor ini.

Kesemua aktiviti di atas memberi manfaat kepada kira-kira 400 petani, penternak, nelayan dan usahawan di seluruh negara memandangkan golongan ini menjadi pengeluar sumber makanan utama. Terima kasih.

**Datuk William Lau Kung Hui:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ekonomi negara kita terlalu bergantung kepada ekonomi Amerika Syarikat kerana kita bergantung pada eksport ke Amerika dan ada dikatakan apabila Amerika *bashing*, kita *demand*, dan buat masa ini nilai Amerika Syarikat semakin jatuh. Soalan tambahan saya, sejauh manakah telah berkesan Pakej Rangsangan Ekonomi sejumlah RM7.3 bilion boleh menangani masalah lantaran kelemahan ekonomi Amerika itu?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar bahawa kebanyakan eksport kita bergantung kepada negara Amerika. Dan memang benar seperti mana dikatakan tadi bahawa duit kita pun ditambah dengan US Dollar. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi apa yang kita harapkan sekarang ini kita hendak mencari pertumbuhan-pertumbuhan baru seperti bio-tech dan sebagainya dan juga kita tidak akan tertumpu hanya kepada Amerika Syarikat tetapi juga Asia Barat dan sebagainya.

Selain daripada itu, kita berharap juga supaya dengan adanya pakej-pakej rangsangan ini dapat kita menggerakkan suasana ekonomi dalaman dengan IKSnya, dengan pertaniannya dan dengan perindustrian dalaman negara. Dengan cara itu saya rasakan efek dan impak yang paling ketara ialah selepas pakej strategi baru ini diumumkan, nampaknya BSKL sudah meningkat. Terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana begitu berjaya menangani pelbagai masalah. Saya juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan pihak kerajaan akan mewujudkan Institusi Pemikiran Dr. Mahathir. Tetapi sebelum kita menunggu institusi itu, patut kita menghayati pemikiran Dr. Mahathir itu sendiri sekarang di mana perlu.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat mengenai kejayaan kita menangani masalah ekonomi tahun 1997/1998 dan juga ketidaktentuan ekonomi hasil daripada perang Iraq dan juga penyakit SARS.

Saya ingin mengetahui apakah sebenarnya kalau dilihat dan diteropong dengan halusi ciri-ciri kepimpinan Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir dalam menangani masalah yang begini besar tetapi berjaya sehingga mendapat penghormatan dunia Barat? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat dasar-dasar yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita terpaksa berbalik kepada peribadi dia sendiri. Oleh kerana itu dapat kita lihat dasar-dasar yang dibuat itu mencerminkan keperibadian diri dia. Terutamanya kalau kita tengok selepas beliau menjadi Perdana Menteri, di mana-mana dia akan membangkitkan soal keagungan, maruah, bangsa dan juga negara kita.

Keduanya, tentang keperwirannya bahawa dia tidak panik, tidak mengerti menyerah kalah, tidak takut dan hilang arah apabila ditimpa krisis. Tadi seperti mana Yang Berhormat katakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, adakah ianya bermaksud kalau miskin, susah hendak mempertahankan maruah?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Ya, termasuk juga. Kalau terlalu miskin kita akan menjadi kufur.

Jadi, kalau kita lihat tentang peribadi beliau maka dapat kita lihat bahawa semasa krisis yang dikatakan tadi kita tidak mengambil duit daripada IMF ataupun daripada World Bank. Saya kebetulan pula dapat bersama-sama dengan beliau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa perbincangan kumpulan kecil, saya sendiri mengatakan saya takut kerana kita tengok Jepun sudah ambil, Korea sudah ambil, Filipina sudah lama ambil, Indonesia sudah ambil, Thailand sudah ambil, tetapi kita tidak mengambilnya. Tetapi apabila saya bertanya mengenai masalah ini, dia mengatakan bahawa: "itulah dia bahawa, orang Melayu mudah lupa". Lagi saya kebingungan, saya tanya lain jawabnya lain.

Tetapi daripada segi itu dapat kita lihat bahawa apabila kita lihat di Indonesia misalnya apabila dia ambil duit IMF, banyak syarat yang telah diberikan kepada Indonesia, terutamanya tidak ada subsidi. Lantaran itu saya tengok balik bahawa kalau misalnya perubatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pun doktor perubatan, kalau kita lihat misalnya perubatan di Universiti Malaya misalnya, kos pelajarannya RM47,278 dan yuran pengajian yang diminta daripada penuntut hanya RM1,800. Jadi, maknanya subsidi daripada kerajaan RM45,478.00 dan penuntut tidak payah bayar RM1,800 kerana mendapat biasiswa dan sebagainya.

Di sini dapat kita melihat bahawa dengan tidak mengambil IMF maknanya masalah subsidi pendidikan dapat diatasi. Tetapi apabila kita tengok di Indonesia, harga beras naik, duit tak ada, tidak ada subsidi lagi, harga gula naik, harga tepung naik, harga makanan naik, jadilah masalah demonstrasi jalanan. Tetapi negara kita, kalau saya pergi ke Johor misalnya, saya pergi ke Causeway di Johor, saya minta kastam buka apa yang dibawa oleh orang Singapura yang pergi ke Johor balik ke Singapura, tidak ada lain, makanan, makanan, makanan kerana makanan kita ialah *subsidised* dan makanan kita ditanggung separuhnya oleh kerajaan.

Begitu juga kalau kita pergi ke Bukit Kayu Hitam minta kastam buka *boot* kereta, apa yang ada di dalam kereta oleh orang-orang Thailand, yang banyak ialah petroleum, diesel dan

sebagainya kerana perkara-perkara ini, item-item ini juga disubsidi oleh kerajaan. Jadi, di sini kita nampak bahawa pandangan beliau begitu jauh.

Kita berharap dengan adanya skim-skim kredit mikro yang sekarang dilancarkan kita dapat melihat bahawa pemikiran Dr. Mahathir itu lebih jauh daripada pandangan kita sendiri. Terima kasih.

9. **Dato' Dr. S. Vijayaratnam** minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah sayur-sayuran yang dilarang akan penjualannya oleh Kerajaan Singapura kerana mempunyai kandungan racun serangga yang tinggi dibenarkan pula untuk dijual di pasar raya di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya bagi pihak Kementerian Pertanian, peladang, nelayan, pengusaha kecil pertanian mengucapkan tahniah atas pelantikan Tan Sri sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa sayur-sayuran yang dilarang penjualannya oleh Kerajaan Singapura kerana mempunyai sisa racun serangga yang lebih tinggi dibenarkan dijual di negara itu. Pada hakikatnya Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian sentiasa bekerjasama dan berhubung dengan pihak berkuasa di Singapura iaitu Agri-Food and Veterinary Authority (AFVA) bagi memantau dan menangani isu sisa bagi racun perosak yang berlebihan. Setiap *consignment* sayur-sayuran ke Singapura yang mengandungi racun perosak tidak dibenarkan oleh pihak AFVA adalah dimusnahkan oleh pihak berkenaan.

Kementerian Pertanian dengan kerjasama kementerian lain juga sentiasa membuat pemantauan di peringkat ladang dan pasar raya untuk memastikan sayur-sayuran yang dijual oleh tempatan yang mempunyai sisa racun serangga yang berlebihan. Di samping itu, Kementerian Pertanian melalui FAMA juga berusaha untuk mengenal pasti pengeluar yang menggunakan racun serangga yang berlebihan berdasarkan label yang dikeluarkan oleh FAMA. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat untuk jawapan beliau tadi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, di antara tiap-tiap empat orang di Malaysia, satu akan terjejas penyakit barah. Dan satu ejen yang boleh jadi menyebabkannya ialah racun serangga yang dilarang (*banned pesticides*), dengan izin, yang digunakan untuk sayur-sayuran, dan yang masih dipakai oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab langsung.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah jabatan-jabatan pertanian di negeri-negeri Malaysia mempunyai kemudahan menguji analisa kimia cepat (*rapid chemical analysis*) di mana orang awam dapat membawa sayur-sayuran pasar yang disyaki untuk ujian dan dapat keputusan dengan serta-merta? Sekian, terima kasih.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian bersama dengan Kementerian Kesihatan telah ada satu sistem yang boleh dikatakan canggih juga untuk menguji sampel-sampel yang kita ambil di pasar-pasar raya dan perkara ini telah dilakukan berkala ataupun *continuously* - dengan izin - dan perkara ini telah pun dijalankan sebegitu lama. Sebab itulah Kementerian Pertanian juga telah mengadakan Sijil Skim Akreditasi Ladang Malaysia kerana kita tahu ada juga orang katakan peladang-peladang yang tidak bertanggungjawab menggunakan racun serangga dengan berlebihan.

Kerana itulah kita mengadakan Skim Akreditasi Peladang Malaysia ini supaya kita akan akreditasikan peladang ini dan tentukan mereka ikut tahap yang diluluskan oleh kerajaan. Itulah dan kita harap sekarang ini kita ada lebih kurang 47 Skim Akreditasi Ladang di Malaysia dan insya-Allah kita akan tingkatkan hal ini. Terima kasih.

10. **Tuan Wee Kok Tiong** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) adakah benar, pada 28 Mei 2003, kementerian akan menetapkan duti "provisional anti-dumping" antara 7.91 hingga 43.24 peratus ke atas media cetak yang berasal atau diimport dari negara Kanada, Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Amerika Syarikat; dan
- (b) jika benar, terangkan mengapa tindakan tersebut tanpa notis dijalankan kerana tindakan sedemikian menjejaskan industri media tempatan akibat kenaikan kos pengeluaran sehingga memaksa masyarakat membayar harga yang tinggi untuk memperoleh saluran media tersebut.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tarikh 28 Mei 2003 seperti yang di katakan oleh Yang Berhormat itu adalah tidak tepat. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah menetapkan tarikh 30 Mei 2003 untuk duti anti-lambakan sementara mula dikuatkuasakan ke atas media cetak yang berasal atau import dari negara Kanada, Indonesia, Filipina, Korea Selatan dan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan untuk mengenakan duti tersebut dijalankan dengan notis yang mencukupi. Sebelum daripada tarikh pengenaan duti ini, notis telah dikeluarkan kepada semua pihak berkepentingan pada 16 Januari 2003 yang memaklumkan bahawa keputusan mengenai pengenaan duti anti-lambakan sementara akan dibuat dalam tempoh 120 hari dari tarikh notis tersebut. Tindakan ini adalah untuk mengatasi harga media cetak yang dilambakkan di Malaysia.

Penyiasatan yang dijalankan oleh MITI menunjukkan bahawa harga media cetak di Malaysia dijual dengan harga yang terlalu murah berbanding dengan harga media cetak di negara-negara tersebut. Ini membuktikan bahawa negara-negara tersebut telah melambakkan media cetak di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pengenaan duti anti-lambakan ini adalah dibenarkan di bawah peraturan-peraturan WTO bertujuan untuk menghapuskan amalan-amalan perdagangan tidak adil oleh syarikat-syarikat asing melalui harga lambakan yang mana telah mengakibatkan kemudaratan kepada industri media cetak tempatan.

Di antara kemudaratan yang telah dialami oleh industri media cetak adalah pemotongan harga, peningkatan harga, kemelesetan harga dan kerugian. Terima kasih.

11. **Datuk Dr. Haji Haris bin Haji Salleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah kesan ke atas kehidupan manusia dan ekonomi negara akibat kebakaran hutan di Sumatera, Indonesia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia dan negara-negara ASEAN untuk membantu mengatasi masalah kebakaran tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat daripada Datuk Dr. Haji Haris bin Haji Salleh bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kejadian kebakaran yang berlaku di Sumatera boleh menyebabkan pencemaran udara yang serius dan meninggalkan pelbagai kepada kehidupan manusia dan juga ekonomi negara. Antara lain .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon izin menyampuk sebentar. Saya lihat di wajah dan di air muka Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mungkin saya melakukan sesuatu yang tidak adil jika saya tidak ingatkan kepada Yang Berhormat yang tidak hadir semalam bahawa peraturan mesyuarat hanya memerlukan Pengerusi Mesyuarat disebut sebagai Tuan Yang di-Pertua sebab yang duduk di kerusi ini silih berganti dan sebab mengelak dari ucapan jadi tersasul memadai disebut Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. [Tepuk]

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana ingatkan saya. Boleh sambung Tuan Yang di-Pertua? Antara lain kejadian jerebu teruk yang melanda negara pada tahun 1997 akibat dari kebakaran hutan di negara jiran telah menjejaskan ekonomi negara melibatkan beberapa sektor utama seperti pengangkutan, pelancongan, pertanian dan juga kesihatan. Sektor pengangkutan terjejas teruk akibat dari pembatalan penerbangan yang terpaksa dibuat disebabkan jarak penglihatan yang tidak memungkinkan penerbangan dibuat.

Pengisytiharan darurat jerebu di Sarawak telah menjejaskan aktiviti ekonomi di negeri tersebut selama sepuluh hari. Hasil pertanian juga terjejas akibat dari kurangnya sinaran matahari yang diterima oleh tumbuhan untuk tujuan pembesaran. Selain daripada itu kesihatan umum khususnya mereka yang sensitif kepada perubahan cuaca dan habuk iaitu mereka yang telah sedia mempunyai penyakit berkaitan dengan sistem respiratori. Orang-orang tua dan kanak-kanak turut menerima kesan akibat dari pendedahan kepada paras habuk yang begitu tinggi di ruang udara ketika itu. Pihak kerajaan terpaksa menanggung kos rawatan orang awam yang menerima kesan akibat daripada kejadian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah dan akan terus berusaha bersama-sama dengan negara ASEAN menggunakan mekanisme ASEAN untuk mengatasi masalah kebakaran ini dari berlaku dan bagi mengelakkan kejadian jerebu berlaku tahun 1997 tidak berulang.

Rundingan perkongsian pengalaman, bantuan kewangan, peralatan, teknologi melalui agensi bantuan antarabangsa dan pelbagai usaha akan terus diusahakan untuk membantu negara jiran bagi mengawal kebakaran. Malah ada satu perjanjian iaitu yang dinamakan ASEAN Agreement on Trans-boundary Haze Pollution, dengan izin, telah ditandatangani oleh negara-negara ASEAN pada tahun 2002 bagi memperincikan bantuan di antara negara-negara ASEAN ke arah mencegah dan memadam kebakaran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah berakhir.

***[Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah selesai]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah:

“Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan”.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat ini bermakna kalau Yang Berhormat cakap panjang balik lambat, cakap pendek balik awal. *[Ketawa] [Tepuk]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG LATIHAN KHIDMAT NEGARA 2003

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [7 Julai 2003]

11.10 pagi.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam apabila saya diminta tunggu sehingga hari ini, saya dalam perbahasan di bawah Fasal 7. Di dalam fasal ini ada diperuntukkan bahawa keahlian Majlis termasuk seorang Pengerusi, lima orang ahli yang mewakili kerajaan dan tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada lima yang mewakili kaum-kaum yang utama di Malaysia.

Pada pendapat saya, keahlian Majlis ini adalah terlalu sedikit memandangkan saya diberitahu di Sabah dan Sarawak sahaja ada 27 suku kaum. Dan kalau kita menggunakan kriteria kaum sebagai asas membuat pelantikan, maka kita akan menghadapi masalah-masalah sedemikian. Kita akan mengetepikan kaum-kaum tertentu kerana kita menganggap mereka sebagai tidak penting kerana itu bukan kaum utama. Kenapa kita tidak guna kriteria yang lain untuk membuat pelantikan?

Kita sudah ada anak Malaysia sejak tahun 1957, sejak kemerdekaan. Semua itu kita sudah panggil "Anak Malaysia". Anak Malaysia boleh mewakili semua rakyat Malaysia. Itu bagi saya adalah lebih penting dan kerajaan tidak harus menggunakan kaum sebagai kriteria untuk melantik ahli-ahli dalam Majlis. Kita mahu proses Latihan Khidmat Negara ini dijalankan dengan licin memandangkan ia telah mendapat sambutan yang begitu hangat dan begitu baik dari semua golongan rakyat. Jadi kenapa dari pelantikan keahlian Majlis ini, kita menimbulkan masalah-masalah tertentu. Jadi saya harap ini akan diberi perhatian dan mungkin diambil kira untuk sama ada memperluaskan lagi keahlian Majlis ini dengan menambahkan beberapa orang lagi dan juga tidak menggunakan kaum sebagai unsur untuk membuat pelantikan.

Saya juga memerhatikan bahawa di dalam rang undang-undang ini tidak ada perhubungan di antara Majlis dengan Ketua Pengarah Latihan Khidmat Negara. Di dalam tugas Majlis itu tidak disebutkan langsung hubungan dengan Ketua Pengarah sungguhpun di bawah Fasal 15 ada disebutkan bahawa kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan kepada Ketua Pengarah tentang penjelasan kuasa dan tentang budi bicara yang diberikan kepada Ketua Pengarah dan juga tentang kewajipan yang dikehendaki supaya ditunaikan oleh Ketua Pengarah tetapi tidak disebutkan hubungan di antara Majlis dengan Ketua Pengarah.

Adakah Ketua Pengarah menjadi Setiausaha kepada Majlis? Tidak juga disebutkan. Adakah Ketua Pengarah diwajibkan menghadiri mesyuarat Majlis? Juga tidak disebutkan. Jadi nampaknya tidak ada hubungan di antara kedua-dua pihak yang penting ini.

Saya juga mengkaji Fasal 20 iaitu berkenaan dengan semua keadaan yang kena diambil kira oleh Menteri untuk membenarkan penangguhan latihan. Saya harap untuk menjelaskan lagi perkara di bawah Fasal 20 ini, Menteri akan mewartakan prinsip-prinsip yang diguna pakai untuk memberi penangguhan keadaan-keadaan yang boleh diambil kira untuk memohon mendapatkan penangguhan dan sebagainya supaya ini adalah jelas dan kita tidak ada apa-apa lagi keraguan tentang perkara ini.

Berkenaan dengan Fasal 25 dan 26, saya perhatikan bahawa Menteri boleh melantik mana-mana orang lain untuk menjadi jurulatih tidak semestinya daripada sektor awam dan sektor badan-badan *statutory* iaitu mungkin orang-orang daripada syarikat-syarikat swasta dan sebagainya.

Ada juga diperuntukkan tentang bayaran kepada mereka dan sebagainya tetapi ada diperuntukkan bahawa Menteri juga boleh mengambil tindakan terhadap sesuatu firma kalau ada

masalah dari segi bayaran gaji. Saya perhatikan ini diperuntukkan di bawah Fasal 26(4) tetapi adalah lebih baik kalau Fasal 26(5) itu diguna pakai kerana ini memperuntukkan bahawa satu pengiraan dibuat dengan majikan bagi orang berkenaan tentang penggajian orang itu sekiranya ia dilantik menjadi jurulatih.

Mungkin ada juga banyak firma yang akan melihat ini sebagai satu penghormatan kepada mereka kalau kakitangan mereka itu dijemput untuk menjadi jurulatih dan akan secara sukarela dan terbuka menanggung segala aspek penggajian kakitangan mereka semasa mereka bertugas dengan badan yang mengendalikan Latihan Khidmat Negara ini. Jadi saya memerhatikan adalah lebih baik kalau kita jangan guna Fasal 26(4) sungguhpun ia ada diperuntukkan.

Satu lagi ialah berkenaan dengan Fasal 27 yang mana sesiapa yang mengganggu orang daripada menjalankan Latihan Khidmat Negara boleh dipenjarakan tidak lebih daripada 10 tahun iaitu satu peruntukan di bawah Fasal 27(4).

Saya perhatikan juga bahawa tidak ada alternatif, hanya dipenjarakan kalau didapati bersabit kesalahan dalam perkara ini iaitu mungkin mengganggu seorang sudah mendapat menjalankan tetapi membuat sesuatu sehingga orang ini tidak dapat menyertai skim. Jadi, saya pun kurang faham, biasanya kita ada alternatif iaitu denda dan sebagainya tetapi nampaknya dalam situasi ini dipenjarakan itu ialah denda yang semestinya dikenakan oleh hakim. Mungkin kita ada sebab-sebab tertentu yang boleh meringankan lagi hukuman tetapi nampaknya hakim hanya ada dua pilihan iaitu satu, bebaskan kes itu dengan tidak mengambil sebarang tindakan atau yang kedua penjarakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon izin saya menyampuk sebentar, sila duduk Yang Berhormat. Saya mengikuti perbincangan Yang Berhormat dan mendapati bahawa pendekatan Yang Berhormat adalah amat sesuai dengan satu daripada peranan Dewan Negara untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam penggubalan rang undang-undang, sama ada *drafting* atau sesuatu yang Dewan Rakyat telah, dengan izin, *overlooked*. Saya amat tertarik dengan pendekatan yang diambil oleh Yang Berhormat dalam pengkajian sesebuah rang undang-undang. Terima kasih, Yang Berhormat. [*Tepuk*]

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah peranan saya sejak saya berada dalam Dewan ini pada tahun 1999. Setiap kali saya membahaskan sesuatu saya mengkaji rang undang-undang itu dengan teliti, membuat bandingan dengan Akta ibu dan kemudian melihat di mana ada kelemahan-kelemahan dan kemudian mengutarakan tetapi malangnya setahu saya sehingga hari ini tidak satu juga perkataan yang saya telah berjaya meminda. Tetapi saya akan berusaha supaya apa yang saya melihat sebagai kelemahan itu dapat diambil perhatian oleh pihak-pihak daripada semua jabatan kerajaan kerana banyak kali mereka telah mengakui semasa menjawab soalan tentang perkara-perkara yang saya bangkitkan itu, bahawa ada kelemahan tetapi proses untuk membuat pemindaan itu mungkin akan mengambil masa sedikit.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menyokong latihan-latihan khidmat negara ini dan saya berharap lebih tumpuan diberikan kepada anak-anak kita yang terlibat dalam latihan ini. Saya berharap mereka didedahkan kepada prinsip-prinsip yang baik, prinsip-prinsip sivik. Saya mahu melihat ramai daripada pelatih-pelatih ini keluar di merata-rata jalan membantu mereka *queue* atau beratur semasa menaiki bas sebagai satu daripada tugas mereka kerana saya melihat di banyak tempat remaja ini disalahkan sebagai sumber yang merosakkan harta benda awam sebagai mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya berharap dengan latihan ini mereka dapat menjadi seorang rakyat yang berguna dan dapat menyumbang kepada negara.

Saya juga tidak mahu melihat duit-duit kerajaan itu sia-sia sahaja dengan mengadakan satu rancangan yang baik pada prinsipnya tetapi tidak dilaksanakan dengan baik. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan untuk menjawab.

**11.25 pagi.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat di sepanjang perbincangan Rang

Undang-undang Latihan Khidmat Negara 2003 ini. Saya dapati seramai 25 orang Ahli Yang Berhormat telah pun menunjukkan minat yang begitu baik sekali dalam perbahasan ini berbanding dengan .....

**Tuan Yang di-Pertua:** 26 Yang Berhormat, dalam catatan saya.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Dalam catatan saya Tuan Yang di-Pertua, 25 orang. Kalau ada tambahan 26 itu adalah Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *was by* Dr Chin. 26 ya. Minat yang ditunjukkan bukan hanya menampakkan betapa prihatin mereka tentang rang undang-undang kelak akan dilaksanakan bahkan juga kerisauan pun ada. Saya dapati tentang bagaimana anak-anak generasi muda kita kelak akan dilahirkan sebagai insan yang bukan hanya dapat memberi sumbangan kepada keluarga bahkan juga kepada negara dan diri mereka akhirnya.

Perkara ini, suka saya nyatakan bukanlah perkara yang baru walaupun ada setengah-setengah Ahli Yang Berhormat menyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa rang undang-undang ini kita bentangkan secara tergesa-gesa dan di sepanjang perkhidmatan saya selaku Ahli Dewan Rakyat saya dapati perkara ini di awal tahun 1990'an lagi sudah dibangkitkan menerusi pelbagai soalan di Dewan Rakyat tetapi kerajaan telah melihat pada keadaan itu tidak menggalakkan sangat dan membolehkan kita untuk melaksanakan. Sehingga bila diadakan satu simposium seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan semalam dan kita dapati bahawa perancangan perlu ada dengan begitu rapi dan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan khidmat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan sokongan-sokongan yang telah dibuat disebutkan dalam perbahasan ini akan memantapkan lagi pelaksanaan program ini. Saya berharap saranan Yang Berhormat Datuk Zainal Rampak supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan sokongan ini terus menunjukkan sokongan dan bersama-sama membantu menjayakan dan menjelaskan program ini kepada masyarakat agar diterima dan saya dahului dengan ucapan terima kasih kepada mereka.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dalam ucapan pembentangannya bahawa proses mendapatkan pandangan serta cadangan-cadangan membina akan diteruskan. Dengan itu, segala cadangan, pandangan dan juga kritikan yang di bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, program ini sebenarnya dirangka untuk menghasilkan sesuatu yang baik dan positif. Semua nilai murni yang diterima oleh semua kaum merupakan inti pati kepada kurikulum terutamanya dalam usaha membentuk sikap-sikap positif di kalangan peserta. Program ini tidak menonjolkan satu-satu kaum atau agama dan kepercayaan sesuatu kaum sahaja. Para peserta akan didedahkan kepercayaan dan adat resam pelbagai kaum di Malaysia bagi bertujuan untuk menimbulkan perasaan saling menghormati antara satu sama lain.

Bagi memastikan pelbagai kaum terlibat dalam program yang bersifat nasional ini kerajaan akan memastikan pelbagai kaum terlibat dalam semua sektor pelaksanaannya, bukan sahaja para peserta malahan pegawai-pegawai, para jurulatih dan fasilitator akan melambangkan identiti majmuk. Kepelbagaian kaum ini dipentingkan memandangkan objektif program ini adalah untuk mencapai perpaduan dan integrasi nasional. Sementara itu, penempatan sebilangan dari peserta akan dibuat secara lintas negeri di mana sebagai contoh peserta dari negeri Kedah atau Perlis akan ditempatkan di Selangor dan negeri lain, begitu juga peserta dari Kelantan Johor dan sebagainya, manakala peserta-peserta dari Sabah dan Sarawak sebilangan dari mereka akan di tempatkan di Semenanjung dan sebaliknya. Dengan itu pusat-pusat latihan ini akan diwujudkan di semua negeri termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, program ini akan direncanakan untuk memberi faedah kepada peserta-peserta yang terlibat. Sebagai tambahan kepada nilai berfaedah ini, kita sedang mengkaji dan menimbang beberapa kelebihan lain yang boleh dinikmati oleh peserta yang telah menamatkan Latihan Khidmat Negara. Ini termasuk kemudahan dan kelebihan yang boleh diberikan daripada pihak kerajaan.

Kita yakin bahawa semua pihak termasuk pihak swasta akan turut serta menimbangkan kelebihan-kelebihan yang boleh dipanjangkan kepada peserta-peserta yang telah melalui program

ini. Kerajaan mahu menjadikan program ini menarik, semerarik yang mungkin dan mahu menjadikan ianya satu kerugian kepada mereka yang tidak terpilih.

Secara keseluruhannya kurikulum program ini dirangka dengan mengambil faktor-faktor seperti berikut:

- (i) sesuatu yang menyeronokkan serta mendatangkan faedah;
- (ii) mengelakkan aktiviti-aktiviti yang bersifat penderaan;
- (iii) mementingkan latihan dalam kumpulan dan aktiviti luar kelas;
- (iv) sesuatu yang boleh kekal dalam ingatan peserta;
- (v) menyelaraskan dari segi modul dan pelaksanaannya;
- (vi) garis panduan kepada jurulatih-jurulatih;
- (vii) penubuhan badan pemantau;
- (viii) Jurulatih/Fasilitator dan Penyeliaan dipilih daripada mereka yang terlatih dan mempunyai pengalaman serta kepakaran; dan yang akhir
- (ix) Tidak ada perbezaan dari segi kurikulum untuk peserta lelaki atau perempuan.

Faktor-faktor di atas sudah pasti akan dapat menjawab keresahan Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peserta-peserta dari setiap pusat latihan merangkumi pelbagai kaum dan jantina serta negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peserta-peserta akan diutamakan keselamatan mereka. Masalah ini memanglah telah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kabinet. Pada masa yang kini kerajaan sedang mengkaji satu skim perlindungan insurans secara berkelompok bagi perlindungan para peserta.

Banyak daripada Yang Berhormat bertanya tentang elaun peserta. Sukacita saya nyatakan bahawa para peserta akan diberi elaun di sepanjang tempoh mereka menjalani latihan. Walau bagaimanapun, jumlah kadar elaun ini akan diputuskan mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani membangkitkan soal latihan menggunakan senjata api. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam ucapan pembentangan beliau mengenai pengenalan kepada penggunaan senjata api, sememangnya menjadi antara perkara dalam kurikulum program ini. Kita mahu menjadikan latihan ini ada rasa sedikit sebanyak suasana ketenteraan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat telah membangkitkan soal keberkesanan latihan ini, memandangkan ianya bersifat wajib dan hukuman yang dikenakan jika ingkar. Sebenarnya soal wajib atau sukarela ini telah dibincangkan secara mendalam oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara serta dengan beberapa pihak yang telah mengadakan dialog dengan Yang Berhormat Menteri.

Bagaimanapun kita telah melihat dengan jelas bahawa program yang dilaksanakan secara sukarela kurang mendapat sambutan atauambutannya hanya daripada satu kaum sahaja. Memandangkan objektif program ini ialah untuk mencapai perpaduan antara kaum, maka unsur wajib menjadi penting bagi membolehkan semua kaum terlibat dalam program ini.

Kita berharap semua kaum akan memberi sokongan padu kepada program ini bagi membolehkan peserta-peserta berbagai kaum dapat duduk melakukan berbagai aktiviti secara bersama. Yang pentingnya apabila semua pihak menerima program ini dengan ikhlas, maka dengan itu soal hukuman menjadi faktor sampingan.

Mengenai kebimbangan pihak ibu bapa terhadap pelajaran anak-anak mereka yang mengikuti Latihan Khidmat Negara ini, kerajaan akan cuba mewujudkan keanjalan atau *flexibility* dalam pengambilan yang dibuat secara bersiri. Ini bagi membolehkan para peserta dimasukkan dalam siri-siri yang bersesuaian bagi mengurangkan kesan ke atas rancangan pembelajaran mereka. Mengenai kemungkinan terdapat mereka yang secara sukarela ingin mengikuti Latihan

Khidmat Negara walaupun tidak dipilih, kerajaan sedang mengkaji kemungkinan untuk memberi ruang kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, program ini memangnya akan memakan belanja kerajaan yang agak besar. Bagaimanapun, keperluan dan kepentingan program ini dilaksanakan akan memberi faedah yang jauh lebih besar daripada kemajuan negara dan pembangunan negara pada masa hadapan. Kita mahu memastikan segala yang kita bina pada masa ini akan kekal dan dapat dinikmati oleh rakyat negara ini dan untuk mengekalkan apa yang ada, ini tentunya memerlukan perbelanjaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Agnes Shim telah menimbulkan isu maksimum Anggota Majlis Latihan Khidmat Negara termasuk Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi dilantik di bawah Fasal 7(1)(c). Beliau mencadangkan supaya bilangan maksimum anggota Majlis yang mewakili kaum-kaum utama di Malaysia hendaklah dinaikkan daripada 5 kepada 10 orang.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa bilangan ini telah ditentukan oleh kerajaan dengan mengambil kira seperti yang kita sebutkan, iaitu bilangan kaum-kaum utama di Malaysia. Walau bagaimanapun, sekiranya difikirkan perlu di masa hadapan, bilangan anggota Majlis daripada kategori ini bolehlah ditambah.

Ini tidak bererti atau bermakna bahawa kaum-kaum lain diketepikan. Kalau kita berdasarkan kaum, sudah pasti banyak kaum di negara ini. Contohnya di negeri Sabah sendiri, kita mempunyai lebih daripada 36 kaum dan sudah pasti nanti akan melibatkan banyak anggota yang akan menduduki ahli Majlis ini.

Apa yang penting ialah keberkesanan, dan saya yakin wakil-wakil yang akan dilantik oleh kerajaan ataupun mewakili kaum-kaum ini akan dapat mewakili kepentingan semua masyarakat untuk memastikan agar perjalanan khidmat negara ini berjalan dengan lancar dan dengan baik.

Beberapa Yang Berhormat telah membangkitkan soal pengecualian yang akan diberikan menurut Fasal 4 Rang Undang-undang ini. Setakat ini kerajaan hanya akan memberikan pengecualian atas sebab-sebab kesihatan dan ketidakupayaan sahaja dan setelah kesihatan atau ketidakupayaan disahkan oleh suatu panel doktor. Sementara itu penangguhan tanggungan menjalani latihan khidmat negara menurut Fasal 20 boleh diberikan kepada mereka yang memohon atas sebab-sebab kesusahan yang luar biasa.

Penangguhan ini, bagaimanapun, tidak mengecualikan orang itu daripada tanggungannya untuk menjalani latihan khidmat negara. Seperti mana yang telah saya nyatakan sebelum ini, sekiranya program ini telah diterima dengan baik maka soal pengecualian ini bukan lagi menjadi faktor utama.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penjelasan tentang program ini, suatu program penjelasan secara menyeluruh akan dibuat oleh kerajaan sedikit masa lagi. Promosi yang strategik yang melibatkan semua media massa dan media elektronik serta komunikasi *interpersonal* akan diadakan bagi memastikan program ini termaklum kepada semua pihak.

Sasaran utama kita ialah memberi penjelasan kepada para peserta, ibu bapa dan masyarakat keseluruhannya secara telus dan saya juga difahamkan Yang Berhormat Menteri akan menjelajah ke beberapa buah negeri di seluruh negara untuk menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin agar mereka dapat juga membantu menjelaskan manfaat yang kelak diperolehi menerusi latihan khidmat negara ini.

Memandangkan kemampuan kewangan kerajaan dan kemudahan prasarana yang ada pada masa ini, maka kerajaan memutuskan untuk melibatkan hanya seramai 100,000 orang peserta bagi tahun hadapan. Walau bagaimanapun, pada tahun-tahun berikutnya, kemungkinan bilangan ini ditambah bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan pada masa tersebut.

Pada masa ini, kerajaan menumpukan perancangan untuk mengendalikan peserta yang terpilih ini sahaja terlebih dahulu. Bagi baki peserta yang tidak terpilih, setakat ini mereka tidak akan terlibat dalam program ini buat seketika ini. Maka dengan itu dalam rang undang-undang ini kita letakkan *clause* iaitu di antara 16 tahun hingga 35 tahun dibolehkan kalau sekiranya mereka terlepas ataupun tidak terpilih, memungkinkan mereka diwajibkan untuk menyertainya, adalah dalam golongan umur dan usia yang telah pun termaktub dalam rang undang-undang ini.

Masalah pertindihan dari segi pelaksanaan program ini dengan program-program lain tidak timbul memandangkan pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pendidikan dan Kementerian Belia dan Sukan telah diwakili dalam Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara. Isu pertindihan ini telah dibincang dan dikaji dengan mendalam oleh jawatankuasa ini.

Saya juga termasuk dalam jawatankuasa ini dan saya dapati kita telah bermesyuarat banyak kali dan kita telah membincangkan bagaimana - contohnya Rakan Muda dan program-program yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan - dan kita selaraskan untuk memastikan supaya tidak ada pembaziran, tidak akan pertindihan di antara program yang akhirnya dapat mengeluarkan masyarakat generasi muda yang mempunyai jati diri dan juga semangat cintakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat latihan yang dirancang ini mempunyai ciri-cirinya yang unik seperti di lokasi penempatan di kawasan tepi hutan, pergunungan, tepi sungai atau tepi pantai. Setakat ini telah mengenal pasti 16 pusat latihan di seluruh negara. Pusat-pusat latihan ini mempunyai kawasan latihan atau aktiviti luar yang mencukupi untuk aktiviti daratan dan perairan. Pada masa yang sama setiap pusat latihan memuatkan seramai 1,000 orang peserta. Kita juga mengambil kira *fasilitas* berdekatan seperti lapang sasaran, kemudahan pengangkutan awam, tempat beribadat seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Jaya Partiban semalam dan rakan-rakan yang lain, hospital dan sebagainya. Inilah antara faktor pusat-pusat yang sedia ada yang akan digunakan sebagai Pusat Latihan Khidmat Negara.

Kita telah mengenal pasti beberapa lokasi seperti yang saya sebutkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mempunyai beberapa peta yang kita telah kenal pasti dan prasarana ini yang sedia ada mencukupi dan kita tengah hendak melengkapinya kemudahan-kemudahan selaras dengan keperluan untuk melatih anak-anak ini. Lokasi dan prasarana ini telah pun kita kenal pasti sebanyak 16, kemungkinan kita akan tambah bila mana keadaan memerlukan dan kita dapati bahawa seperti yang saya sebutkan, prasarana ini mencukupi dari segi keperluan-keperluan, perairan, pergunungan untuk membolehkan anak-anak kita memanfaatkan latihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemilihan peserta akan dibuat secara berkomputer dan terus kepada semua warganegara Malaysia. Sistem pemilihan komputer ini akan memastikan pemilihan peserta adalah melambangkan pelbagai kaum, jantina dan negeri. Hanya akan melambangkan identiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk terutamanya bagi menempatkan peserta-peserta di setiap pusat latihan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan pelaksanaan program ini dibuat dengan teratur dan licin, maka kerajaan akan menubuhkan Jabatan Latihan Khidmat Negara seperti yang ditentukan dalam Bahagian IV Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara ini. Jabatan ini akan bertanggungjawab untuk memastikan perancangan dan pelaksanaan program bersifat nasional dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Jabatan ini juga akan dianggotai oleh pelbagai kaum.

Sementara itu Tuan Yang di-Pertua selepas peserta menjalani Latihan Khidmat Negara, mereka akan digalakkan untuk menganggotai pasukan-pasukan sukarela atau pertubuhan-pertubuhan belia dan menganggotai pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang bersifat kemasyarakatan. Dengan ini para peserta dapat mempraktikkan atau melaksanakan tanggungjawab mereka di atas kesedaran yang diperlukan melalui Program Latihan Khidmat Negara. Pasukan-pasukan sukarela, pertubuhan belia dan NGO akan diminta memberi kerjasama dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan para peserta seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan M. Saravanan, program ini akan mementingkan keselamatan para peserta begitu juga dari segi psikologi para peserta semasa menjalani latihan. Jadi kerajaan bercadang untuk menempatkan khidmat kaunseling di setiap pusat latihan. Begitu juga dengan perkhidmatan perubatan cemas akan disediakan di setiap pusat latihan untuk memberi perkhidmatan sekiranya diperlukan oleh peserta.

Walau bagaimanapun, kita berharap kerisauan Yang Berhormat ini tidak akan menjadi suatu yang membolehkan mengurangkan semangat para peserta untuk mengikuti latihan ini dan sebelum para peserta ini juga kita masukkan dalam kem pusat-pusat latihan kita, kita akan buat *screening* dari segi kesihatan mereka, adakah mereka akan dibuli oleh kerana faktor kesihatan

untuk mengikuti kursus-kursus sebelum mereka didaftarkan dan sebelum mereka mengikuti latihan dengan begitu intensif.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya hendak memberi sedikit penjelasan tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi di mana beliau risau tentang kuasa-kuasa Fasal 4, Fasal 27 (4), kerajaan memikirkan bahawa kesalahan-kesalahan di bawah Fasal ini adalah begitu serius supaya hukuman sebegitu berat diperuntukkan. Kesalahan-kesalahan di bawah Fasal ini bukan sahaja setakat tidak menghadirkan diri tetapi merangkumi perbuatan mencederakan, mencacatkan, memberi dadah atau bahan lain untuk mengelakkan diri daripada menghadiri Latihan Khidmat Negara. Hukuman penjara yang diperuntukkan ada dalam tempoh maksimum dan bukan tempoh mandatori.

Tuan Yang di-Pertua, program-program rundingan di dalam memperkukuhkan program ini akan berterusan dan cadangan-cadangan yang dimajukan kepada kerajaan akan diberi pertimbangan sewajarnya. Kerajaan yakin program ini akan diterima oleh semua pihak bagi memastikan kejayaannya terutama dalam membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dan bersemangat patriotik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan dalam penggugutan ini dan sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan tidak lupa juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang hendak bersara seperti Datuk Ghazi yang telah memberi banyak sumbangan di dalam Dewan yang mulia ini walaupun beliau tidak berkesempatan untuk memberi ucapan dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, beliau banyak berbakti bukan hanya di dalam Dewan bahkan juga dalam *Commonwealth Parliamentary Association* (CPA) dan semestinya kita akan kehilangan seorang rakan. Begitu juga dengan Timbalan Speaker, Datuk Haji Gapar yang akan menamatkan perkhidmatan dalam bulan Oktober ini.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah membahaskan....

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Mansor, laluan diberi.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja Yang Berhormat. Semalam saya ada membangkitkan mengenai adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan program susulan selepas daripada latihan ini supaya perbelanjaan yang berjuta-juta itu nanti tidak disia-siakan begitu sahaja untuk kita memastikan bahawasanya keberkesanan itu bukan sahaja didapati ketika latihan tetapi kita pastikan selepas daripada itu. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Mansor. Seperti yang saya sebutkan tadi, kita sudah pun berbincang dan kita telah melanjutkan perbincangan ini dengan badan-badan sukarelawan seperti badan-badan NGO dan untuk membolehkan supaya ada kelangsungan selepas daripada mereka dilatih, mereka akan dapat memberi sumbangan, khidmat mereka dan pengalaman yang mereka telah perolehi selama tiga bulan ini untuk terus mengikuti program-program seperti Bulan Sabit Merah ataupun badan-badan yang lain agar akhirnya kita sedikit sebanyak dapat memantau.

Begitu juga kita akan dapat menggalakkan mereka untuk melibatkan diri contohnya dalam pasukan-pasukan keselamatan seperti polis dan juga ketenteraan dengan rekod yang ada. Kita akan sedikit sebanyak dapat mengumpul dan akhirnya akan dapat bertukar maklumat dan pandangan dengan badan-badan agensi-agensi yang lain untuk memastikan agar masyarakat generasi muda yang kita latih seramai 100,000 orang ini atau lebih akan dapat dikenal pasti selepas mereka membuat latihan ini, kita kenal pasti dari segi kejayaan program ini sama ada mereka sudah bertambah dari segi semangat patriotisme di kalangan mereka dan dapat memberi sumbangan yang baik kepada negara dan bangsa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, Timbalan Menteri Pertahanan atas segala jawapan yang menyeluruh dan terperinci sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 72** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2003**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [2 Julai 2003]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli untuk menyambung semula ucapan atas tajuk ini.

**11.52 pagi.**

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Assamualaikum Wbt Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Waalaikumusalam.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Pertama sekali saya menadah tangan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang untuk menyambung perbahasan mengenai IPTS. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan kerana walaupun belum menggulung akta mengenai khidmat negara juga telah memberi sedikit pengiktirafan tentang peranan saya dalam CPA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ini dengan izin untuk menyebut tiga perkara yang saya agak mustahak sebelum saya membahaskan. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kita yang baru iaitu Yang Berhormat Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh kerana dalam masa dua hari beliau berperanan sebagai Yang di-Pertua Dewan. Pada saya, saya telah mendapat banyak ilmu tambahan kepada dua orang Yang di-Pertua dahulu. Saya Alhamdulillah berkesempatan dengan Yang Berhormat To' Puan kita berkhidmat 6 tahun dalam dewan, tiga Yang di-Pertua. Pertamanya Yang Berbahagia Tan Sri Mohammad Yaakob kemudian Yang Berbahagia Tan Sri Micheal Chen dan Alhamdulillah semalam kita mendapat seorang Yang di-Pertua yang baru.

Tiga perkara yang saya melihat ini dan di sini peluang saya untuk melafazkan penghargaan ialah nombor satu tentang peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ahli, saya patuh selalu kita tukar Dato', Tan Sri dan ada yang disebut pula Timbalan Yang di-Pertua, masih lagi tidak betul pada saya mengikut peraturan. Sebenarnya semuanya Yang di-Pertua, ini

yang betul-betul tepat tapi kita sudah berjalan begitu kita tidak hendak tegur sesama kita asalkan Yang di-Pertua mengizinkan, okey! Alhamdulillah kita sudah selaraskan itu.

Keduanya semasa menjawab soalan lisan, tidak diizinkan membuat meminta laluan ini pun pada saya satu teguran yang amat baik dan patut diamalkan oleh rakan-rakan yang seterusnya. Ketiganya ialah pendekatan sambungan daripada Yang di-Pertua yang lain juga memberi peluang penghormatan kepada Yang Berhormat Menteri bila hadir. Malah hari ini kita nampak bila Yang Berhormat Menteri sendiri hadir soalan tambahan diberi lebih daripada yang asal.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbincangan mengenai pendidikan ini begitu amat bermakna sekali kerana kita ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan di rantau ini dan di seluruh dunia. Oleh kerana itu, saya ingin mengambil keberkatan itu dengan membaca beberapa potong ayat Al-Quranul Qarim, Surah Al-Alaq; Ayat 1 – 5 :

*[Membaca Al-Quran Surah Al-Alaq ayat 1-5] Maksudnya: "Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekian makhluk. Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya."*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa amat tepat sekali saya membaca ayat ini, kerana ayat Iqra' menyuruh kita membaca, lebih 1, 400 tahun dahulu wahyu diturunkan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW. Sebenarnya inilah permulaan keseluruhan k-ekonomi yang kita bercakap sekarang. Inilah keseluruhan bidang ilmu yang begitu luas yang Tuhan suruh kita belajar. Inilah permulaan pihak kerajaan yang berteraskan Islam mewujudkan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah rendah, menengah, universiti dan sebagainya.

Lebih-lebih hebat lagi ia menunjukkan cara kita mendapat ilmu itu, cara membaca, cara menulis daripada bacaan dan seterusnya. Malah dalam ayat ini bila saya katakan tentang penciptaan manusia dari sebuku darah beku. Sebenarnya ini melihatkan pengajaran sains sudah pun tertanam dalam ayat pertama yang diturunkan oleh Allah SWT, inilah simbolik tafsiran yang patut kita lanjutkan bahawa keseluruhan yang kita buat dalam bidang pendidikan ini adalah sebenarnya mengikut pesanan Allah SWT.

Malah untuk melengkapkannya hadis Nabi Muhammad SAW ada menyebut *'Tuntutlah ilmu walaupun sampai ke negeri China kerana sesungguhnya menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas orang Islam'*. Untuk melengkapkan petikan saya ini saya juga telah membuat kajian dan mendapat satu peribahasa daripada kaum Cina yang telah pun diperkenalkan beratus-ratus dan beribu-ribu tahun dahulu yang berbunyi - Maafkan saya hadis Nabi tadi Riwayat Al-Alqli, saya tidak sebut, Riwayat Al-Alqli, yang menyebut dengan izin,

*"When planning for a year, plant corn.*

*When planning for a decade, plant trees.*

*When planning for life, train and educate people".*

Jadi ini pepatah orang-orang Cina kata kalau hendak kita merancang untuk hidup maka belajarlah dan mendapat pendidikan ilmu sebanyak mungkin. Kita nampak penyelarasan dari segi hukum-hukum bidang agama lain semuanya menuntut ke arah kebaikan yang begini.

Tadi saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih juga kepada rakan-rakan jiran saya ini Yang Berhormat Puan Mariah, Yang Berhormat Dato' Hajah Azizah kerana saya mewujudkan gangguan sementara sedikit kerana tarik wayar yang sambung ke sini sebab saya hendak pakai *notebook* jadi terima kasih kerana keprihatinan dan kesabaran rakan-rakan sebelah sebab saya tunggu lama kalau tidak bateri habis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tekankan dari segi usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan yang hebat dan terkenal di dunia. Kita hendak ia terkenal, macam kalau Amerika sebut MIT, Harvard, Yale dan sebagainya, semuanya kita tahu. Kalau disebut UK, ia terkenal dengan Oxford, Cambridge, London School of Economic dan sebagainya. Sebut

sahaja, jelas terdapat satu gambaran mental dalam pemikiran seseorang, bahawa ini tempat yang baik, yang canggih, yang berprestij, yang mempunyai mutu yang tinggi. Oleh kerana itu, marilah kita jadikan tahap ukuran, *benchmark* institusi-institusi pengajian tinggi seperti ini supaya Malaysia menuju ke arah itu, malah sedikit sebanyak kajian dan pendapat yang saya kongsi hari ini menuju ke arah itu. Oleh kerana itulah, saya sebut, target, taraf kita hendak tumpukan ialah kumpulan-kumpulan universiti yang saya sebut tadi. Oleh kerana itulah, saya rasa perbahasan mengenai hal ini di antara lain, adalah begitu amat mustahak dan kritikal sekali kalau kita betul-betul serius.

Nampaknya, dalam dunia berteraskan ilmu, memang kita tidak boleh elak lagi untuk memberi penumpuan kepada perkara ini.

Saya ingin mengulang sedikit apa yang saya sebut dahulu, mengenai mutu pendidikan bergantung kepada kurikulum, pensyarah, kemudahan dan pengurusan. Saya letakkan empat. Kurikulum, pensyarah, kemudahan dan pengurusan. Produk yang kita lihat yang turut dikeluarkan ialah siswazah itu sendiri. Jadi, kalau kita tengok siswazah, kita bolehlah membuat kajian dan analisis, apa berlaku tentang kurikulum, apa berlaku tentang pensyarah, kemudahan, pengurusan yang menghasilkan siswazah atau graduan yang kita dapati.

Kalau saya petik pandangan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia, baru-baru ini beliau mengatakan terdapat tiga kelemahan utama bagi siswazah menganggur. Kata beliau, tiga. Pertama, kebolehan berkomunikasi, bahasa Inggeris kata dia. Pada saya, bahasa Melayu pun lebih kurang sama. Saya akan kaji dengan lebih panjang lagi. Tetapi, itu kata dia, bahasa Inggeris. Keduanya penggunaan ICT dan ketiganya *team player*, peranan sebagai seorang ahli pasukan ataupun yang saya sebut sebagai hubungan manusia. Sebenarnya, perkara kelemahan ketiga-tiga inilah yang menyebabkan lebih 20,000 graduan kita yang menganggur, yang tidak dapat kerja. Malah, lebih buruk daripada itu, kerajaan terpaksa membelanjakan, permulaannya saya ingat RM70-RM80 juta. Kemudian, ditambah lagi RM100 juta lebih untuk mengukuhkan lagi kebolehan dan kemahiran graduan-graduan yang menganggur ini. Punya baiknya kerajaan kita. Sepintas lalu, saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana membuat ini.

Tetapi, untuk jangka panjang, saya rasa ratusan juta ringgit untuk memberi latihan yang lebih ini tidak patut digalakkan sebagai satu usaha berterusan. Ia patut diberhentikan dengan satu perancangan, dengan satu jawapan yang lebih kemas, yang lebih terancang, yang lebih strategik untuk masa hadapan. Ini kerana, kalau setiap kali graduan terbit, kemudian kita pula ada program hendak sediakan dia, ertinya kita sudah mengaku bahawa yang diproses dalam universiti itu sudah gagal.

Sepatutnya kita membuat kajian mengapa gagal, di mana gagal? Adakah kurikulumnya, adakah pengajarannya dan adakah benda-benda yang lain? Itu pada saya, adalah satu perkara yang amat mustahak. Ini berlaku pada tahun 2003. Dahulu, dalam tahun 70-an, 80-an, 90-an, saya tidak ingat, tidak dengar yang ini. Ini berlaku tahun 2003, abad 21, abad mencabar, abad globalisasi, abad berteraskan ilmu. Lagi dunia menuntut kita berteraskan ilmu, kita melahirkan graduan yang tidak berkualiti, graduan yang tidak bersedia untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bidang. Ini, satu perkara yang patut diberi renungan yang paling tajam dan yang paling mendalam.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, kita mengeluarkan graduan-graduan yang tidak berkualiti?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Yang tidak berkualiti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya rasa tidak tepat. Sebab apa graduan yang keluar, kualitinya belum kita cuba, sebab pekerjaan masa itu, *recession* dan sebagainya, mungkin. Jadi, tidak boleh kita tuduh tidak berkualiti.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Bolehlah. Ia juga terpulang di mana diletakkan ukuran, garis ukuran itu. Maksud saya, mungkin saya terlalu am bila saya sebut ertinya kualiti ini. Kalau kita ukur dari segi kualiti, ertinya kena menemui kehendak majikan. Kalau majikan kata kita hendak satu tahap, bila dapat tahap yang lain, di antara kesimpulan yang boleh dibuat, banyaklah kesimpulan. Di antara kesimpulan yang boleh dibuat, oleh kerana pengkhususan mutu, ertinya tidak ada mutu. Itu sahaja. Dia *accept or reject*. Ini daripada segi kita terima atau tidak. Saya mengakui ada banyak lagi permasalahan dan analisis yang boleh dibuat. Oleh kerana itulah, saya

kata kena beri tumpuan, kajian yang mendalam. Malah, saya ada cadangan khusus tentang kajian ini. Sepintas lalu, saya mengatakan kita ukur produk universiti dari segi graduan. Kita mengukur kualitinya dari segi boleh atau tidak dia menyumbang. Menyumbang di mana? Di tempat kerajaan atau swasta. Itu maksud saya di situ.

Atas tajuk ini, saya rasa sudah sampai masanya, hujahnya saya akan beri selepas ini. Saya hendak menyebutkan cadangan dahulu. Oleh kerana, faktor-faktor yang telah saya kemukakan awal tadi, sudah sampai masanya saya ingat pihak kerajaan membuat kajian menyeluruh tentang sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Saya kata sistem pendidikan tinggi sahaja, kajian menyeluruh. Sebab, kalau kita buat kajian tentang sistem pendidikan tinggi di Malaysia, sudah semestinya ia berkaitan rapat dengan sekolah menengah, sekolah rendah dan prasekolah. Tetapi, lebih khusus kita kepada yang di atas ini, institusi pengajian tinggi. Sebab, dia di ambang perjawatan dan pekerjaan untuk menyumbang bakti kepada negara.

Kita bercakap tentang masa hadapan negara adalah di tangan orang muda. Kita bercakap kehebatan Dato Seri Dr. Mahathir cuba untuk mendapat ciri-ciri kepimpinan yang baik. Hari ini, soalan berselit-selit tentang ciri-ciri kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir. Tetapi, kita ada pemimpin yang hebat sekarang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad tetapi, kalau tidak ada graduan yang berkualiti, diukur dari segi kehebatan pemikirannya untuk melihat, untuk menilai, menyimpan apa yang dilihat, untuk memproses apa yang dia simpan dalam kepala dan untuk menzahirkan, mengkomunikasikan apa yang dia ada dalam kepala. Itu, tidak ada bertemu kepada saya.

Kehebatan seseorang yang berpendidikan tinggi, sama ada dia hanya mendapat Ph.D, *doctorate*, degree atau tidak, bukan terletak pada Ph.D selepas nama dia atau doktor sebelum nama dia, tetapi kehebatannya ialah tentang kegunaan ilmu pengetahuan itu untuk memanfaatkan secara praktis kepada kumpulan sasaran, rakyat jelata, anak-anak muda dan sebagainya. Inilah kepada saya, yang patut kita beri tumpuan.

Saya bagi contoh, di antara sebab ilham yang saya dapat untuk mengatakan cadangan kajian tadi, saya kata. Saya bagi contoh mengikut kajian saya. Pada tahun 2002, Kerajaan Australia telah mengadakan kajian semula sistem pendidikan tinggi mereka. Sebagai permulaan, pada bulan April 2002, ia menerbitkan satu kertas yang menyeluruh bertajuk dengan izin '*Higher Education At The Cross Roads*'. Ertinya, dia sendiri pun ada dilema di simpang perjalanannya, ke mana hendak pergi, bagaimana hendak heatkan lagi mutu. Di antaranya, saya percaya mereka melihat juga Malaysia. Malaysia sudah menaikkan taraf mutu dia, sudah hendak jadi *center of excellence* dengan izin. Kita Australia pun hendak kena perkemaskan. Kalau tidak, kita dipintas lalu oleh Malaysia, di antara tafsiran sayalah. Kalau salah, tidak apalah, ini mengikut tafsiran saya sendiri.

Tetapi yang baiknya, ini ada banyak lagi tentang kajian itu tetapi saya hendak *highlight* yang baiknya ialah kertas utama ini dibuka untuk diberi komen oleh semua orang terutama *education stakeholders*, dengan izin, terutama orang-orang yang mempunyai saham yang berminat dan ada kena-mengena dengan pendidikan iaitu guru-guru, pensyarah, ibu bapa, persatuan-persatuan ibu bapa, badan-badan NGO dan yang berkaitan. *Alhamdulillah*, pada saya ia telah menghasilkan sebanyak 355 laporan dan cadangan yang diterima oleh *stakeholders* yang berlainan ini. Pada saya, kita boleh menggunakan model ini untuk mendapat maklum balas daripada *stakeholders* kita sendiri yang amat banyak.

'Datuk' Yang di-Pertua, err.. Tuan Yang di-Pertua, saya pun masih lama juga, saya cuba hendak membaharukan *address* saya ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucap terima kasih khusus kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana dalam kesempatan masa yang ditangguhkan kerana kita bincang akta lain, saya sempat bercakap dengan dia dan memohon pertolongan dia untuk memberi sedikit statistik tentang IPTA, IPTS dan sebagainya dan respons dengan begitu positif, terima kasih banyak Yang Berhormat Dato'.

Kita tahu dalam Malaysia sekarang ada 11 IPTA dan 6 buah kolej universiti, jumlah 17 buah. Universiti swasta, kolej universiti dan kampus cawangan sehingga Jun 2003 pun ada 17 buah. Saya menyebutkan ini, angka yang datang daripada pihak Kementerian Pendidikan sendiri kerana saya akan cuba menggunakan angka ini untuk membuat sedikit analisis dan melihat statistik di mana kita jika dibandingkan dengan Australia dan New Zealand.

Untuk perbandingan, saya ambil jiran kita yang terdekat yang memang terkenal dengan taraf mutu pendidikan yang tinggi. Untuk perbandingan yang lebih berkesan dan lebih efektif, kalau saya ambil banyak sangat, terlalu banyak tetapi saya akan cuba rujuk kepada UK dan Amerika Syarikat di sana sini tetapi yang lebih khusus ialah perbandingan dengan Australia dan New Zealand.

Pertama sekali, kalau kita melihat jumlah penduduk dengan bilangan universiti yang ada, jumlah penduduk Malaysia 28 juta, penduduk Australia 20 juta dan New Zealand 24 juta. Malaysia ada 17 universiti awam, Australia ada 37 universiti awam, mereka lebih banyak dan New Zealand ada 7 universiti awam tetapi bila kita tengok dari segi swasta, Malaysia ada 17, Australia ada 3 dan New Zealand tidak ada. Jadi, gambaran menyeluruh menunjukkan negara kita terdapat lebih banyak lagi syarikat swasta yang mewujudkan universiti-universiti pengajian tinggi swasta.

Mesej pertama ialah kita tidak hendak peniaga-peniaga melihat ini sebagai *opportunity to make profit, money* semata-mata, dengan izin. Tidak hendak melihat bidang ini untuk meraih keuntungan semata-mata tanpa melihat kualiti. Kalau kita dengar ada kawan-kawan saya bercerita, ada sesetengah universiti tempatan, IPTS – tetapi *Alhamdulillah* sekarang pihak kementerian nampak lebih hebat sampai suruh tutup pun – ada yang pergi menjemput rakan yang tidak begitu tinggi kelulusannya, suruh dia pergi buat *part-time lecturing* dan dibayar dengan gaji yang murah sebab penuntut tidak tahu apa latar belakang kawan ini dan berapa gajinya.

Jadi, kalau ini berlaku selalu, apa yang berlaku ialah bila pergi, dia melihat pensyarah yang tidak mempunyai kelulusan tinggi, jadi dia pun menjalankan tugas 'seperti melepas batuk di tangga' untuk mendapat sedikit elaun. Pada dia agak banyak, oleh kerana dia mempunyai latar belakang yang tertentu jika dibandingkan dengan orang lain tetapi pada orang yang mendapat hasil daripada perkhidmatan ataupun syarahannya itu, itu tidak begitu meyakinkan.

*Student-lecturer ratio*, dengan izin, di Malaysia terdapat 27 pelajar pada seorang *lecturer*, Australia saya tidak dapat, New Zealand 15. Ini pun ertinya dari segi *rationya*, dia lebih hebat daripada kita. Kalau dilihat daripada kemasukan pelajar atau penuntut dalam universiti, Malaysia 21.9% belajar dalam IPT dari seluruh penduduk, Australia 42% yang belajar di IPT mereka. Jadi, lebih lagi dari segi latar belakang untuk mewujudkan peluang belajar di universiti.

Begitu juga tentang *ratio* pelajar atau penuntut dengan guru di peringkat sekolah menengah, pelajar dan pensyarah di peringkat universiti dan juga jika dibandingkan dengan Amerika dan UK, saya simpulkan di sini. Statistiknya banyak. Keseluruhannya menunjukkan bahawa di Australia, UK dan Amerika mempunyai nisbah yang lebih banyak yang menunjukkan atau yang melambangkan mutu yang lebih kerana pengkhususan daripada pensyarah dan peralatan adalah lebih kepada pelajar-pelajar.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mesej saya di sini ialah dengan model yang saya sebutkan tadi, saya rasa kita boleh membuat kajian kita sendiri, ala kita sendiri mengikut keperluan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak kaitkan dengan bilangan IPTS yang nampak banyak, keseluruhannya 700 buah tetapi yang banyak ialah di peringkat kolej yang mengeluarkan diploma dan sijil. Oleh kerana bilangannya terlalu banyak yang telah menunjukkan statistik yang sebanyak ini, kita terlalu amat banyak, menunjukkan kita buka peluang yang begitu senang sehingga sekarang kita baru hendak suruh tutup balik sebab ia tidak ikut peraturan. Sebab dahulu kita terlalu ghairah atau terlalu *excited* hendak jadikan ini sebagai pusat pengajian yang unggul.

Oleh kerana itu, saya ingin cadangkan supaya pihak kerajaan mungkin dapat mengambil keputusan meminta syarikat-syarikat yang kecil ini yang tidak begitu berkemampuan untuk menjalankan dengan lebih hebat dan tinggi supaya mereka sesama mereka bergabung menjadi satu institusi yang lebih besar, maka keupayaan tenaga, kewangannya, kepakaran pengajarnya, kemudahannya dan sebagainya akan lebih baik.

Gabungan ini telah pun kita lihat dengan jelas dalam industri kewangan. Beberapa tahun dahulu, saya ingat 10-15 tahun dahulu kita pun agak terbuka, semua buat syarikat-syarikat *stockbroking*, broker saham. Kemudian, institusi kewangan yang lain, bank pun banyak. Maka timbul kesedaran bahawa kita ada terlalu banyak. Kalau kita *remain*, kalau kita masih tinggal sebagai pemain kecil-kecilan, kita tidak begitu gagah untuk melawan orang besar.

Oleh kerana itu saya ucap tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan kerana *merationalize*kan kesemua kedudukan ini dan meminta institusi kewangan termasuk perbankan digabungkan menjadi satu syarikat gergasi yang besar. Bila sudah jadi satu syarikat gergasi yang besar, maka tahap saingan kita akan menjadi lebih dan *insya-Allah* sekali gus bila kita perkemaskan unsur-unsur yang lain, ia akan dapat dikemaskan dan dapat lawan dengan yang lain. Kemudian walaupun Australia sudah buat kajian, perkemaskan diri, kita masih jadi saingan yang baik.

Kita mempunyai peluang yang terlalu amat baik sekarang ini kerana hasil bencana 11 September, kita boleh memberi pengkhususan kepada negara-negara OIC umpamanya, untuk terus khusus datang ke sini, dan saya rasa memberi pengkhususan ini adalah begitu amat baik. Baru-baru ini, selepas perbincangan yang awal itu, saya terbaca akhbar mengatakan ada pihak Kementerian Pendidikan akan membuat promosi di negara Arab, China dan sebagainya. Saya tidak tahu *detailnya* tetapi sepintas lalu bila dibaca memang bagus, cuma saya ingin sama-sama mengingatkan bahawa biarlah satu pasukan yang khusus memberi pengkhususan kepada *target market - OIC countries, Muslim countries* yang khas, kerana bila kita hendak membuat promosi, kita juga mesti menginsafi budaya, adat resam kumpulan sasaran yang kita bercakap itu.

Saya bandingkan orang negara-negara Arab – 56, dengan yang di China, buatlah yang di China pun, maksud saya, persediaan kita agak berlainan walaupun produknya itu adalah sama tetapi penyampaian kita, *highlight* kita dan sebagainya, mesti boleh diubahsuaikan. Berkaitan dengan itu, dahulu saya sudah bercakap tentang wakil-wakil pejabat di luar negeri, saya sudah sebut dahulu. Hari ini saya hendak sebut yang dalam Kementerian Pendidikan sendiri. Kita tahu dahulu tidak ada langsung Bahagian Pengajian Tinggi, sekarang Alhamdulillah ada bahagian yang mengawasi Institusi Pengajian Tinggi.

Mungkin boleh diwujudkan pula pegawai khas yang melihat tentang pelajar-pelajar antarabangsa sahaja, dan wujudkan juga internet dan *web page* yang relevan, yang betul-betul interaktif dan berkesan supaya ia didedahkan bila pergi ke luar negara, kita bukan hanya bercakap tentang MSC, *internet broad-band* dan sebagainya tetapi selain daripada membuat promosi secara lisan dan tulisan, juga kita mempromosikan amalan kita dalam dunia ICT. Kalau tidak kita nampak tidak seimbang. Saya ingin mengingatkan ini sebab kadang-kadang kita terlepas pandang, bukan tidak tahu, terlepas pandang.

Saya bagi contoh, hari itu saya terlupa hendak sebut, bila bercakap tentang SPR, Alhamdulillah, Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim menerima baik teguran saya mengenai *web page* SPR tetapi yang saya lupa sebut satu pokok. Bila kita masuk *web page* SPR, dia tanya tentang kad pengenalan. Ini saya mengalami sendiri, kita letak nombor kad pengenalan baru tetapi tidak boleh, rupanya kena pakai kad pengenalan lama. Eh, ini pelik. Dia punya *fill* pun tidak cukup, hendak taip, hendak *key-in* nombor tidak cukup, tidak muat sebab *programmer* itu, orang yang buat program, dia fikir, "Ini kad pengenalan lamalah". Alhamdulillah, saya ingatlah kad pengenalan lama, letakkan... [*Sambil menggerakkan jari-jari seperti orang menaip*] Ha, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Orang mana itu, Yang Berhormat?

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Dalam *web page* SPR. Kalau kita hendak melayari *web page* SPR, untuk hendak mengetahui hal kita, kedudukan status saya sebagai pengundi, bila hendak kenal diri, tidak boleh pakai nombor kad pengenalan yang baru, yang *MyKad* itu, yang canggih itu. Aaa ..... itu tidak boleh, tidak boleh pakai yang canggih. Pakai internet tetapi jangan pakai yang canggih, pakai yang lama itu, pada saya, ini mesej yang tidak baik.

Berlandaskan beberapa pengalaman lain dalam kisah ini, saya harap dapat diselaraskan, macam saya sebut tadi, yang paling relevan, promosikan, fokus tetapi semasa promosi secara lisan, ada dokumentasi bertulis yang bercetak tetapi ada juga promosi yang mengamalkan ICT, sebab dunia Islam pun kenal kita melalui ICT. Itu sahaja saya punya mesej dari segi itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kait dengan mutu juga, Alhamdulillah, ini pun baru-baru ini, nasib baik saya pun terbaca yang ini. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan, khususnya Yang Berhormat Menteri Pendidikannya sendiri, kerana baru-baru ini, dalam beberapa hari, telah mengumumkan satu kaedah baru yang diberi nama MQF secara ringkas, baru lagi ini pun. MQF, dengan izin, *Malaysian Qualifications Framework* dan dalam Melayunya, Kerangka Kelayakan Malaysia. Kita bercakap tentang 'layak', kita bercakap tentang bagaimana hendak menentukan mutu tetapi yang saya nampak agak kabur dalam bacaan saya itu, kata dia, "*Ini bukan*

*dimestikan, tidak diwajibkan*". Tetapi LAN ada juga, Lembaga Akreditasi Nasional... [Disampuk] Negara, terima kasih. Lembaga Akreditasi Negara.

Oh, dia kata, "*MQF bebas, ada bagus, tidak ada pun okay*" tetapi LAN masih terus. Pada saya, ini mungkin akan mewujudkan sedikit kekeliruan. Kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi penerangan, penjelasan yang lebih kemas dari segi ini, saya ingin mengetahui dengan lebih lanjut, tetapi langkah itu baik, saya sudah boleh puji, kata, "*For as long as you look at standard as one, it is a very good move*", dengan izin, amat baik. Cuma, mungkin patut pihak kerajaan membuat kajian mengapa tidak disatukan sahaja? Kalau LAN ini pun, kalau tidak salah kita bercakap tentang mutu, adalah prasyaratnya. MQF pun bercakap tentang kelayakan, ertinya, mutu. Jangan banyak sangat 'mutu-mutu', nanti jadi Muthusamy pula. [Ketawa] Maaf saya, ini *joke* yang takut ada yang sensitif, nanti jadi 'pelbagai mutu'. Ertinya, *confused*.

Oleh kerana itu, mungkin elok kita gabungkan LAN, MQF dan apa sahaja yang agak baik, selaraskan dan tekankan ini. Bila kita menjadi satu pakej, produk yang hebat, yang kuat, kemudian bila kita buat promosi di luar, Alhamdulillah kita boleh tunjuk dengan *slide show*, dengan CD, dengan VCD dan sebagainya, kehebatan kita memberi pengkhususan tentang mutu. Maka, mereka percayalah, berdasarkan di Amerika Syarikat, U.K., Australia, New Zealand, ini sudah kita rumuskan tetapi yang telah kita buat pendekatan ialah baru, begini, maka yakinlah ibu bapa dan juga pelajar-pelajar yang hendak datang menuntut di sini, Alhamdulillah.

Satu lagi, bila pelajar, penuntut ini, saya ingat pihak kerajaan patut memulakan sesuatu yang baru mengenai luar negara, pelajar penuntut luar negara. Kalau ada pegawai khas untuk penuntut-penuntut luar negara hendak datang ke sini, di antaranya, kena diwujudkan apa yang kita panggil, *homestay programme*, program untuk dia hidup bersama dengan keluarga di Malaysia. Pada saya ini adalah satu peluang yang baik untuk kita memberi *option*, pilihan kepada pelajar-pelajar luar negara hendak datang ke Malaysia. Hendak datang, hendak duduk di hostel pun boleh, hendak duduk di *apartment* atau *condo* pun boleh ataupun hendak duduk di hotel pun boleh, itu bab lainlah.

Satu lagi, hendak duduk dengan keluarga tempatan pun boleh – *homestay programme*, dan program untuk hidup dengan keluarga tempatan ini amat baik. Pada orang-orang yang telah bersara. Umpamanya sebagai contoh, yang tidak bersara pun boleh, kalau anak-anak semua sudah besar bekerja di sana dan sini, rumah ada lima bilik, kosong tiga bilik, apa salahnya kalau dapat seorang penuntut dari Riyadh, dua orang dari Dubai dan tiga orang dari Kuwait dalam rumah-rumah yang berlainan, hidup bersama keluarga Islam di Malaysia. Kebaiakannya banyak, di antaranya ialah kita boleh mengenal seseorang dengan lebih hebat.

Interaksi di antara dua makhluk yang berlainan bangsa dan budaya itu, pada saya manfaatnya adalah begitu amat banyak, *and that is education in real*, dengan izin, dan itulah sebenarnya pendidikan. Bukan hanya menerima bulat-bulat ilmu yang diterima di kuliah, institut pengajian tinggi awam atau swasta tetapi mengalaminya secara hidup dengan keluarga kita di Malaysia ini. Saya sendiri, Alhamdulillah, bernasib baik hidup dengan keluarga Inggeris. Duduk dengan keluarga Inggeris tidak semestinya kita menjadi Inggeris, kita masih tetap pertahankan dengan nilai budaya Melayu Islam kita. Pernah mereka ajak saya pergi ke *church*. Saya tanya orang tua, "*Bolehkah pergi church?*". "*Okay*". Pergi *church* hanya untuk mengetahui apa yang dia berkhotbah, dia berkhotbah pun macam kita juga. Ada yang baiknya, ilmu, asalkan ilmu yang kita terima tidak melanggar undang-undang, hukum-hakam Islam kita, okaylah. Itu dia.

Pada saya peluang ini saya ingat tidak ada lagi dalam Malaysia. Dengan ikhlas ini spontan, ilham saya melihat, bercakap sahaja, tidak ada dalam nota pun. Ilham datang semasa saya bercakap ini, tentang *homestay programme*. Tetapi saya nampak, saya boleh tekankan sebab saya tidak tahu, saya tidak dengar pun ada atau tidak di sini. Ini rupanya ibu-ibu tunggal. Saya bagi contoh ibu tunggal, ini ilham pergi ke ibu tunggal.

Ibu tunggal tidak mengapalah, pilihlah hendak anak lelaki, perempuankah, pelajar lelaki, pelajar perempuankah, pilihlah. Tetapi ada peluang dia boleh berinteraksi. Kalau dia sudah baik, ada hubungan rapat, kemudian dia pergi Umrah dia boleh ziarah pula. Saya, kalau saya balik ke New Zealand, saya masih boleh ziarah keluarga yang saya tinggal lebih 30 tahun dahulu, betul, alhamdulillah, hampir 30 tahun. Kalau lebih bunyi banyak sangat. Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk menyebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan mutu juga, tadi Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebut kelemahan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Saya ingin tekankan di sini dan saya sebut sedikit kalau tidak salah saya semasa membincang tentang pindaan Perlembagaan. Kita patut promosikan kaedah dwi-bahasa, promosikan sehebat mungkin kaedah dwi-bahasa. Kita hendak perkemaskan kebolehan berkomunikasi kita dalam bahasa Melayu atau bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris, sama. Kalau terus belajar bahasa Inggeris, tidak semesti kita menidakkan kehebatan bahasa Malaysia, bahasa Melayu. Itu kita tidak tinggal. Cuma kita hendak menonjolkan hebat kedua-duanya.

Ertinya, kita *switch channels* dengan cepat tanpa ragu, dijadikan sebagai satu budaya, barulah kita boleh kata seorang yang boleh jadi seorang yang berperanan dalam dunia global. Universiti pun hendak jadi universiti global, graduan global. Graduan global cirinya ialah mesti *switch dwi-bahasa* ini *at least*, dengan izin, dengan senang, tanpa menerima tekanan apa-apa. Itu baru graduan global. Oleh kerana itu...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk, oleh kerana hari ini hari akhir bagi kita, saya tahu Datuk pun hari ini hari yang terakhir, ... .

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ....saya cuba hendak memberi masa sebanyak yang mungkin tetapi saya juga berlaku adil kepada kawan-kawan yang lain. Jadi, kalau boleh *deliver*...

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua:** ....ada benda-benda macam Lembaga Akreditasi ini akan kita sentuh, ada aktanya.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Ya, baiklah saya tekankan dwi-bahasa ini, saya ingat tidak panjang lagi, yang itu saya boleh lanjutkan perkara ini. Kadang-kadang dalam masyarakat mereka mengatakan "Oh! Tidak boleh fokuskan English, nanti bahasa Melayu pula hilang kedaulatan Melayu, tatasusila dan sebagainya". Jadi, saya antara orang yang tidak percaya itu. Kerana itu dalam Dewan yang mulia ini saya pernah *on record*, ini *point* saya terakhir tajuk ini, saya pernah *on record* mencadangkan Dewan ini pun pindaan peraturan supaya boleh pakai dwi-bahasa. Mungkin tidak sampai masanya, saya tidak tahu, tetapi saya kata beri ruang. Bagaimana susunannya, wallahu wa'alamu, tetapi inilah peluang untuk kita 'praktis' daripada kita praktis di luar negara, tengok-tengok terus, orang kata, "Ya Allah! Beginikah Malaysia? Bunyinya hebat tetapi hendak buka mulut tiga ayat sendiri pun tidak boleh". Tetapi kalau kita sudah ada ruang di sini mungkin kita buat peraturan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akur tentang nasihat Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya laju sedikit dan saya tidak komen, sebab saya hanya melihat satu *slide*, kemudian saya boleh komen, hendak *point* panjang boleh, pendek pun boleh. Jadi, oleh kerana teguran Tuan Yang di-Pertua, saya berjanji insya-Allah, akan komen cepat. Saya separuh jalan sebenarnya, saya tahu nombor 11 sekarang, ada 20. Jadi, tidak mengapalah.

Pendidikan sepanjang hayat - tahniah - ini pun ringkas sahaja. Tahniah khususnya kepada universiti yang mewujudkan Unit Pusat Pengajian Lanjutan (Center for Continuing Education), dengan izin. Tahniah. Universiti Malaya buat, saya ingat UKM, USM dan sebagainya buat. Cuma saya hendak petik sedikit sahaja. Bidang-bidang pilihan pun bagus, bidang Pengajian Islam - Ussuluddin dan Syariah - dan sebagainya semuanya bagus, baik. Cuma teguran sedikit. Ada seorang sahabat saya beritahu, kita kena tegur sikitlah. Ada dua tempat - satu, konsep pendidikan sepanjang hayat ini kena beritahu pensyarah itu, dia sendiri pun hendaklah menghayatinya. Sebab saya diberitahu oleh seorang penuntut. Dia pergi menuntut bahagian Ussuluddin di Universiti Malaya. Pensyarah memulakan syarahannya mengatakan "Saya nampak di kalangan pelajar ini ada orang-orang yang tua-tua yang sudah pencen. Orang pencen ini dia tidak ada kerja lain hendak buat, dia tunggu hendak mati sahaja. Oleh kerana itulah dia datang belajar." Ayat ini sahabat saya beritahu, ini tidak begitu tepat. Saya tidak mahu komen banyaklah. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, bersetuju.

Contoh yang kedua, yang tidak baik ini ialah walaupun sepanjang hayat orang berumur boleh pergi menuntut, tetapi janganlah bawa anak kecil. Anak kecil menangis pula dalam dewan syarahan. Ini sudah amalan salah mengenai keluarga cemerlang tadi. Sayang, sayang juga anak tetapi tidaklah sampai mengganggu ketenteraman, sudah tidak sayang lagilah. Jadi, ini sahaja

*point* saya bercakap, saya berani berjanji bahawa sahabat saya itu tidak bohong, dia bercakap benar sebab namanya ialah Hasbullah Sheikh Ramli. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain saya hendak sebut ialah penghargaan - sebagai yang terakhirnya - oleh kerana Tuan Yang di-Pertua pun sebut saya hari ini perbincangan yang terakhir hendak ambil bahagian. Orang tanya saya kenapa dua hari ini pakai baju Melayu. Saya kata, "Salahkah?". "Tak salah". Saya kata, "Saya ingat, kenang sejarah apabila saya datang angkat sumpah disuruh pakai baju Melayu. Masuk cara Melayu, sekarang saya secara sukarela pakai baju Melayu untuk keluar". Itu satu. Keduanya, bukanlah pakai baju Melayu datang ke Dewan yang mulia ini hak sahabat saya, Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri sahaja. Saya pun boleh juga pakai baju Melayu.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang telah memberi keizinan persetujuan untuk saya berkhidmat selama enam tahun sebagai Ahli Dewan Negara. Juga saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor yang sekarang ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Khir Toyo, dan juga Menteri Besar yang lepas, Yang Berbahagia Dato' Seri Abu Hassan yang pada masa itu saya dilantik kerana memberi peluang kepada saya untuk mewakili Dewan Undangan Negeri Selangor.

Saya juga mengucap penghargaan dan terima kasih kepada *boss* saya dalam CPA, Pengerusinya Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil pada masa dahulu, dan sekarang Yang Berhormat Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, kerana atas galakan mereka inilah saya berkecimpung aktif dalam dunia CPA. Malah dengan keizinan mereka jugalah dan Jawatankuasa keseluruhannya, Yang Berhormat Dato' Seri Hajah Shahrizat pada masa itu memberi izin untuk saya bertanding mewakili Malaysia dalam perebutan jawatan Pengerusi CPA peringkat *international*. Walaupun saya kalah tujuh undi tetapi pengalaman itu amat baik sekali dan akhirnya mendapat nombor 2, Alhamdulillah, memadai setakat yang mampu. Tuan Yang di-Pertua, yang boleh kalah - mengikut analisis - ialah *delegates* daripada India yang 40 orang lebih. Dahulu kita ingat sesama Asia boleh tolong, rupanya India tidak tolong Malaysia. Jadi tidak mengapalah.

Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, India tidak tolong tentang itu sahaja.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tentang itu sahaja, maaf, terima kasih. Bahasa saya kadang-kadang hendak cepat, inilah kelemahan sedikit bila kita hendak laju sangat Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya boleh *phase out*, saya boleh *cover* semua. Tetapi bila hendak laju, minta maaf, bila laju ia terbabas sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak apa, saya tolong jaga *steering*. *[Ketawa]*

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Oh! Jaga *steering*. Terima kasih. *[Ketawa]* Ini dapat Tuan Yang di-Pertua yang begitu baik, prihatin dan tahu di mana hendak masuk. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada bekas Yang di-Pertua dahulu, Yang Berbahagia Tan Sri Mohamed Yaakob yang saya kenal lama, semasa dia Menteri Besar Kelantan lagi kita berinteraksi. Juga kepada Yang Berbahagia Tan Sri Michael Chen dan juga termasuk Timbalan-timbalan mereka yang dahulu dan terkini kerana mereka jugalah yang telah membantu dan menggalakkan saya untuk berkhidmat dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam Dewan yang mulia ini saya menghargai rakan-rakan keseluruhannya dan saya melihat dalam Dewan Negara ini adalah peluang untuk menzahirkan pemikiran. Sebab kita terpaksa membuat *research*, apa yang kita tidak tahu buat *research* kemudian simpan dalam kepala, memproseskan fikir pula benda yang kita dapat, kemudian kita melafazkan, meng*communicate*kan dalam Dewan ini. Alhamdulillah, ianya direkodkan.

Itu yang memberi perangsang lebih-lebih lagi pada saya pegawai kerajaan kita terima kasih kerana ada di antaranya yang dia boleh *quote* apa yang saya cakap di sana dan di sini dan ertinya ada orang mengikut. Pada kita yang buat *research*, kepuasannya ialah ada orang dengar dan ambil perhatian dan membuat komen sama ada yang baik, yang buruk teguran dan sebagainya. Ini amat baik sekali.

Rakan juga bertanya selepas ini apa hendak buat, Datuk? Saya kata ialah pencen. Memang sudah pencen pun. Mungkin saya di sini iaitu saya ikut Perdana Menteri ini pun saya hendak ikut Perdana Menteri juga. Perdana Menteri mempunyai pengalaman yang luas. Saya seorang pemimpin kerdil mempunyai pengalaman yang kecil tetapi garis panduan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya kata saya akan ikuti iaitu terus berjuang untuk UMNO dan Barisan Nasional khususnya untuk memenangkan dalam pilihan raya akan datang.

Dan insya-Allah, sedikit sebanyak pengalaman saya dalam negara termasuk setinggian dalam negara dan juga di peringkat international 56 negara yang banyak kawan saya di sana itu akan saya cuba tulis juga pupuk saya sebagai penulis dan akan diterbitkan secara kecil-kecilan. Dan insya-Allah, kita akan lanjutkan usaha berdakwah, menyampaikan bidang ilmu apa yang kita tahu kepada masyarakat kerana kita sebagai khalifah diturunkan oleh Allah mempunyai tugas untuk berdakwah, menyampaikan ilmu apa yang kita dapat tahu. Dan insya-Allah, kalau saya seorang dai'e , seorang pendakwah saya ingin menjadi dai'e yang berteknologi ataupun tekno-dai'e, itu dia. Ertinya pakai benda ini, bukan cakap tetapi pakai.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menulis enam buah pantun melambangkan enam tahun saya dalam Dewan. Empat rangkap pantun. Pantunnya begini, ini melambangkan kenangan saya dalam Dewan Negara yang mulia ini:

*Lapan Ogos '87 mengangkat sumpah,  
Menjadi Senator di Dewan yang mulia ini;  
Kejutan budaya memang terserlah,  
Bercakap di Dewan yang tidak ramai penghuni.*

*Masa berlalu menjadi pengajaran,  
Setiap ucapan di ambil catatan;  
Terima kasih saya kepada pegawai kerajaan,  
Bekerja keras mengikut peranan.*

*Setiap kali diadakan perbahasan,  
Kajian selidik tetap dilaksana;  
Hendak menegur pihak kerajaan,  
Biarlah berasas serta membina.*

*CPA pentas menabur bakti,  
Berkongsi ilmu dan juga pengalaman;  
56 negara menjadi ahli,  
Manfaat melimpah tiada bandingan.*

*Menjadi Timbalan Pengerusi di South-East Asia,  
Di peringkat international di tangga sama;  
Hilanglah jawatan apabila bersara,  
Harap pengganti di kalangan kita.*

*Enam tahun di Dewan sungguh memberangsang,  
Sesama kita menjalin persahabatan;  
Budi yang sudah tetap dikenang,*

*Selagi hayat dikandung badan.*

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin memohon sebanyak-banyak maaf, menyusun jari sepuluh, memohon maaf kepada semua yang terlibat dalam Dewan ini daripada Tuan Yang di-Pertua sekarang dan yang dahulu, Timbalan Tuan Yang di-Pertua sekarang dan yang dahulu dan juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara, rakan-rakan sahabat yang sekarang dan yang dahulu. Kepada pegawai-pegawai kerajaan yang ada dalam Dewan ini dan juga bukan dalam Dewan ini juga termasuk pegawai dan kakitangan Parlimen yang turut membantu sehingga hari ini pun tolong bantu cari wayar yang panjang untuk saya sambung. Saya bawa wayar yang pendek. Dan atas kesalahan saya secara langsung dan tidak langsung ini saya dengan penuh rendah diri menyusun jari sepuluh memohon ampun dan maaf.

Akhir sekali untuk memberkati penutupan ucapan saya ini, saya ingin membaca surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3 ataupun yang dikenali sebagai Ayat Seribu Dinar [*membaca ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud:-

*“Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar bagi segala perkara yang menyusahkannya serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya dan ingatlah sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka Allah cukupkan baginya untuk menolong dan menyelamatkannya. Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”*

Sekian, saya mohon menyokong. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Dijemput Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abdullah bin Ayub.

**12.48 tgh.**

**Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abdullah bin Ayub:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai satu rang undang-undang yang dipanggil Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003.

Saya juga ingin mengucapkan pujian dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli yang telah memberi ucapan yang begitu panjang pada pagi ini mengenai Falsafah Pendidikan dan juga falsafah berkenaan kehidupan manusia. Kita ucapkan selamat jalan kepada beliau dan kita harap setelah beliau meninggalkan Dewan kita ini, beliau akan terus berkhidmat untuk negara dan bangsa kita.

Saya tidak pergi kepada falsafah berkenaan dengan pendidikan, barangkali masanya amat pendek. Saya hanya cuba menghadkan perbincangan saya kepada undang-undang yang hendak kita pinda. Saya mengalu-alukan dasar dan tindakan kerajaan menggalakkan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk menampung permintaan anak-anak muda kita mendapatkan pendidikan tinggi setelah mereka lulus daripada sekolah menengah.

Pada masa ini Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berjumlah 17 buah tidak dapat menampung permintaan ini. Jadi penubuhan kolej-kolej swasta ini memberi peluang kepada mereka yang selebihnya melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang lebih tinggi sesuai dengan kemajuan negara kita yang mengkehendaki ramai rakyat mempunyai tahap pendidikan yang lebih tinggi untuk meneruskan kemajuan negara kita dan dengan itu meninggikan mutu kehidupan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu pada masa ini bilangan universiti-universiti dan kolej-kolej swasta ada lebih kurang 520 buah dan bilangan penuntutnya hampir sama banyak dengan penuntut-penuntut yang belajar di IPTA termasuk penuntut yang datang dari luar negeri. Penubuhan IPTS yang banyak ini memerlukan pemantauan yang rapi oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan untuk menentukan supaya mutu pembelajaran yang diberi oleh mereka kepada penuntut-penuntut adalah selalu tinggi dan sesuai dengan dasar dan aspirasi negara kita.

Dalam hal ini, saya akan menyentuh beberapa perkara yang penting. Yang pertama ialah mengenai mutu pengajar-pengajar atau pensyarah-pensyarah yang mengajar di kolej-kolej itu. Oleh kerana terlampau ramai pensyarah yang dikehendaki mengisi jawatan-jawatan di IPTA dan di

IPTS, adakah cukup pengajar-pengajar yang sebenarnya berkelayakan mengisi jawatan-jawatan itu di IPTS? Saya percaya orang-orang yang hendak menjadi pensyarah itu mestilah mempunyai kelulusan yang cemerlang di tahap Sarjana dalam mata pelajaran yang hendak diajarnya.

Saya harap sebahagian besar IPTS mempunyai syarat-syarat ini kerana saya mendapat tahu bahawa ramai pensyarah di kolej-kolej IPTS adalah pensyarah *part-time* sama ada datang daripada IPTA atau daripada syarikat-syarikat korporat. Oleh kerana mereka ini berupa *part-time*, mereka tidak dapat menumpukan sepenuh masa kepada penuntut yang diajar oleh mereka, dengan kerana itu mutu pencapaian penuntut kita akan terjejas. Saya harap kerajaan akan mengambil berat berkenaan kelayakan pengajar-pengajar ini supaya mutu pelajaran di IPTS sentiasa tinggi.

Satu daripada cara untuk mencapai tujuan ini ialah dengan mensyaratkan bagi seseorang pensyarah atau pengajar menjalani satu latihan yang diadakan di sebuah institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk melatih mereka cara-cara mengajar dan menentukan mereka benar-benar layak mengajar.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada keperluan negara kita kepada tenaga manusia yang dapat mengisi kerja-kerja yang dapat membangunkan negara pada masa ini dan pada masa yang akan datang, IPTS hendaklah menawarkan subjek-subjek yang relevan sahaja buat masa ini. Subjek-subjek yang berhubung dengan sains dan teknologi yang canggih, perubahan, kejuruteraan, kewangan dan perniagaan adalah perkara yang penting pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penuntut-penuntut yang datang dari luar negara, saya bersetuju kedatangan mereka itu adalah juga penting untuk menjadikan negara kita sebuah negara tempat mencari ilmu yang cemerlang sambil menyumbang kepada kemasukan pertukaran wang luar negara atau *foreign exchange* dengan izin, dan untuk menarik pelancong-pelancong yang terdiri daripada ibu bapa mereka yang melawat negara ini. Akan tetapi kita juga patut berwaspada kerana ada penuntut-penuntut luar ini datang bukannya untuk belajar dengan sebenarnya, melainkan untuk mencari kerja secara haram atau menjadi pelayan (GRO) di kelab-kelab malam. Jabatan Imigresen sepatutnyalah bertindak dengan tegas untuk membendung gejala seperti ini.

Saya juga telah diberitahu bahawa kebanyakan penuntut-penuntut luar negara yang datang belajar di negara ini bukanlah mereka itu hendak mendapatkan *Degree* ataupun Diploma daripada universiti atau kolej-kolej kita, melainkan mereka itu hendak mendapat *Degree* yang dikeluarkan oleh universiti-universiti di mana kolej-kolej di negara kita ini ada mempunyai *twinning* ataupun peraturan perkembaran dengan universiti-universiti kita di negara ini.

Jadi dengan sedikit ucapan-ucapan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

**12.54 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang IPTS (Pindaan) 2003.

Secara menyeluruh, saya amat mengalu-alukan pindaan terhadap rang undang-undang ini dan khususnya bagi penyelesaian beberapa masalah yang timbul akibat kemunculan rancak IPTS dalam gelanggang pendidikan negara. Walau bagaimanapun, sama seperti beberapa rakan yang lain, saya juga agak tertanya-tanya, apakah rasionalnya Kementerian mencadangkan satu pindaan yang mana kuat kuasanya bermula ke belakang yakni bersifat *back-dated* dengan izin, iaitu tujuh tahun yang lepas apabila satu Akta IPTS digubal pada tahun 1996 juga dikenali dengan Akta 555.

Saya bersetuju dan saya juga berharap agar melalui pindaan ini akan mengukuhkan lagi Akta IPTS yang sedia ada dan membolehkan Kementerian Pendidikan menjalankan kuasanya bagi mengawal perkembangan dan aktiviti-aktiviti IPTS yang kini melebihi beratus kali ganda jika dibandingkan dengan kewujudan IPTA dalam negara ini. Namun pindaan ini dilihat telah mewujudkan tugas baru yang perlu dimainkan oleh segenap jentera Kementerian di semua peringkat di seluruh negara. Di samping masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh pihak Kementerian dalam arena pendidikan negara di semua peringkat, adalah tergalas satu tugas baru.

Kita juga tahu bahawa masalah yang telah wujud dengan kemunculan IPTS ini bukannya sedikit bahkan pelbagai sehingga menggugat *credibility* dan *morality* pendidikan negara.

Justeru itu, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kementerian telah menetapkan satu garis pandu atau juga pelan strategi bertindak dalam menghadapi segala kebarangkalian yang timbul kesan daripada pelaksanaan Akta 555 ini.

Di samping itu saya juga mohon agar Yang Berhormat Menteri menyenaraikan masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh kemunculan IPTS ini yang berada dalam rekod kementerian sehingga kini. Berapa banyakkah pula masalah yang membabitkan pelajar-pelajar asing dan mengakibatkan campur tangan pihak kedutaan negara mereka bagi menyelesaikan segala masalah yang berkaitan. Sejauh manakah pula masalah-masalah sosial yang membabitkan pelajar-pelajar IPTS yang semakin berleluasa dan saya mohon Yang Berhormat Menteri memberi maklumat terkini berhubung dengan masalah-masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan, apakah standard piawai yang digunakan oleh pihak kementerian atau Jabatan Pendidikan Tinggi Swasta dalam meluluskan penubuhan sesebuah IPTS. Kita tahu bahawa sehingga kini terdapat lebih daripada 700 buah IPTS di seluruh negara. Itu sememangnya satu jumlah yang tinggi bahkan lebih daripada cukup saya kira. Ini bagus tetapi apakah piawai yang memastikan yang ada itu benar-benar layak dan *credible* daripada semua segi, daripada kemudahan infrastrukturnya, tenaga pengajarnya, kursus-kursus yang ditawarkan dan sebagainya.

Di samping itu, apakah audit dibuat oleh pihak-pihak bertanggungjawab sama ada oleh kementerian ataupun IPTS ke atas IPTS-IPTS yang ada di seluruh negara bagi memastikan ia benar-benar layak dan *credible* dalam menjalankan tanggungjawabnya mendidik generasi pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, daripada jumlah lebih kurang 700 buah IPTS itu juga, adakah kementerian berhasrat untuk mengadakan sistem *ranking* bersandarkan satu standard piawai yang telah ditetapkan? Kewujudan sistem *ranking* ini sangat penting pada pandangan saya kerana ianya akan membolehkan golongan pelajar mengenal pasti dan mengenal kelas yakni kedudukan atau *level* IPTS yang mana mereka hendak ikuti ataupun masuki.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan secara jujur berkenaan dengan penglibatan pelajar-pelajar asing yang menyalahgunakan pas pelajar yang masuk ke negara ini yang mana terlibat dalam kes-kes pelacuran, GRO dan sebagainya. Sejauh manakah tindakan yang telah dibuat oleh pihak kerajaan setakat ini?

Kita semua tahu bahawa masalah pendidikan bukan sahaja berkisar daripada segi akademik dan percambahan ilmu sahaja tetapi merangkumi persoalan akhlak, moral, pakaian, sikap dan tutur kata.

Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, apakah rasionalnya Kerajaan Malaysia mengharamkan pemakaian kopiah, jubah kepada semua kakitangan pendidikan dan adakah larangan yang sama akan dikenakan kepada guru dan kakitangan yang berpakaian seksi dan menjolok mata serta mendedahkan aurat. Dan apakah ada satu dasar dalam Sistem Pendidikan Negara kita di mana semua pelajar dan kakitangan pendidikan sama ada di IPTS ataupun di IPTA selain daripada kecemerlangan akademik mempunyai satu etika pakaian sopan, menutup aurat dan sekali gus mencerminkan kewibawaan seorang intelektual yang dilahirkan di negara ini.

Jadi dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Lau Yin Pin.

**12.58 ptg.**

**Dato' Lau Yin Pin. @ Lau Yen Beng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Oleh kerana Lembaga Akreditasi Negara atau LAN adalah suatu komponen penting bagi IPTS, saya juga ingin memberi pandangan mengenai LAN di mana selepas ini pindaan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 juga akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', boleh sambung selepas kita rehat nanti.

**Dato' Lau Yin Pin. @ Lau Yen Beng:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini hingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.30 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Datuk Lau Yin Pin menyambung ucapan.

**Datuk Lau Yin Pin @ Lau Yen Beng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua oleh kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian pendidikan yang begitu memandang jauh dengan menggubal kedua-dua akta pada tahun 1996. Dengan adanya kedua-dua akta ini hasilnya ialah negara kita kini mempunyai lebih kurang 700 buah IPTS termasuk 17 buah yang bertaraf universiti yang kebelakangan ini juga beberapa buah kolej universiti. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng semasa membahaskan rang undang-undang ini, kini IPTS sudah menjadi satu industri dan kita juga mendapati ada IPTS yang berjaya disenaraikan di BSKL. Kita boleh merasa bangga dengan kejayaannya yang dicapai dalam masa tujuh tahun.

Tuan Yang di-Pertua, tujuh tahun untuk mewujudkan suatu budaya baru di kalangan pendidikan bukanlah satu masa yang panjang, lebih banyak masa lagi diperlukan supaya kita dapat mencapai tahap kecemerlangan dalam pendidikan, dengan izin, *educational excellence*. Malahan di negara-negara maju universiti-universiti mereka berumur bukan setakat berpuluh tahun malahan ratusan tahun. Oleh yang demikian, kita masih jauh lagi ketinggalan dalam bidang. Tetapi dengan adanya semangat 'Malaysia Boleh' dan juga Kerajaan Barisan Nasional yang cekap serta pasukan pentadbiran yang efisien saya yakin negara kita dapat mencapai taraf dunia dalam masa yang lebih singkat sekiranya dibandingkan dengan negara-negara yang mengalami proses yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, peranan LAN ialah memastikan kurikulum dan premis IPTS mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Saya difahamkan bahawa oleh kerana LAN tidak mempunyai sumber-sumber kepakaran tersendiri yang cukup, maka sumber-sumber pakar dari IPTA digunakan untuk membuat penilaian atas kurikulum IPTS. Dari segi persepsi, IPTA mestilah lebih cekap lagi dalam bidang pendidikan. Ini mungkin betul pada masa sekarang oleh kerana IPTA mempunyai sejarah yang lebih lama jika dibandingkan dengan IPTS. Tetapi sekiranya kita mahu IPTA atau IPTS menuju ke arah kecemerlangan kita harus menukar sikap dan hala tuju kita sehingga wujud persaingan di antara mereka. Pada masa ini, IPTS beroperasi di atas tanggungan pasaran ataupun dengan izin, *market-driven*, manakala IPTA adalah lebih pasif LAN tidak mengawal kualiti IPTA, sumber pelajar IPTS sukar dipastikan dengan tetap tetapi IPTA boleh mendapat pelajar dengan mudah oleh kerana sebab-sebab tertentu.

IPTA mempunyai sumber-sumber yang cukup daripada kerajaan, tetapi IPTS kena berhati-hati dengan operasinya kerana sumber-sumber mereka adalah terhad. Di kalangan IPTS pula ada dua kategori, satu kategori adalah bermotifkan keuntungan seperti Kolej INTI, Kolej Stamford atau Kolej Universiti Lim Kok Weng. Satu lagi jenis tidak berkeuntungan seperti UTAR yang ditaja oleh MCA, AIMST yang ditaja oleh MIC, Southern Kolej dan New ERA Kolej. Dalam pelbagai corak dan ragam yang diadakan dalam bidang pendidikan di negara kita, saya masih percaya LAN boleh memainkan peranan penting untuk menggerakkan Institusi Pendidikan Tinggi di negara kita ke arah kecemerlangan. Dalam hal ini saya ingin membuat cadangan seperti berikut:

- (i) LAN hendaklah mempunyai kriteria tersendiri dengan tidak bergantung kepada sumber IPTA untuk membuat penilaian kurikulum IPTS. Ini dapat mengelakkan situasi bercanggah kepentingan ataupun dengan izin *conflict of interest*;
- (ii) bidang kuasa LAN hendaklah diperluaskan supaya kurikulum IPTA pun dapat diawasi oleh LAN, dengan tujuan pada akhirnya tiada beza antara IPTA dan IPTS;
- (iii) dengan izin, *regular audit* ataupun lawatan mengejut, *spotchecks* hendaklah diadakan seperti dijalankan oleh *quality assurance agency* United Kingdom ke atas institusi-institusi IPT;
- (iv) LAN hendaklah sensitif terhadap *syllabus* ataupun sukatan pelajaran yang dinamik seperti maklumat teknologi. Pada masa sekarang, LAN hanya membenarkan had perubahan 20% sahaja kepada sukatan pelajaran yang diluluskan. Sekiranya melebihi peratusan ini maka IPTS hendaklah mengemukakan permohonan baru dan ini bukan sahaja memakan masa bahkan juga membebankan IPTS dengan kos;
- (v) Pada masa sekarang, IPTS tidak boleh menawarkan kursus Sarjana atau Master sehingga ia sudah menjalankan genap satu pusingan kursus Sarjana Muda (Bachelor). Peraturan ini amatlah, dengan izin, *restrictive* dan adalah lebih bijak sekiranya IPTS yang mempunyai sumber yang cukup dibenarkan mengadakan kursus Master ataupun Ph. D tanpa menunggu genap satu pusingan;
- (vi) LAN hendaklah sentiasa mengadakan forum dengan IPTS untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh IPTS supaya semua pihak dapat menjayakan agenda kerajaan yang penting ini;
- (vii) LAN hendaklah bekerjasama rapat dengan badan-badan profesional supaya kurikulum yang diluluskan dapat diiktiraf. Ini dapat mengelakkan kejadian Melaka-Manipal Medical College yang berlaku baru-baru ini;
- (viii) Kementerian Pendidikan hendaklah mengadakan suatu kayu ukuran ataupun *benchmark* sahaja untuk *educational providers*, dengan izin, bagi menjamin kualiti pendidikan yang disediakan oleh IPT.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan-pandangan yang saya kemukakan itu saya mohon menyokong rang undang-undang meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

**2.42 ptg.**

**Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang (Pindaan) ini di peringkat Dewan Negara.

Bagi saya, pindaan ini amat bertepatan sekali dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini. Tujuan kita memantapkan dasar pendidikan negara adalah untuk memastikan satu aliran berterusan pengeluaran generasi rakyat yang terdidik dan terlatih di negara ini yang berpengetahuan, berdaya saing dan memiliki ciri-ciri kenegaraan yang murni.

Dasar pendidikan negara juga adalah wajar kita kaji semula dari masa ke semasa untuk memastikan aspek-aspek yang telah disebutkan tadi terpelihara dan sentiasa, dengan izin, *refresh* untuk membantu mempertingkatkan daya saing negara di persada global.

Tuan Yang di-Pertua, tuntutan terhadap pendidikan yang sempurna dan bertaraf dunia semakin penting terutama dengan terlunturnya batas-batas sempadan yang selama ini didukung oleh garis-garis norma ekonomi dunia, fenomena globalisasi dan liberalisasi yang melanda dunia kini adalah satu fenomena yang akan kekal dan akan memberi pelbagai manfaat kepada mereka yang berjaya mencakupinya. Tetapi ianya juga membawa seribu malang kepada mereka yang tidak dapat dengan izin *hitch a ride on the bandwagon* kerana akan dipinggirkan dijadikan mangsa dan mungkin dijajah semula walaupun di dalam bentuk yang lain.

Itulah sebab pendidikan terutama di peringkat tinggi perlu dipertingkatkan di Malaysia. Kita mestilah bersedia untuk mengeluarkan graduan-graduan yang berdaya saing, bertaraf dunia dan mampu untuk mempertahankan ekonomi, budaya dan politik negara kita dari dikongkong pengaruh luar dan justeru itu dijajah semula.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya sewaktu Persidangan Agung UMNO baru-baru ini telah menggariskan cabaran-cabaran yang sedang dihadapi di negara ini, terutamanya kepada masyarakat Melayu untuk menangani dunia luar bangsa Eropah tetapi untuk memerangi mereka secara konvensional tidak mungkin kerana kecanggihan teknologi mereka yang begitu tinggi dan peralatan serta jumlah askar yang ramai.

Tetapi peperangan bukan hanya berlaku di medan pertempuran, ianya juga berlaku di dalam minda dan di dalam aktiviti ekonomi harian. Di sinilah perlu kita perlu memperkasakan pendidikan supaya rakyat kita akan disediakan dengan segala maklumat, pengetahuan dan cara-cara terbaik untuk mengatasi ancaman bangsa Eropah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di atas dasar inilah saya yakin mengapa Akta Pendidikan Tinggi Swasta ini dicadangkan untuk dipinda. Untuk tujuan perbahasan kali ini, saya tidaklah mahu memfokuskan kepada isu-isu dalam Akta ini. Itu rakan-rakan yang lebih arif akan dapat memberikan pandangan yang lebih jitu. Tetapi saya melihat pindaan ini sebagai titik tolak permulaan yang baik kepada pendidikan tinggi negara supaya dapatlah menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat pendidikan tinggi yang ulung di rantau ini bahkan di dunia.

Ini kerana pengiktirafan ini penting untuk membolehkan graduan tempatan bersaing, dengan izin, *on a level playing field* dengan rakan-rakan mereka dari negara lain terutama negara maju. Menerusi pendidikan bertaraf dunia, juga kita dapat menarik minat serta perhatian negara-negara asing untuk menghantar pelajar-pelajar mereka belajar di negara ini. Ini sudah pastinya akan dapat membantu negara dari perolehan ekonomi dan sektor pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *like it or not* pendidikan sudah menjadi satu komoditi perniagaan yang berharga. Percambahan pusat-pusat pengajian swasta di negara ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan memperlihatkan bagaimana ianya mempunyai kepentingan yang tinggi kepada sektor ekonomi. Akan tetapi pertumbuhan ini perlulah diawasi dengan berkesan, perlulah mekanisme sedia ada dikaji semula dan dipadankan dengan persekitaran luar yang semakin berubah.

Jika dahulu semua IPTS yang bercambah ini akur kepada kuasa-kuasa Akta ini, termasuklah di dalam pendaftaran mereka dengan Jabatan Pendidikan Swasta di peringkat kementerian, kini banyak IPTS yang tidak mengendahnya. Malah ada IPTS yang sanggup berbohong kepada pelanggan dan pelajar bahawa operasi mereka selama ini mendapat restu dan kelulusan Kementerian Pendidikan sedangkan permohonan mereka juga tidak pernah diterima ataupun ditolak.

Yang menyedihkan ialah ianya bukan terhad hanya kepada IPTS tetapi juga kepada beberapa pusat pendidikan tinggi milik agensi kerajaan negeri. Ini tidak patut berlaku dan saya mohon penjelasan kerajaan apakah mekanisme tambahan yang akan dipadatkan menerusi pindaan Akta ini bagi menghalang berulangnya perkara yang mengaibkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini Malaysia hanya menarik kira-kira 32,000 pelajar asing sahaja walaupun terdapat lebih 600 buah IPTS di negara ini. Ini kerana imej IPTS Malaysia kurang menyerlah di luar negara. Malah sedikit terjejas ekoran daripada beberapa insiden yang telah berlaku membabitkan penipuan pelajar-pelajar asing terutamanya dari negara China.

Bagi saya, untuk mencapai taraf pendidikan global usaha pemasaran dan publisiti perlulah dipertingkatkan terutamanya di negara-negara yang menjadi *target*, dengan izin, sebagai contoh negara-negara Timur Tengah, negara-negara membangun dan dunia ketiga seperti China.

Ini kerana taraf pendidikan di negara-negara ini masih rendah dan mereka pula tidak mampu untuk menghantar pelajar-pelajar mereka ke negara-negara maju yang kos pendidikannya begitu tinggi.

Fokus Malaysia haruslah ditumpukan kepada penganjuran kita selaku pusat pendidikan alternatif yang mampu menawarkan program dan kursus yang memenuhi keperluan negara terbabit tetapi tidak melibatkan kos yang tinggi. Secara tidak langsung kita akan menggalakkan *educational tourism* untuk berkembang. *Educational tourism* memberikan kesan yang besar kepada ekonomi kerana menerusi pelawat-pelawat ke negara ini termasuklah keluarga mereka, mereka akan tinggal dan berbelanja di Malaysia selama lebih dari setahun. Bayangkanlah jumlah tukaran asing yang akan masuk ke negara ini.

Keduanya, kita juga perlu mengurangkan kerenah birokrasi yang melembabkan kemasukan pelajar-pelajar asing ke Malaysia seperti pengeluaran visa dan sebagainya. Adalah dicadangkan supaya Kementerian Pendidikan menguruskan hal ini dengan kerjasama IPTS dan Kedutaan Malaysia di negara-negara terbabit supaya jangan waktu kelulusan dan pengeluaran visa ini dipendekkan. Mungkin satu visa khusus untuk IPTS dikeluarkan bagi membolehkan kemasukan cepat pelajar-pelajar asing ini.

**Tuan Yang di-Pertua, dalam kita memikirkan akan meningkatkan usaha kerajaan di dalam meramaikan bilangan pelajar-pelajar asing ke negara kita ini, kita juga wajar melihat akan peranan yang perlu yang dimainkan oleh IPTS sendiri untuk membantu.**

IPTS perlulah menyediakan prasarana yang sesuai dan mencukupi dari segi asrama, kediaman, pengangkutan, ko-kurikulum pengajian dan pusat sumber yang munasabah untuk menampung pelajar-pelajar asing ini. Adalah tidak wajar sekiranya usaha diserahkan kepada kerajaan untuk menarik pelajar-pelajar asing ke negara ini tapi tidak disokong langsung oleh IPTS dengan penyediaan kemudahan yang mencukupi dan tepat kepada permintaan. Dengan cara ini, saya yakin imej IPTS Malaysia akan meningkat di mata dunia dan membenamkan persepsi negatif terhadap IPTS Malaysia di kalangan setengah negara-negara rakan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat juga wajar memainkan peranan untuk membantu usaha kerajaan di dalam hal ini. Malaysia dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang ramah, mesra, baik dan berhemah. Akan tetapi sering kali masyarakat setempat memberikan pandangan yang negatif terhadap kemasukan pelajar-pelajar asing ke kawasan mereka.

Ada juga sesetengah tempat yang memberikan jolokan pelacur, penagih, pengedar dadah dan sebagainya kepada pelajar-pelajar asing ini. Ini tidak seharusnya timbul, malah kita patut menawarkan diri sebagai keluarga angkat kepada pelajar-pelajar ini. Untuk itu saya mencadangkan supaya kerajaan dapatlah kiranya memberi insentif kepada keluarga rakyat Malaysia yang menjadi keluarga angkat kepada pelajar-pelajar asing ini.

Tuan Yang di-Pertua, meramaikan pelajar-pelajar asing di negara ini sebenarnya juga dapat menambahkan sokongan terhadap Malaysia dari rakyat luar negeri. Jadi wajarlah kita menyemarakkannya demi masa hadapan negara kita dan juga pendidikan bertaraf global yang diidamkan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim.

**2.52 ptg.**

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1966 iaitu Akta 555 dan pada pandangan saya, akta ini adalah amat perlu dan wajar untuk disokong berasaskan kepada perkara-perkara yang dianggap penting dalam usaha kita meningkatkan hala tuju pendidikan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat sekarang ini, dalam kita menuju ke arah masyarakat k atau pun masyarakat *knowledge*, ini adalah merupakan di antara perkara yang penting kerana dalam kita menghadapi dunia yang serba mencabar sekarang ini, *knowledge* adalah di antara perkara yang akan diguna pakai dalam usaha kita menjana kekayaan negara sama ada di dalam dan di luar negara. Jadi menyedari hakikat ini, kita lihat sekarang negara kita telah pun bersedia

untuk melangkah - dengan izin - ke *second step* iaitu kita *ready* untuk menghadapi keadaan yang begitu komprehensif dan begitu komited ini.

Jadi dalam usaha kita melihat kita mempunyai dana, kita mempunyai ruang yang begitu terhad untuk menempatkan pelajar-pelajar kita di IPTA, maka alternatifnya adalah kita menggalakkan penubuhan IPTS di negara kita. Jadi apabila kita melihat sekarang, penubuhan IPTS di negara ini bagai cendawan tumbuh dan sekarang ini kita melihat ianya telah pun meningkat lebih daripada 6%, dan sudah menjalankan kegiatan pendidikan aktiviti di negara kita. Maka kita merasakan sudah sampai masanya dan selepas kita meminda akta ini, maka kita sekurang-kurangnya dapat mengawal supaya kualiti yang dihasilkan daripada semua IPTS yang beroperasi di negara kita ini selaras dengan falsafah pendidikan negara kita, iaitu kita akan mengeluarkan rakyat yang berpengetahuan, rakyat yang mempunyai jati diri, rakyat yang sentiasa relevan dan peka dengan keperluan pembangunan semasa negara.

Jadi dengan itu saya memohon penjelasan daripada pihak kementerian supaya struktur jabatan pendidikan tinggi swasta, di mana kita melihat supaya jabatan ini lebih berfungsi, lebih berkesan dari segi struktur pentadbirannya kerana ini amat penting. Dalam usaha kita menjaga dan mengawal perkembangan IPTS ini, kita juga harus melihat struktur organisasi jabatan ini diperkukuhkan dalam usaha kita memastikan jumlah ataupun pertumbuhan IPTS yang begitu banyak ini dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita menjadi sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik di rantau ini, kita juga harus melihat beberapa perkara yang mesti kita rintis. Dalam perkara ini amat penting kerana dalam usaha kita mewujudkan *world-class educational system* ini yang bukan sahaja kita mampu mengeluarkan tenaga kerja yang mahir, yang berkebolehan, yang bertaraf dunia tetapi kita juga dalam usaha kita menarik warga asing untuk datang ke negara kita.

Kita lihat satu contoh, kadang-kadang kita lupa. Sekarang ini bukan sahaja di negara kita. Di negara Thailand misalnya sebaik sahaja Thaksin mengambil alih pucuk pimpinan negara Thai, apa yang disedarinya ialah dalam usaha menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan masyarakat Thai. Sebab itu kita lihat kebanyakan orang-orang yang mempunyai keupayaan di negara Thailand, itu sebabnya pasaran di Selatan Thailand, mereka telah memilih Singapura untuk belajar bahasa Inggeris dan kita lihat walaupun *cost of living and standard of living* yang begitu tinggi - dengan izin - Tuan Yang di-Pertua, di Singapura, tetapi mereka terpaksa juga menghantar anak-anak mereka dalam usaha melahirkan anak-anak yang boleh menguasai bahasa Inggeris dengan fasih dan boleh merebut peluang-peluang yang begitu banyak di negara mereka.

Oleh sebab itu peluang ini harus diambil di negara kita disebabkan oleh kedudukan kita yang dekat, kemudahan komunikasi, jalan raya dan perhubungan lain-lain, kita boleh rebut peluang ini dengan sedikit pemantauan dan dengan sedikit publisiti yang kita buat di Selatan Thailand dan kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya, kita rasa kita boleh merebut begitu ramai anak-anak yang berasal dari Selatan Thailand untuk belajar di negara kita.

Jadi dengan itu untuk memastikan bahawa kita mencapai taraf ataupun kelas yang seumpama itu, maka kita haruslah mengambil peranan meningkatkan kualiti kita, walaupun kita belum lagi membentangkan akta ini tetapi LAN (Lembaga Akreditasi Negara) ini amat penting iaitu dalam usaha kita memantau dan menstrukturkan bentuk piagam atau kelulusan yang boleh kita letakkan standard kepada IPTS itu sendiri. Sebab itulah dalam hal ini, LAN harus memainkan peranan mempelopori, membuat pemantauan, menguruskan sijil-sijil dan kelulusan yang dikeluarkan oleh IPTS kerana kelulusan standard yang dijaga oleh LAN ini akan mencerminkan kualiti kelulusan yang dikeluarkan oleh pihak IPTS itu sendiri.

Jadi dalam usaha memantapkan, dalam usaha kita meningkatkan kejayaan IPTS di negara kita ini dengan memastikan ianya sama dengan IPTA yang dikawal sepenuhnya oleh kerajaan dalam usaha kita menarik pasaran-pasaran dari negara luar seperti mana yang dimaklumkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebentar tadi, maka kita sepanjang masa memastikan kualiti ini dipertahankan dalam usaha kita mencapai pendidikan bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga, kita tidak seharusnya bergantung kepada akreditasi yang dianugerahkan oleh IPT di luar negara kepada kursus-kursus yang dijalankan oleh IPTS di negara kita ini dan jika ini berlaku, bermakna hanyalah dengan izin, *user of the foreign knowledge* tetapi kita sendiri tidak mampu membangunkan keupayaan pengetahuan sendiri daripada dalam negara kita sendiri. Sebab itu kita lihat dalam Bajet 2004 nanti kita harus

memfokuskan kepada pembangunan dalaman untuk menangani iklim persekitaran yang tidak menentu sekarang ini supaya kita dapat pastikan kita dapat bersaing, kita dapat meletakkan satu standard yang sama seperti mana yang ditawarkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi di luar negara.

Selain dari itu, IPTS juga kita sanggup dalam usaha kita memaksa IPTS kita membayar, mencapai tahap yang kita inginkan ini, maka kita harus membuat kawalan-kawalan yang begitu terperinci dan menyeluruh supaya setiap sesuatu yang kita buat ini adalah sentiasa di bawah pengawasan dan pengawalan kerajaan. Kita tidak mahu kalau kita lihat dari segi infrastruktur ataupun prasarana yang disediakan oleh sesetengah IPTS, ianya tidak sesuai dengan suasana pembelajaran yang sebenarnya, yang selesa kerana kebanyakan IPTS lebih bersikap kepada *profit-oriented* yang kebanyakannya hanya menyewa rumah-rumah kedai, menyewa kawasan-kawasan yang tidak sesuai, lokasi-lokasi yang sibuk yang boleh mencetuskan suasana pembelajaran yang tidak bersesuaian dalam usaha kita meningkatkan mutu pendidikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ramai kawan telah menyentuh tentang salah guna yang dilakukan oleh beberapa pelajar IPTS, ini merupakan antara perkara yang harus diberi perhatian kerana sering kali operasi yang dijalankan oleh pihak imigresen terutamanya di kawasan sekitar Bandaraya Kuala Lumpur dan sebagainya. Kita lihat kebanyakannya setiap kali serbuan dibuat salah satu kes yang terlibat adalah melibatkan pelajar IPTS yang telah menyalahgunakan visa pelajar mereka ke negara ini.

Jadi perkara ini juga harus diperhatikan dan dibuat pemantauan dengan kerjasama jabatan-jabatan yang terlibat. Oleh itu amat wajar pihak kementerian memberi perhatian khusus kepada pemantauan kelakuan pelajar-pelajar IPTS ini kerana jumlah mereka yang begitu besar dan impaknya kepada masyarakat Malaysia umumnya. Masyarakat juga perlu memainkan peranan aktif dalam membantu kerajaan atau pihak berkuasa memantau kelakuan pelajar-pelajar di IPTS ini.

Jadi saya cadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewujudkan satu kod etika kelakuan pelajar yang perlu diiktiraf dan diseragamkan di semua IPTS untuk menjaga nama baik dan maruah IPTS tersebut, pelajar dan masyarakat. Kod ini umpama kod perlakuan di IPTA tetapi mungkin sedikit longgar dan memberi ruang kepada pelajar untuk menengahkan masalah mereka terhadap IPTS yang mana mereka belajar atau mereka pergi. Jadi ini adalah penting dalam usaha kita membuat pemantauan ataupun pengawalan yang Lebih teliti.

Mungkin juga perlu ditubuhkan satu jawatankuasa pendidikan tinggi swasta nasional yang mempunyai kuasa penuh untuk mentadbir pendidikan swasta di negara ini dengan merangkumi semua aspek-aspek yang telah saya sebutkan tadi. Keanggotaannya boleh terdiri daripada semua pihak pentadbir IPTS, kerajaan, masyarakat serta semua pimpinan pelajar IPTS itu sendiri. Ini semua boleh dianggap dan akan dapat mengurangkan bebanan kepada kerajaan untuk mengatasi semua masalah itu sendiri dan memberi kemajuan pembangunan industri pendidikan tinggi negara kepada sektor swasta yang akan dapat membawa pembangunan negara yang mapan, yang berdaya saing kepada dunia pendidikan kita agak setanding ataupun lebih baik daripada di negara-negara lain.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

### 3.03 ptg.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *Bismillahir Rahmanir Rahim dan Assalamualaikum.*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan kerana telah menjadikan negara kita sebagai satu destinasi gedung ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar bukan sahaja dalam negara malah peringkat antarabangsa. Secara ringkasnya saya telah pun mendengar rakan-rakan saya menyentuh beberapa perkara dan di sini saya hanya ingin sentuh tiga perkara sahaja secara ringkasnya.

Yang pertama saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Pendidikan sama ada pemantauan dibuat dari segi modul atau silibus di peringkat IPTS iaitu soal ketatanegaraan

ataupun soal sejarah negara kita ataupun bagaimana pembentukan Perlembagaan Malaysia dibuat.

Ini kerana pada pemikiran saya daripada maklumat yang saya dapati terdapat unsur-unsur di mana pihak-pihak studen walaupun di dalam negara sendiri ataupun datang daripada luar negara tidak memahami akan dasar bagaimana pembentukan Perlembagaan Negara itu dibuat kerana rata-rata masih terdapat komen-komen yang sinis yang mempersoalkan, bagaimana termaktubnya perlembagaan dengan adanya klausa-klausa yang memberi keistimewaan kepada orang-orang Melayu dan juga hak keistimewaan kepada orang Melayu. Kemudian soal Dasar Bahasa Kebangsaan kemudian mereka juga menyentuh soal bagaimana agama Islam menjadi agama rasmi negara.

Dan saya percaya dengan adanya perkara-perkara tersebut mungkin sedikit sebanyak ianya boleh mengelakkan tohmahan daripada penuntut-penuntut dari luar negara yang datang ataupun pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara yang menjaja ataupun menyebarkan fitnah yang mengatakan ada kononnya kategori rakyat Malaysia kelas satu, kelas dua dan sebagainya.

Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penyelesaian kementerian sama ada modul ataupun silibus seumpama itu patut dimasukkan atau diwajibkan kepada IPTS sebagaimana yang kita sedia maklum, mereka ini terdedah kepada.... mungkin boleh dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang ingin mengambil kesempatan memburukkan imej dan sistem pendidikan negara ini.

Kemudian yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat secara perbandingan daripada kementerian kalau kesempatan waktu iaitu setakat hari ini berapa ramaikah pelajar swasta rakyat negara kita yang mengikuti pelajaran di luar negara mengikut jumlah kaum dan juga jenis-jenis mata pelajaran kerana ini penting dari segi untuk menilai setakat mana kemampuan kita boleh memberi tempat kepada pelajar-pelajar kita sendiri ataupun bagaimanakah pelajar-pelajar ini secara swasta melanjutkan pelajaran di luar negara? Kerana ini memberikan implikasi dan impak kepada tukaran nilai mata wang negara kita.

Yang Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya tersentuh semalam soal pendidikan agama. Mungkin dari segi pendidikan boleh juga saya kaitkan dengan sejarah di mana minta maaf Yang Berhormat Senator Siti Zailah binti Mohd. Yusof semalam ada membuat satu kenyataan seolah-olah mengatakan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohammad sebagai pembohong di dalam ayat-ayat yang beliau katakan. Yang Amat Berhormat Dato Seri telah membuat ucapan dalam Perhimpunan Agung UMNO dengan memutar-belitkan fakta, menyeleweng fakta sejarah dengan kata-kata ini Yang mana PAS, parti Islam ditubuhkan atas sokongan pihak British.

Dan Yang Berhormat juga mengatakan ini merupakan satu pemalsuan fakta sejarah. Dan saya sebagai ahli sejarah juga, ingin menyatakan kerana tidak adil kalau saya tidak menyambut tuduhan yang pada saya memang agak buruk sekali kerana pada saya kalau dilihat penyelewengan dan memperalatkan ayat Al-Quran untuk kepentingan politik itu amat merbahaya. Lantaran itu kalau boleh Kementerian Pendidikan lihatlah bidang-bidang pendidikan yang mana dari segi sejarah dan agama agar mereka yang memutar-belitkan ayat Al-Quran itu perlu diambil tindakan yang sewajarnya agar tidak memesongkan akidah umat Islam di negara ini.

Dan perlu saya nyatakan di sini bahawa memang PAS wujud dan mereka adalah merupakan serpihan daripada Ahli-ahli UMNO dan saya yakin pada waktu tersebut mungkin Yang Berhormat Senator Siti Zailah belum lahir lagi dan wujudnya serpihan tersebut. Kerana pihak British... mungkin Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga ahli sejarah, mungkin professor sejarah. Betulkan kalau saya tidak tepat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kerana setahu saya UMNO pada waktu itu menentang Malayan Union terlalu kuat sehingga boleh menggugatkan kehendak pihak British yang ingin mewujudkan Malayan Union.

Dan kerana itu, taktik-taktik dan strategi yang digunakan oleh pihak panjajah ketika itu walaupun sekarang berlaku iaitu dengan *approach* hala tuju, *divide and rule*. Dan kerana itu mereka lihat UMNO terlalu kuat dan kerana ada musuh dalam UMNO menyebabkan unsur-unsur *desperado* dalam UMNO ketika itu ditubuhkan parti PAS. Dan dengan secara sukarela hati senang, pada sayalah! Pihak British memberi kelulusan dengan begitu cepat untuk penubuhan parti PAS kerana saya juga belajar sejarah Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta Setiausaha Parlimen membetulkan sejarah kerana beliau adalah Profesor Sejarah.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah selesai ucapan Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Sudah selesai kah? Baiklah.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammed:** Tidak adalah. Sudah penat!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae.

### 3.10 ptg.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003. Pertama, saya ambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana berjaya mengemukakan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003 untuk menyelaraskan, mengemas kini dengan tujuan untuk melengkap keperluan semasa.

Pada masa ini, kalau kita perhatikan, pertumbuhan IPTS berbanding dengan IPTA, sememangnya jauh berbeza dan setiap tahun, akan ada IPTS baru yang akan beroperasi. Ini menunjukkan, bahawa perkembangan pendidikan di negara ini semakin pesat dan desakan ke arah mengembangkan sektor pendidikan sentiasa ada. Justeru itu, kita perlulah melihat kepada pertumbuhan IPTS ini sebagai salah satu usaha sokongan dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan, bukan sahaja di rantau ini, malah di seluruh dunia suatu hari nanti.

Pertumbuhan IPTS di negara ini sebenarnya adalah sebagai alternatif utama kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah yang tidak berjaya melanjutkan pendidikan ke IPTA. Setiap tahun, bilangan pelajar yang berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan kerajaan semakin bertambah dan ini sudah tentu merumitkan pihak kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan dalam memilih pelajar-pelajar untuk memasuki IPTA yang cuma berjumlah 13 buah dengan kapasiti *enrolment* untuk sekali kemasukan kira-kira dalam lingkungan 2,000 hingga 5,000 orang.

Sudah tentu apabila pemilihan dibuat, akan ada golongan yang kecewa disebabkan hasrat mereka bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi lagi tidak berkesampaian. Dalam keadaan inilah, kita melihat penubuhan IPTS sebagai membantu pelajar-pelajar yang kecewa ini untuk meneruskan pengajian mereka walaupun tidak berjaya memasuki IPTA. Justeru itu, dakwaan yang mengatakan bahawa IPTS hanyalah tempat buangan pelajar-pelajar yang tidak berjaya memasuki IPTA adalah tidak benar sama sekali. Kualiti dan kecemerlangan yang dihasilkan oleh IPTS sama baiknya dengan apa yang dihasilkan oleh IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, tidak juga dinafikan IPTS turut memberi sumbangan yang besar dalam menyediakan keperluan sumber manusia kepada pasaran kerja negara di samping membantu kerajaan mencapai hasrat menjadi pusat kecemerlangan pendidikan. Golongan pelajar yang keluar daripada IPTS lebih kurang sama kualiti dengan pelajar kelulusan IPTA, malah kadangkala kelulusan IPTS ini lebih berwibawa dan berdaya saing berbanding dengan lulusan IPTA. Ini terbukti apabila lebih ramai kelulusan daripada IPTS mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris dengan baik berbanding dengan kelulusan IPTA yang hanya mampu menggunakan kemahiran tersebut secara ala kadar sahaja. Keadaan ini seperti yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita satu ketika dahulu, bahawa kemahiran berbahasa Inggeris mampu membantu kita menguasai ilmu secara berkesan dan mendorong kita lebih berkeyakinan untuk berurusan dengan dunia luar.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkembangan yang semakin pesat dalam sektor pendidikan swasta pada ketika ini, kita perlu juga memantau beberapa perkara agar apa yang dilakukan oleh IPTS sentiasa menjurus kepada membantu perkembangan dan kemajuan sektor pendidikan di negara ini. Pertama, berkenaan dengan IPTS yang masih beroperasi seperti biasa sedangkan dalam masa yang sama, ada kakitangan yang belum dibayar gaji sehingga mencapai

dua, tiga bulan dan ke atas. Dalam hal ini, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menjamin kebajikan kepada kedua-dua pihak, pihak majikan dan kakitangannya.

Kedua, sekiranya perkara ini berlaku, adakah kerajaan akan mengambil tindakan menyerap kakitangan IPTS yang berpengalaman mengajar ini ke IPTA yang lain, yang mana kekurangan tenaga pelajar di IPTS selaras dengan pertambahan kemasukan pelajar setiap tahun.

Ketiga, apakah semua program berkembar yang dikendalikan oleh IPTS dengan universiti-universiti luar negara diiktiraf oleh kerajaan. Ini untuk mengelakkan keraguan di kalangan pelajar-pelajar yang ingin mengikuti satu-satu program yang ditawarkan oleh IPTS melalui francais, program berkembar dengan universiti-universiti luar negara.

Keempat, adakah sijil, diploma dan ijazah yang dianugerahkan oleh IPTS melalui program berkembar atau francais dari luar negara boleh digunakan sebagai sokongan kepada permohonan memasuki IPTA?

Kelima, apakah kerajaan mengehadikan penubuhan IPTS kepada satu jumlah tertentu memandangkan setakat ini, berdasarkan kepada statistik yang ada, menunjukkan lebih kurang 500 buah IPTS telah beroperasi di seluruh negara. Ini adalah satu jumlah yang banyak dan walaupun ia mungkin dapat membantu sektor pendidikan negara, tetapi apa yang dikhuatiri ialah banyak IPTS yang ditubuhkan ini, banyak juga yang akan gulung tikar akibat daripada ketidakupayaan bersaing dengan IPTS-IPTS yang lain. Keadaan ini sudah tentu akan memberikan imej yang negatif kepada sektor pendidikan swasta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan adalah sektor yang paling utama dalam membangun sumber manusia di negara ini. Tanpa adanya pendidikan, maka sudah tentu kita akan sukar untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Oleh itu, bagi menjamin kesinambungan pencapaian pendidikan yang kita capai sekarang ini sentiasa berterusan dan keperluan tenaga kerja mahir sentiasa dapat dipenuhi, kita harus pastikan bahawa setiap tindakan dan rancangan yang ingin dilaksanakan, mestilah sentiasa bersesuaian dengan kehendak semasa dan tidak lari daripada etika pendidikan yang telah kita amalkan selama ini. Dengan cara ini, saya percaya Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, akan segera kita capai dalam sedikit masa lagi. Dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K. R. A. Naidu. Dijemput Yang Berhormat.

### 3.18 ptg.

**Tuan K. R. A. Naidu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan suatu Akta yang dinamakan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2003. Tuan Yang di-Pertua, akta ini adalah satu yang patut dialu-alukan kerana ia akan menjamin bahawa pendidikan IPTA-IPTA di negara ini, pusat-pusat pendidikan tinggi di Malaysia ini akan menjadi satu yang benar-benar baik dan yang boleh dianggap pendidikan yang bermutu di rantau ini. Dari segi kebaikan, ia juga akan membawa pelbagai kebaikan kepada negara, dari segi pekerjaan dan juga tukaran wang asing ataupun dengan izin *foreign exchange*.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh tentang dua perkara di sini. Untuk menjamin bahawa mutu pendidikan di IPTA ini adalah tinggi, adalah wajar bahawa pensyarah-pensyarah yang berkelayakan tinggi dan berpengalaman diambil untuk mengajar di IPTA. Pusat-pusat pendidikan tinggi untuk mendapatkan keuntungan tidak seharusnya mengambil pensyarah-pensyarah yang kurang berkelayakan ataupun kurang berpengalaman. Satu lagi mungkin masalah yang kita hadapi ialah di kebanyakan IPTA-IPTA, kita dapati pelajar-pelajar boleh memperolehi ijazah dalam tempoh yang singkat. Contohnya, selepas SPM, mereka belajar untuk enam bulan sebagai pendidikan asas dan dalam tempoh dua atau dua setengah tahun, mereka boleh memperolehi ijazah. Dengan itu, mutu pendidikan di IPTA itu akan tentunya tidak sama dengan mutu pendidikan di IPTS yang berkualiti.

Di sini juga saya ingin menyentuh sedikit tentang R&D. Kebanyakan IPTA di negara ini, universiti-universiti yang terkenal contohnya tidak memberi perhatian tentang R&D. Saya percaya R&D adalah sesuatu yang diperlukan oleh setiap IPTS dan IPTA-IPTA yang ternama seperti Universiti Multimedia, Universiti Petronas dan sebagainya mestilah harus memberikan perhatian

untuk menjalankan R&D supaya universiti-universiti di negara ini akan terkenal sebagai universiti-universiti seperti Oxford dan Cambridge di England.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya ingin cadangkan bahawa universiti-universiti yang terkenal dan besar di negara ini bolehlah dikaitkan pengajaran di universiti itu dengan industri-industri tertentu. Contohnya, Universiti Multimedia boleh dikaitkan dengan industri ICT, Universiti Petronas dengan industri petrokimia dan Universiti Tenaga dengan industri tenaga.

Dengan itu, kita akan mengadakan satu pengkhususan di mana industri-industri kita akan menjadi satu yang baik di rantau ini, mungkin di dunia, satu pengkhususan di dalam bidang-bidang tertentu dapat dicapai selain daripada menjamin bahawa mahasiswa-mahasiswa di universiti-universiti ini mendapat pekerjaan selepas pendidikan mereka.

Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong Akta ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar.

### 3.23 ptg.

**Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja. Saya sebenarnya tidak hendak membahaskan sangat kepada pindaan kerana pindaan ini jelas dan saya menyokong pindaan ini, mungkin hanya ada beberapa perkara sahaja. Tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan mengenai sijil yang dikeluarkan oleh IPTS.

Kebanyakan mereka yang pergi ke IPTS ini adalah mereka yang seperti mana yang dikatakan oleh sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat tadi, yang tidak mempunyai peluang untuk pergi ke IPTA. Jadi, mereka pergi IPTS. Kadang-kadang mereka yang pergi ke IPTS ini tidak memerlukan satu kelayakan, seperti kelulusan mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, jadi mereka dapat mengikuti pengajian di IPTS dan kadang-kadang kebanyakan mereka ini berjaya di dalam peperiksaan IPTS ini dengan kelulusan yang lebih cemerlang daripada mereka yang mengikuti IPTA.

Tetapi persoalannya, apabila mereka yang mempunyai sijil daripada IPTS ini memohon kerja kerajaan misalnya, yang selalunya di antara syarat-syarat untuk penerimaan pekerjaan di perkhidmatan awam itu memerlukan kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM. Jadi bagaimana, kerana bila masuk IPTS, walaupun sijil itu *First Class Honours*, tetapi tidak mempunyai kelulusan kredit Bahasa Malaysia di peringkat SPM, maka di antara syaratnya itu tidak membolehkan dia bekerja dengan pihak perkhidmatan awam.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, adakah perlu untuk tidak mengecewakan mereka yang di dalam keadaan ini, kita tentukan supaya IPTS juga, memastikan selain daripada penuntut-penuntut ini mengambil bidang dalam jurusan yang diambilnya, yang mana tidak ada kelulusan dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM, diambil semula peperiksaan tersebut ketika berada di universiti itu supaya ianya tidak akan mengecewakan mereka ini kelak apabila keluar, walaupun *degreenya* begitu bagus tetapi tidak dapat berkhidmat dalam perkhidmatan awam kerana tidak ada kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Itu sahaja yang saya hendak cadangkan kepada Setiausaha Parlimen kalau tidak ada lagi di mana-mana. Saya tidak baca Akta Ibu sebenarnya. Jadi, kalau tidak ada, itu mungkin kita boleh tentukan supaya penuntut-penuntut yang mengikuti kursus di IPTS ini yang tidak ada kelulusan Bahasa Malaysia di peringkat SPM, mereka ini dikehendaki mengambil peperiksaan Bahasa Malaysia terutamanya bagi penuntut-penuntut rakyat Malaysia yang hendak bekerja di negara ini.

Terima kasih. Saya turut menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab bagi pihak Menteri Pendidikan.

### 3.26 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya bagi pihak Kementerian Pendidikan diberi peluang untuk menjawab serta juga memberi pandangan mengenai dengan pindaan Akta Institusi

Pendidikan Tinggi Swasta 1996 atau lebih dikenali dengan Akta 555, seperti mana kata Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lampau ini juga adalah seperti buku kutip hutang, buku 'tiga kali lima'.

Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan menyanjung tinggi segala soalan dan pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya dapati di sini seramai 12 orang, kalau tidak silap saya, Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengambil bahagian untuk berbahas serta juga memberi pandangan yang cukup bernas kepada saya.

Antara mereka yang telah mengambil bahagian ialah Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub, Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff, Yang Berhormat Dato' Lau Yin Pin, Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu dan yang terakhir sekali ialah Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar.

Pertama saya ingin juga membuat respons kepada Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan perbahasan di Dewan yang mulia ini iaitu Dewan Negara maksud saya. Saya sambut baik kenyataan Tuan Yang di-Pertua bahawa Dewan Negara ini bukanlah satu dewan yang dianggap sebagai *rubber stamp* ataupun setem getah untuk mengecap tanpa apa-apa perbahasan.

Daripada apa yang telah saya ikuti sepanjang ini, saya rasa segala pandangan dan juga perbahasan sudah pun meningkat. Bukan saya hendak komen. Seperti beberapa orang Ahli terutama sekali Datuk Ghazi, walaupun ini ucapan terakhir beliau, saya rasa ucapan Datuk Ghazi telah pun memberi satu *benchmark* kepada Dewan yang mulia ini di mana kebanyakan yang saya lihat, Ahli-ahli telah pun membuat 'kerja rumah' yang begitu baik terutama sekali saya lihat dengan angka-angka yang telah diberi dan juga bukti-bukti yang telah dijelaskan, saya anggap ini adalah satu peningkatan kepada perbahasan Dewan yang mulia ini.

Malah saya masih ingat daripada kajian yang saya buat, pernah pada satu masa dahulu yang mana Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir sendiri yang menjadi anggota Dewan yang mulia ini telah pun meletakkan *benchmark* yang begitu tinggi daripada apa yang telah dikemukakan melalui perbahasannya.

Jadi, boleh saya katakan di sini, kesemua dua belas orang yang telah mengambil bahagian ini, tidak ada seorang pun yang membangkang, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada seorang pun yang membangkang. Semuanya menyokong dan ada yang tambah lagi, dan inilah yang kami amat hargai sekali, khususnya saya dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, juga Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai akan mengambil ini. Kalau saya tidak sempat menjawab keseluruhannya, pegawai-pegawai akan mengambil ini dan kami akan terus memberi perhatian secara serius, dan kami tidak lagi anggap Dewan yang mulia ini sebagai "*rubber stamp*" sahaja, dan kami pun "*rubber stamp*" sahaja. Tidak ada. Kalau betul-betul ada pandangan yang baik, yang bernas, kami akan mengambil ini secara serius, bukan main-main.

Jadi, untuk Ahli Yang Berhormat yang pertama, iaitu Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar, telah membangkitkan beberapa perkara. Antaranya ialah mengenai dengan takrif "sijil". Dengan ini saya ingin menjawab bahawa sijil dalam tafsiran ini membawa maksud "Sesuatu kursus pengajian yang melebihi 40 jam kredit dan melebihi tempoh empat bulan", itu yang kita maksudkan "sijil". Jadi, Yang Berhormat, tafsiran "sijil" ini tidak termasuk sijil kehadiran yang diikuti kurang daripada tempoh yang dinyatakan di atas. Ramai orang mendapat sijil hari ini – menghadiri apa pun dapat sijil – yang ini adalah sebagai satu insentif sahaja. Sijil yang dimaksudkan di sini – sijil kehadiran - misalnya, dia dapat sijil kecantikan untuk mencantikkan rambut dan muka, itu kita tidak anggapnya sebagai sijil kerana ia tidak melalui beberapa kursus-kursus tertentu. Itu pada pandangan kita.

Perkara kedua ialah mengenai langkah kawalan penubuhan IPTS. Sehingga kini didapati 534 buah IPTS, termasuk universiti kolej, universiti dan kampus cawangan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenakan syarat yang ketat sebelum sesebuah IPTS diluluskan penubuhannya, sama ada permohonan baru atau menaik taraf dari IPTS kepada universiti kolej, universiti swasta. Pemohon terlebih dahulu diminta mengemukakan kertas kerja cadangan penubuhan menaik taraf IPTS yang lengkap untuk diteliti oleh Panel Khas. Kita ada Panel Khas.

Dia bukan sembarangan sahaja boleh ditubuhkan. Dia kena buat *application* dan dia ada kriteria, syarat-syarat yang tertentu. Inilah syarat-syarat yang terkandung dalam buku yang kita hendak pinda ini. Ini dia [*Menunjukkan buku*] dan kita akan perhati, semak dengan sedalam-dalamnya. Kalau tidak *compatible*, kita tidak beri kelulusan. Dan begitu juga yang sudah beroperasi, kalau tidak *compatible*, kita tutup.

Perkara ketiga yang dibangkitkan ialah mengenai bilangan pelajar yang berkurangan di IPTS, kata Yang Berhormat. Pelajar IPTS sebenarnya semakin bertambah, Yang Berhormat, dari tahun ke tahun pada tahun 2002. Bilangan pelajar bagi semua peringkat pengajian – sijil, diploma, ijazah - adalah sebanyak 294,600 orang berbanding dengan 270,904 orang pada tahun 2002. Peningkatan ialah sebanyak lapan peratus. Bilangan pelajar antarabangsa di IPTS pada 2002 ialah 22,827 orang berbanding pada tahun 2001 sebanyak 13,475. Ini satu peningkatan yang tinggi.

Jadi, Yang Berhormat, ini menunjukkan bahawa bukan kerana dia tengok kursus yang dia hendak ambil itu. Saya pernah diberi tahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Negara China dalam satu persidangan bahawa tarikan kepada pelajar-pelajar China ialah kerana keadaan politik negara yang stabil dan keadaan ekonomi yang berkembang begitu baik. Itu adalah antara faktor yang menjadi tarikan kepada negara kita. Kalau PAS pun bekerjasama dengan kita, baguslah, lagi bagus negara ini. Jangan kita memecahbelahkan masyarakat menyebabkan keadaan politik menjadi menurun dan orang pandang serong kepada kita. Jadi PAS dalam soal ini, bila di luar negeri baik-baiklah, ceritalah yang baik-baik fasal negara kita. Jangan pula bila di luar negeri dok hentam Malaysia menyebabkan orang tidak suka datang.

Saya juga hendak menjawab soalan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah mengenai IPTS bersaiz kecil. KPM prihatin dengan *survival* IPTS bersaiz kecil yang terpaksa bersaing dengan IPTS bersaiz besar. Ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi. KPM telah menganjurkan seminar dan majlis dialog dengan pengusaha-pengusaha IPTS bagi membincang model penggabungan – ini yang Yang Berhormat Datuk Ghazi bangkitkan tadi - di kalangan IPTS. Namun begitu, pengusaha-pengusaha IPTS masih belum dapat menentukan model yang sesuai untuk dicadangkan bagi proses penggabungan. Ini boleh jadi ada kaitan dengan ekuiti dan ada orang tidak boleh dapat kerja dan sebagainya dan ini mungkin ditimbulkan dalam perkara itu.

Terdapat berbagai faktor yang menghalang proses penggabungan, di antaranya ialah masalah pemilihan dan ekuiti serta masalah imej dan nama IPTS - masing-masing hendak mempertahankan bahawa kolej dia "*The best in the world*", "*The best in Malaysia*", "*The best in the rantau*" dan sebagainya, dengan izin.

Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah juga membangkitkan mengenai kerjasama KPM dengan Kementerian Sumber Manusia. KPM sentiasa, kita sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan IPTS menawarkan dan memasarkan program pengajian dan sesuai dengan keperluan pasaran kerja. Bukan dengan Kementerian Sumber Manusia sahaja, malahan dengan kementerian lain juga kita bekerjasama, sebab inilah cara Barisan Nasional menubuhkan kerajaan. Kita tidak ada asing-asing. Misalnya, Kementerian Pendidikan juga bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, dengan Kementerian Kesihatan. Misalnya, macam dahulu saya cakap fasal *autism*, kena ditentukan oleh doktor terlebih dahulu ini dengan Kementerian Kesihatan. Jadi, ini kita buat secara menyeluruh. Lainlah kerajaan di Kelantan dan di Terengganu, itu saya tidak tahu, minta maaf saya tidak boleh cakap soal itu.

Bagi memastikan IPTS menawarkan program pengajian yang relevan dengan keperluan pasaran kerja, KPM sentiasa memastikan bahawa semua kursus baru dan kursus tambahan yang dipohon untuk dikendalikan oleh IPTS adalah *marketable*, dengan izin, dan dengan izin juga, *compatible*.

Menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Chin Fook Weng mengenai dengan pengawasan dan pengawalan IPTS, ataupun pengawalseliaan, KPM sentiasa peka - saya sebut "peka" bukan "pekak" - dan melaksanakan tugas penyeliaan dan pengawalan. Kita kawal, kita tidak beri peluang ke atas institusi pendidikan swasta, seperti sekolah swasta dan pusat kemahiran – ini pun juga kita kawal - dan institusi pendidikan tinggi swasta.

Sejak tahun 2002, KPM telah melaksanakan kempen "Gempur dan Hebah". Ia didapati telah memberi kesan positif terhadap IPTS untuk meningkatkan kualiti pengurusan dan pengendalian program pengajian mereka. Sehingga Mei 2003, sebanyak 41 buah IPTS telah diarahkan tutup, termasuk 12 buah pada tahun 2003 kerana kesalahan beroperasi tanpa kelulusan KPM dan 10 IPTS pula telah diarah menghentikan kursus yang dikendalikan tanpa kelulusan KPM. Ini kita buat, tetapi minta maaf, ada setengah pihak kata, dia orang buat dahulu kolej dan kemudian bila kita arahkan ditutup dia kata pihak kementerian lambat untuk meluluskan. Kita tidak boleh bila hari ini orang buat *application*, dengan izin, esok kita buka. Tidak boleh! Kita kena ada juga proses-proses kita dan ini sekejap lagi kita akan bangkitkan dalam pindaan kepada Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara atau LAN.

KPN juga telah mengemukakan kertas kerja kepada JPA untuk mempertimbangkan penambahan perjawatan melalui penstrukturan semula Jabatan Pendidikan Swasta. Langkah ini adalah untuk memperkasakan KPN dalam menguatkuasakan perundangan dan peraturan pendidikan. Yang ini kita sudah buat *application*, ini juga menjawab satu soalan daripada Yang Berhormat Datuk Ghazi mengenai dengan JPS. Saya guna JPS di sini bukan Jabatan Parit dan Saliran tetapi Jabatan Pendidikan Swasta, nama akronimnya sama.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga bangkitkan mengenai dengan pelajar antarabangsa ke Malaysia disebabkan tindakan penipuan oleh sesetengah IPTS. Inilah masalah kita. KPN telah menyediakan garis panduan pengrekrutan pelajar antarabangsa yang dibaca bersama Buku Panduan Kod Etika berkuat kuasa pada 19 September 2002. Garis panduan tersebut akan membantu menangani isu-isu yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa. Operasi bersepadu juga dijalankan dari masa ke semasa, dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia untuk menangani IPTS yang menyalahi peraturan pengrekrutan pelajar antarabangsa. Yang ini kita buat dari masa ke semasa, ya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Ini juga kita keluar arahan di mana agensi yang buat *recruitment* pelajar tadi ini ia ada konteks dengan kolej kita. Sekarang kita hendak perketatkan lagi. Maknanya kalau dia dapat *Student Visa*, dengan izin, dia mestilah berada di kolej yang berkenaan.

Apa yang berlaku pada masa yang lampau ialah daftar sahaja katakan di Ipoh, namanya ada di Ipoh, badan berada di Johor Bahru. Ini yang berlaku perkara yang tidak diingini ini. Jadi, saya harap ini juga kita akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan kita harus memikirkan bahawa kad-kad yang dikeluarkan kepada pelajar-pelajar tadi benar-benar mematuhi perkara ini. Kalau tidak, kita akan mengambil tindakan. Kita tidak fikir dua, tiga kali, kita akan sekali ini mengambil tindakan ke atas kolej itu dan kolej itu bertanggungjawab ke atas pelajar itu. Maknanya dia datang sini dia daftar beberapa *credit hours*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, 'Tan Sri Yang di-Pertua,' dan dia mesti ikuti kursus itu. Inilah...

**Tuan Yang di-Pertua:** "Tuan Yang di-Pertua.." itu betul dah.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, maaf saya. Kadang-kadang terlajak juga sebab kita dok biasa 'Tan Sri' ini, sebab hari ini nampak Tan Sri ceria sedikit, sebab itu dia izinkan saya bercakap panjang sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga mengenai dengan kita kata kita hendak pastikan setiap kolej ataupun Program Berkembar tadi yang mengambil pelajar asing pastikan pelajarinya benar-benar berada di kolej itu. Kalau tidak, kalau dia dapat apa-apa masalah, kita akan mengambil tindakan ke atas kolej itu. Kita tidak mahu lagi kata dengar cerita Malaysia ini *noted* untuk orang dapat *student visa*, dia datang di sini dia bekerja, kalau dia bekerja yang baik tidak apa juga tetapi dia kerja benda yang lain yang tidak elok itu. Jadi, benda yang tak elok ini kita hendak hapuskan. Nama kita busuk, nama kolej pun busuk, nama kerajaan pun busuk. Jadi, kita kena jaga imej ini.

Mengenai dengan isu MLVK, pihak IPTS hanya dibenar mengendalikan Program MLVK tahap satu hingga lima jika telah mendapat kelulusan KPN, menerusi permohonan menambah kursus yang dikemukakan melalui Jabatan Pendidikan Swasta dan mendapat syor daripada Lembaga Akreditasi Negara.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga telah membangkitkan mengenai dengan peruntukan pengesahan apa-apa perbuatan atau benda yang telah dilakukan sebelum tarikh berkuatkuasa pindaan kepada akta ini. Pindaan ini dibuat adalah untuk menjelaskan dan ini juga penjelasan kami - kedudukan peruntukan akta yang sedia ada berhubung dengan takrif "sijil", "diploma" dan "ijazah" dan pada masa yang sama juga ini kita anggap menimbul kekeliruan. Jadi, oleh itu, pengesahan

dimaksudkan bagi memastikan tidak timbul apa-apa persoalan ke atas takrif “sijil”, “diploma” dan “ijazah” yang telah dikeluarkan oleh mana-mana IPTS. Inilah yang tadi setengah dikatakan “sijil ini”, setengah kata “diploma ini” dan “ijazah ini” dan sebagainya. Jadi, ini satu pengiktirafan yang kita bercakap ini.

Keduanya, bila kita kata “ijazah”, apakah itu ijazah. Ini yang kita hendak pastikan. Macam juga tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Mansor tentang kemasukan. Ini juga kita hendak, dengan izin, *scrutinize*.

Kemudian, datang daripada sahabat baik saya Yang Berhormat Datuk Ghazi. Saya pun tadi rasa macam hendak menitis air matalah kerana Datuk Ghazi bagi seolah-olah ini ucapan yang terakhir. Saya berharap Datuk Ghazi terus beri sumbangan kepada kita walaupun dia akan bersara kerana ini persaraan wajib daripada menjadi Ahli Dewan Negara, kerana itu adalah peraturan. Kita tidak boleh buat apa. Kalau kita ada peraturan yang lain kita boleh ubah sambung lagi, kerana daripada segi kehadiran dan penghujahannya begitu baik sekali. Jadi, saya tabik kepada Datuk Ghazi.

Datuk Ghazi telah membangkitkan mengenai kualiti IPTS berbanding IPTA. Semua IPTS perlu memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh KPN seperti yang disyorkan oleh LAN. Inilah akta yang kita hendak bincangkan iaitu Akta 556. Sebelum diluluskan penubuhannya, satu, memenuhi piawaian yang ditetapkan seperti yang terdapat pada peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 55 dan kedua, memenuhi piawaian kursus pengajian seperti yang telah mendapat syor LAN.

Begitu juga dengan Datuk Ghazi telah membangkitkan mengenai dengan kecemerlangan dan mutu graduan IPTS. Saya juga turut bersama dengan Yang Berhormat Datuk Ghazi iaitu KPN telah menetapkan dasar bahawa kelulusan SPM tidak boleh digunakan untuk kemasukan pengajian kepada peringkat Ijazah Pertama. Ini juga dibangkitkan oleh Datuk Mansor tadi, dan KPN juga sentiasa memantau IPTS supaya melaksanakan program pengajian yang memenuhi piawai yang ditetapkan sahaja serta mengambil pensyarah yang berkelayakan. Sebab itu LAN sebelum ia meluluskan ataupun membuat *recommendation*, dengan izin, kepada JPS ia kena pastikan juga orang yang hendak mengajar juga mesti berkelayakan.

Seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Sri Abdullah Ayob juga sekurang-kurangnya menjawab sedikit sebahagian daripada soalan Tan Sri. IPTS juga disyaratkan mempunyai kemudahan pembelajaran. Ini pegawai-pegawai kementerian mereka pergi, mereka takut benda ini, yang mencukupi dan sesuai seperti makmal dan studio sebelum diluluskan menjalankan sesuatu kursus pengajian. Jadi, prasarana mesti lengkap. Kalau dia kata dia ada perpustakaan, kita hendak tengok perpustakaan. Boleh jadi dia ada perpustakaan. Kita *stressed-up* juga hari ini bahawa dia patut juga lengkapi kolejnya dengan segala macam kemudahan ICT sebab kita tidak boleh nafikan bahawa ICT adalah satu-satunya kemudahan yang diperlukan pada hari ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa beza prasarana, kemudahan asas dan infrastruktur Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sama... [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, sama, Orang Putih kata infrastruktur itu *infrastructure*, maaf saya. Prasarana dia ikut bahasa kita iaitu yang di *coined*, dengan izin, oleh Dewan Bahasa. Juga satu lagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudahan asas.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kemudahan. Orang dahulu sudah pakai lama perkataan “kemudahan” iaitu untuk memudahkan kita menggunakan satu-satu benda yang memudahkan kita untuk mendapat sesuatu, itu kemudahan, seperti motokar memudahkan kita bergerak dari satu tempat ke satu tempat. Masa zaman Rasulullah s.a.w. hendak bergerak dia pakai unta dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan kuda ataupun keldai.

Yang Berhormat Datuk Ghazi telah membangkitkan juga mengenai dengan kaedah promosi dan juga kaedah dwi-bahasa. IPTS sememangnya mengendalikan program dalam kedua-dua bahasa, ada. Bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Apabila IPTS mengendalikan kursus pengajian dalam bahasa Inggeris maka mata pelajaran wajib Bahasa Kebangsaan perlu diajar. Ini kita buat syarat. Syaratnya untuk dia lulus bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris juga.

Malah kita beri nasihat kepada kolej-kolej yang mengendalikan kursus-kursus tadi, katalah kursus seberang laut, dia dikehendaki dalam Bahasa Inggeris. Kita juga mesti pastikan bahawa dia beri kursus-kursus Bahasa Inggeris tahap-tahap tertentu supaya dia boleh mengikuti ijazah tadi, kalau tidak anak-anak muda kita akan tercicir. Serupalah kalau dia pun pergi ke luar negara pun dia hendak kena dalam Bahasa Inggeris. Itu dia. Macam dahululah kita buat peperiksaan STAM misalnya, ada orang tentang mula-mula tetapi akhir-akhir ini sudah sokong pula STAM iaitu kita hendak memastikan penuntut yang hendak pergi ke Al-Azhar itu benar-benar boleh berbahasa Arab.

Ada yang lulusan daripada luar negara khusus daripada Al-Azhar, ada yang cakap *broken Arabic* lagi, itu yang saya tahu. Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli juga telah membangkitkan supaya diadakan jabatan yang boleh mengendalikan pelajar antarabangsa. Satu bahagian promosi, ini baru kita buat, bahagian promosi pendidikan di Jabatan Pendidikan Swasta telah ditubuhkan pada akhir tahun ini dan akan diketuai oleh seorang pengarah.

Ini sudah kita buat dan terima kasih pesanan Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli kita ambil secara serius iaitu kita benar-benar hendak buat satu jabatan sama sekarang ini dengan JPS. Mungkin satu masa kita kata kalau dia perlu diperluaskan kita luaskan sebab dia menjaga hal ehwal, dengan izin, *foreign students*. Bahagian ini juga akan bertanggungjawab dalam semua hal ehwal yang berkaitan, usaha mengendalikan Malaysia dapat menjadi sebuah pusat kecemerlangan pendidikan termasuk hal-hal kebajikan pelajar antarabangsa.

Cadangan Yang Berhormat tadi saya akan bawa balik kepada kementerian iaitu bolehkah kita jadi macam, *one-stop processing center*, dengan izin, iaitu di situlah kita hendak ketahui dia punya *qualifications*. Kita juga akan mengajukan kepada kolej yang berkenaan dan juga kita boleh memantau pelajar-pelajar itu, benar-benarkah dia mengikuti kursus di kolej-kolej tertentu. Inilah bahagian yang akan dibuat itu dan memastikan juga kerjasama yang erat dengan pihak imigresen.

Jadi, maknanya kalau dia menyalahi peraturan visa tadi, kita tidak akan teragak-agak untuk terus terbangkan dia balik ke negara asalnya. Jadi, ini masalah akan timbul kalau ditangkap oleh polis di luar, dalam karaokekah, kita hendak buat macam mana? Jadi, yang ini kita masih cari lagi jalan, macam mana hendak selesaikan masalah ini? Siapa hendak berbelanja dari segi *deportation* pelajar ini tadi ke negara asal?

Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai dengan kerangka ataupun MQF tadi iaitu satu Kerangka Kelayakan Malaysia tadi, *Malaysian Qualification Framework*, dengan izin, telah pun dibincang dan dibengkelkan. Kita ada buat ini pada 1 Julai yang lalu yang dihadiri oleh pakar-pakar pendidikan dan mereka yang berkepentingan dalam hal ehwal ini. Draf akhir yang telah dibincangkan akan dibawa kepada Mesyuarat Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN). Jadi, dia akan bincang, dia akan ambil ini dijadikan apa-apa peraturan ataupun sebagai garis panduan kita. Ini pun terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli yang telah membangkitkan perkara ini.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai dengan internet dan *web page*. Laman web berhubung dengan perkhidmatan pendidikan swasta telah wujud. Ini alamat dia, Yang Berhormat, [www.moe.gov.my/jps](http://www.moe.gov.my/jps) dan emailnya di alamat [jps@jps.moe.gov.my](mailto:jps@jps.moe.gov.my). Macam bahasa Kedah pula ini. Bahasa Kedah dan Perlis sama saja, dot.com. dot.my asal daripada Perlis, kalau tidak silap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahasa komputer memang berasal dari situ.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Asal daripada Perlis, bahasa-bahasa komputerlah maksud saya daripada Perlis atau Kedah, saya tidak tahu. Pasal ada dot com dot my. *[Ketawa]* Yang Berhormat juga bangkitkan mengenai jumlah IPTS yang terlalu banyak. Kementerian Pendidikan sememangnya menggalakkan pengusaha IPTS yang kecil dan sederhana supaya bergabung. Tadi, sudah saya jawab, tetapi hanya kita tunggu sahaja apa formula yang hendak diberi tetapi kita tidak boleh paksa. Ini kalau kita paksa bahaya, kacau dia orang. Jadi ini kita akan lakukan.

Mengenai dengan cadangan membuat kajian menyeluruh tentang sistem pendidikan tinggi. Saya ucapkan ribuan terima kasih pada Yang Berhormat. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, ini cadangan yang cukup baik. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan sememangnya

sentiasa membuat kajian dari semasa ke semasa tentang sistem pendidikan tinggi supaya sentiasa relevan dan sesuai dengan kehendak semasa.

Sebagai contoh ialah pembangunan IPTS yang dahulunya bukan merupakan salah satu sistem pendidikan tinggi kita. Walau bagaimanapun, saya sekali lagi beri jaminan kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli kita akan ambil perkara ini secara serius dan kita akan bincang perlu atau tidak kita wujudkan satu jawatankuasa meninjau kembali tentang kedudukan pusat pengajian tinggi di negara kita. Cadangan-cadangan Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli yang lain saya akan senaraikan itu semua.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub telah juga membangkitkan berkenaan dengan kawalan terhadap penuntut luar negara. KPM mengadakan operasi bersepadu melibatkan Jabatan Imigresen dan juga bu Pejabat Polis, Cawangan Khas Bukit Aman, dari semasa ke semasa kita pastikan pelajar-pelajar ini tidak terlibat dalam perkara-perkara yang kita anggap haram.

Tan Sri juga membangkitkan berkenaan mutu tenaga pengajar. Sebenarnya sebelum sesuatu kursus pengajian itu diluluskan kita juga telah minta setiap IPTS itu menyediakan senarai nama tenaga pengajar yang berkelayakan. Kalau kita lihat katalah dia ada *first degree* mengendalikan kursus *second degree*, ini kita tidak benarkan. Sebab itu Tan Sri telah bangkitkan berkenaan dengan samada perlu atau tidak mereka mempunyai kelayakan, ini kita pastikan mereka ada kelayakan dan saya terima baik pandangan Tan Sri tadi mengenai antara mereka yang banyak *part-time*, jadi tumpuan sepenuh masa tidak dapat diwujudkan. Ini juga cadangan yang baik, saya akan bawa semula ke kementerian untuk sama-sama kita bincangkan, apakah perlunya kalaulah dapat diizinkan juga tenaga pengajar *part-time* ini benar-benar orang yang berkelayakan, dia kena pastikan.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah yang melibatkan campur tangan pihak kedutaan asing. Setakat ini cuma satu sahaja pihak kedutaan yang terlibat dan ini ialah mengenai pelajar antarabangsa iaitu daripada Peoples Republic of China. Dia telah pun membincang dalam perkara ini dengan serius dengan kita sebab ramai pelajar asing terdiri daripada pelajar dari negara China.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah juga bertanya mengenai dengan kursus-kursus yang relevan. IPTS menawarkan lebih daripada 100 bidang pengajian buat masa ini termasuk bidang-bidang yang popular dan *marketable*. Pihak IPTS juga menawarkan program jangka pendek bagi mereka yang datang untuk sementara iaitu yang Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah mengatakan tadi mengenai dengan *edu-tourism*. Ada yang keluarga datang, ada yang setengahnya datang untuk mengikuti kursus jangka pendek daripada kolej-kolej swasta tadi. Bila kita bercakap mengenai kolej-kolej swasta, pelajar-pelajar asing ini juga ada yang memasuki IPTA iaitu mengikuti Program Pasca Ijazah.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga telah membangkitkan mengenai rasional akta ini di *backdated* daripada segi pelaksanaannya. Jawapan kita ialah kementerian tidak bercadang menguatkuasakan pindaan kepada Akta IPTS ini secara kebelakangan dan rang undang-undang ini juga tidak memperuntukkan sedemikian. Cuma kita hendak jelas sahaja, kemas kini sahaja. Keduanya, peruntukan pengesahan bukanlah suatu peruntukan penguatkuasaan secara kebelakangan, ini tidak ada. Kita hendak buat ini hendak kemas kini sahaja.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga telah membangkitkan mengenai dengan etika berpakaian. Pihak IPTS dalam Perlembagaan masing-masing menggariskan etika berpakaian. Ia ada garis panduan. Macam baru-baru ini saya telah pun menjawab soalan ini misalnya di UIA mengenai etika pakaian iaitu yang mana ia perlu diikuti oleh pelajar. Tetapi kita tidak bolehlah daripada kementerian kita kata, "ini salah" dan sebagainya. Di pusat-pusat tertentu, ia ada garis panduan. Begitu juga macam kata hari ini timbul isu mengenai pakai serban dan jubah. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, serban dengan jubah ini adalah pakaian Arab. Kalau kata pakaian itu pakaian *Islamic* ialah pakaian yang menutup aurat dan bersih. Itu dia.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Secara kebetulan, junjungan kita Nabi Muhamad s.a.w adalah keturunan Arab, maka dia pun berpakaian secara Arablah. Apakah kita di sini macam saya hari ini pakai baju kot, apakah saya tidak Islam? Begitu juga orang yang berpakaian sama ada dia ada serban atau jubahkah,

kalau dia bukan orang yang beriman, dia juga boleh melakukan benda-benda yang tidak elok termasuk maki hamun orang. Tengah pakai serban dan pakai jubah, maki orang. Apakah itu digalakkan dalam Islam? Sepatutnya pakaian itu menghindarkan seseorang itu tidak melakukan sesuatu yang bertentang dengan etika Islam.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin menghilangkan mengantuklah suasana yang hangat ini. Saya cuma hendak meminta penjelasan daripada Kementerian, sudah sekian lama kita merdeka maknanya baru tahun ini dikeluarkan satu pekeliiling melarang kakitangan kerajaan memakai kopiah dan jubah. Jadi ini satu perkara yang kita rasa kurang tepat dalam suasana Malaysia diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam. Lagipun kenapa tidak dikenakan undang-undang ini kepada orang yang beragama Sikh yang memakai serban. Kenapa tidak dikenakan undang-undang ini? Dan kalau kita lihat orang yang berpakaian yang menjolok mata, mana yang lebih memberi kesan sosial daripada orang yang memakai kopiah dan pakaian yang menutup aurat daripada orang yang memakai skirt yang terbelah di sana sini? Saya tidak tahulah apa rasional yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Itu yang saya persoalkan. Apa sebenarnya tujuan diadakan perkara ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara itu. Tidak ada, Yang Berhormat bangkitkan etika berpakaian. Kita sudah ada etika berpakaian dan Yang Berhormat telah bangkitkan juga orang yang pakai skirt belah sana, belah sini. Apakah ini akan menggoncang keimanan orang yang berserban dan berjubah? Pentingnya di sini saya kata bukan soal pakaian, tetapi soal pengisian dada ini dengan segala macam ilmu supaya seseorang hamba Allah itu akan beriman, tidak kiralah sama ada seseorang itu yang non-Muslim atau Muslim. Kalau dia ada ilmu, maka dia beriman untuk tunduk kepada segala hukum-hukum Allah, tidaklah kata mengenakan pakaian tadi – serban dan jubah, maka kita akan terhindar daripada perkara-perkara yang mungkar.

Saya ingin sebutkan di sini, kalau Yang Berhormat pun mengambil daripada juzuk Am'ma, surah Al-Muddats-tsir, ayat satu hingga empat *[Membaca ayat tersebut]* yang bermaksud "Allah S.W.T. menekankan bukan pakai serban, pakai jubah, Allah S.W.T. menekankan soal kebersihan pakaian". Jadi tidak salahlah kalau saya pakai ini jangan hendak kata saya non-Muslim. Sebab itu kita orang Melayu misalnya dah 'come lote dah' kalau kita pakai pakaian Melayu dengan songkoknya, dengan itu juga, tetapi tidak bolehlah kita kata pakai serban, pakai jubah menghindar maksiat. Jadi bagaimana yang non-Muslim? Ini bukan soal pakaian, soalnya macam saya katakan tadi pendidikan kita ialah supaya seseorang itu dapat ilmu pengetahuan yang begitu luas, yang begitu baik, supaya iman dia tidak bergoncang.

Ini saya dok tengok ini, *[Ketawa]* Yang Berhormat ingat atau tidak satu peristiwa saya tidak mahu sebutlah, peristiwa di Pilihan Raya Kecil Anak Bukit. Pakai ketayap bukan main, tetapi benda itu buat kerja juga. *[Ketawa]* Sepatutnya dia tidak buat kerja benda macam itu. Pakai ketayap sepatutnya dia tidak buat benda macam itu, apatah lagi hendak tunjuk "benda" itu kepada anak-anak gadis muda kita. Astaghfirullah, ini tidak boleh.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat hendak tanya saya apa lagi? Kita teruskanlah. Saya di sini tekankan soal ilmu. Ilmu itu untuk semua manusia. Dalam Islam ilmu itu untuk soal kesejagatan (*universal*).

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Bolehkah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan yang kedua kepada saya. Sebenarnya saya keliru apa yang dibuat oleh kerajaan kita hari ini sebab apa yang saya faham dalam falsafah pendidikan kita, bukan masalah percambahan ilmu dan kecemerlangan akademik sahaja yang menjadi tema pendidikan kita tetapi

termasuk juga soal akhlak, soal berpakaian. Jadi bagi saya, sebagai sebuah negara yang ingin melahirkan intelektual yang berwibawa, sepatutnya kita melahirkan juga pelajar-pelajar yang mempunyai kewibawaan diri, yang mempunyai kecemerlangan dari segi peribadi.

Jadi saya kira walaupun pakaian yang dimaksudkan bukanlah pakaian yang memakai serban, tetapi orang yang memakai kopiah saya kira tidak salah. Dan kalau kita katakan orang yang memakai pakaian skirt itu tidak menjadi perkara utama kepada pendidikan, perkara ini saya kira seolah-olah kita gagal melahirkan orang yang beriman dan beramal sebab dalam al-Quran ada menyebut [*membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud: beriman dan beramal. Kalau beriman sahaja dalam dada tetapi tidak beramal, tidak ada erti.

Begitu juga kalau Yang Berhormat mempersoalkan kes yang berlaku di Anak Bukit, saya kira perkara ini masih dalam perbicaraan di mahkamah yang kita sudah tahu pada peringkat awalnya perkara ini telah dibuang kes dan didapati tidak bersalah dan masih dalam peringkat rayuan. Jadi perkara ini saya rasa satu tohmahan yang saya kira tidak tepat dibawa dalam perdebatan berkenaan dengan isu-isu ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Beri laluan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jemput.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebelum saya menjawab, saya beri laluan kepada Yang Berhormat Dato' Haji Arzmi.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak ini perbahasan mengenai pakaian. Soal pakaian ini kecil sahaja. Saya pun biasa pakai jubah, tetapi bukan pi masa kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bererti pakai jubah lagi kacak.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Semasa kerja, kita pakai pakaian kerja. Tengok kita pakai *suit, smart*. Nampak. Saya pun ada banyak jubah, selalu kawan-kawan balik umrah bagi, kita Ketua Bahagian Yang Berhormat, orang banyak mai sedekah pada saya, tetapi jubah saya pakai di rumah. Kalau ke sekolah pakai cara elok, kalau pakai jubah pergi ke sekolah, kalau pakai kopiah, kalau masa hendak mengajar, apa semua, ia terjatuh kopiah, masalah juga.

Jadi saya mencadangkan di sini bahawa pakaian ini pun haruslah mencerminkan pakaian yang menutup aurat. Saya amat bersetuju dengan Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir selaku Setiausaha Parlimen, kalau saya Profesor macam Dato' Mahadzir yang ada janggut, pakai jubah lagi *smart*. Tetapi kita ada *etiquette* pakaian kita, *attire* kita, dengan izin.

Kalau kita pergi kerja atau lepas kerja kita pakai cara yang baik. Soal pakaian menjolok mata, saya biasa menjadi cikgu, saya tidak pernah tengok guru-guru Islam yang memakai pakaian menjolok mata. Menjolok mata ini tengok parasnya - paras bahayakah atau tidak. Saya menampakkan bahawa pakaian yang dipakai oleh guru-guru wanita Islam ini tidak paras bahaya.

Yang paras bahaya, dia nampak kembang besar. Ini paras bahayalah, dengan izin. Jadi hari ini saya tengok eloklah, kalau siapa yang hendak memakai jubah, pakailah. Pergi ke masjid, di rumah boleh pakai, tetapi pergi kerja eloklah bersesuaian cara bekerja. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Abdullah bin Ayub pun pakai *smart suit*, kalau hendak memakai kopiah putih pun boleh, tetapi sesuaikanlah dengan keadaan dalam negara kita. Kalau pergi makan kenduri pun tidak pakai pun tidak apa. Hari ini janganlah mempertikaikan sangat soal pakaian ini. Eloklah mempertikaikan soal akhlak kita, yang baik sesuai dengan kita sebagai orang Islam. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini saya hendak mencelah sedikit, cerita pakaian ini. Begini, di sekolah-sekolah rendah yang berdekatan dengan bandar ada anak-anak orang bukan Melayu. Ada India, Cina, tetapi bila dilihat guru besar sudah mula memakai jubah, memakai ketayap, dia kata sekolah ini sudah bertukar menjadi sekolah agama. Jadi, mereka sekarang ini sudah lari daripada sekolah kebangsaan, di mana kita hendak anak-anak kita duduk sama, belajar sama-sama. Yang penting Islam mengajar kecemerlangan, muhibah antara satu sama lain, menghormati guru, menghormati antara satu sama lain. Ini sudah lari, itu sebabnya kita larang, jangan keterlaluan. Baguslah itu, hendak memakai jubah, seperti yang dikatakan itu, pakai dekat rumah.

**Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid:** Tambah lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jubah ini pakaiannya senang selak. [*Ketawa*] Itu yang suka pakai. Yang itu betul, Tuan Yang di-Pertua, saya setuju. Bila kita hendak membuat apa-apa, senang selak. [*Ketawa*] Oleh sebab itu terjadi perkara-perkara yang menyelak. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya tambah lagi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbincangan mengenai pakaian ini banyak ada. Saya rasa semua dari kita sebenarnya ialah kepada satu sahaja iaitu pakaian yang kita kata, etika sudah ada. Jadi, ini bergantung lagi seperti kata Yang Berhormat Puan Zailah, saya bersetuju. Kita sebenarnya bukan soal pakaian sama ada serbankah ataupun jubah. Yang Berhormat pun sudah setuju dengan saya, asalkan pakaian itu yang berasaskan kepada Islam. Apa dia berasaskan Islam? Ialah yang menutup aurat, tidak kisahlah sama ada berkot bertali leher, kalau setiap institusi ada etika berpakaian, misalnya pegawai kerajaan berpakaian macam mana, kita ikutlah. Di sekolah kita pakai macam mana, kita ikutlah. Dan di situ kita tidak lupa iaitu pakaian yang menutup aurat.

Macam juga pakaian beribadat, kita ada. Misalnya kalau kita di sebelah Asia Tenggara ini sahaja - kalau tidak silap saya - yang memakai telekung bila kita beribadat (bagi orang perempuan). Manakala di negara seperti Pakistan, Bangladesh, mereka memakai baju biasa sahaja, seluar dan tudung dan terus sembahyang.

Begitu juga dengan Arab dengan bajunya, jubahnya dia letakkan kain, dia sembahyang. Kita di sini pula menjadi satu adat bila kita hendak bersembahyang wanita kita memakai telekung. Ini maksud sayalah. Jadi, pakaian itu macam manakah, telekung, serbankah apakah, kita bersesuaian dengan tempat asalkan seperti saya katakan tadi, iaitu menutup aurat.

Begitu juga dengan *non-Muslims*. Mereka pun menutup aurat, begitu juga kita katakan tadi dengan soal pendidikan kita hendakkan ilmu pendidikan itu baik, supaya menjamin keimanan seseorang itu walaupun seseorang yang lain memakai pakaian yang menjolok mata, iman kita tetap teguh. Ya, tetap teguh! Sebab itu saya katakan, kita hendak mengatakan hari ini, saya berterima kasih. Kita tidak adapun peraturan.

Pada hari Jumaat saya lihat wanita yang bukan Melayu ramai yang berpakaian baju kurung, baju kedah. Eh! Demo kalau kita kelik-kelik sekali, demo tu comel belaka, kalau pakai itu! Maaf saya, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada arahan, tetapi ini sudah menjadi kebiasaan. Mereka lihat manis, manis mata memandangi, tetapi orang yang beriman tetap iman yang kukuh. Itu dia dalam Islam. Dan memang pendidikan kita macam kita katakan tadi untuk membina sahsiah seseorang itu, bukan pendidikan untuk semata-mata dia belajar ilmu akademik tetapi tidak membentuk peribadi, itu memang kita tidak izinkan. Secara tidak langsung dia mendidik kita untuk membina sahsiah atau personaliti, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, iaitu sebagai seorang manusia.

Yang *non-Muslims* juga manusia, dia hamba Allah juga, jadi kita jangan lupa. Bukan ini! *This is only, dengan izin, meant for the Muslims.* Tidak boleh! Kita di Malaysia kita harus mengakui, mesti kita akur iaitu warganegara Malaysia adalah berbilang kaum, berbilang agama. Inilah kelebihan negara kita. Jadi, harus kita ingat seperti kata Tuan Yang di-Pertua, iaitu pakaian itu kita bersesuaian dengan semua orang, asalkan prinsipnya menutup aurat. Yang *non-Muslims* pun menutup aurat. Mana yang bukan? Kecualilah kalau dia pergi ke IPTS dia memakai *swimsuit*, ha itu tidak bolehlah!

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato'.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** 1,400 tahun Islam ini berkembang, hari ini kita bercakap tentang pakaian, saya rasa kita beralihlah, kalau kita layan ...

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak mengingatkan saya.

Mengenai dengan Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga membangkitkan penyalahgunaan visa pelajar. Apakah tindakan. Pelajar antarabangsa yang menyalah guna visa pelajar akan dikenakan tindakan oleh Jabatan Imigresen dan juga IPTS yang terlibat boleh ditarik balik kelulusan. Ini sudah kita buat. Kalau IPTS yang juga menggalakkan perkara semacam ini kita tidak teragak-agak untuk menarik balik lesennya, *stop the operation*. Itu kita tidak izinkan.

Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai dengan sistem *rating* tadi, pihak Lembaga Akreditasi Negara telah pun mengendalikan sistem *rating* sekarang di dalam perjalanan sistem, malah baru-baru ini mereka melancarkan senarai-senarai kursus. Bagi pengetahuan Yang Berhormat, ini dia. [Menunjukkan buku senarai-senarai kursus] Kalau Yang Berhormat hendak, sekejap lagi saya boleh berikan kepada Yang Berhormat mengenai dengan senarai kursus pengajian mendapat pengakuan LAN.

Ini dia kita telah membuat senarai kursus ini. Tuan Yang di-Pertua, kita telah senaraikan kursus-kursus ini supaya orang tengok. Begitu juga saya minta nasihatkan anak-anak muda serta ibu bapa yang hendak menghantar anak-anak ke mana-mana IPTS, pastikan IPTS itu mendapat kita punya LAN, iaitu semacam SIRIM, ada pelekatnya tanda lulus, boleh masuk. Kalau tidak ada yang itu tidak usah *register*. Buat apa kita buang masa, buang duit? Itu sahaja.

Mengenai dengan aktiviti yang tidak bermoral, kementerian bekerjasama dengan pihak imigresen akan mengambil tindakan. Tadi telah saya bangkitkan. Begitu juga dengan perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siti Zailah, saya akan mengambil sebagai cadangan-cadangan dan kita akan mengambil perhatian.

Datuk Lau Yin Pin pula telah membangkitkan mengenai dengan kriteria tersendiri untuk membuat penilaian. LAN telah menerbitkan sebuah buku, sekali lagi saya katakan, untuk menyenaraikan kursus-kursus tadi, dan LAN juga akan melantik penilai daripada industri IPTS untuk mengkaji ini semua dan mereka juga bagi *recommendation* kepada LAN ini boleh diteruskan.

Datuk Lau Yin Pin juga telah membangkitkan mengenai dengan bidang kuasa LAN diperluaskan untuk menguasai kurikulum IPTA. Aktiviti kenaikan kualiti ini juga dilakukan di peringkat tinggi, satu bahagian jaminan kualiti Jabatan Pendidikan Tinggi, kita juga menilai, dan keduanya LAN juga akan menentukan pengawalan kursus-kursus tadi. Kalau dia tidak *up to the mark* macam tadi kita katakan, kita minta ianya ditutup. Sebab itu setengah-setengah daripada IPTS yang kita dapati buat masa ini, kadangkala semasa dia buka kursusnya cukup bagus. Kemudian di pertengahan jalan dia tutup kursus itu, kemudian dia membuka kursus baru tanpa pengetahuan kami. Itu yang kami pergi dan tutup juga, mungkin kami tarik lesennya, kalau dia ingkar kepada kita. Kita juga sekejap lagi akan membincangkan Akta LAN tadi itu.

Yang Berhormat Datuk Lau juga membangkitkan mengenai dengan penilaian terhadap kualiti pengendalian sesuatu kursus pengajian di IPTS di Jabatan Pendidikan ataupun di kementerian kita, kita pastikan ini.

Yang Berhormat Datuk juga membangkitkan mengenai dengan kurikulum yang dinamik. Ini juga kita pastikan kurikulum yang dibuat itu betul-betul dinamik dan progresif menurut kesesuaian permintaan.

Kemudian Yang Berhormat Datuk Lau juga membangkitkan mengenai dengan... saya faham Datuk punya *line* ialah dia punya mutu itu, dia punya kualiti dia sentiasa dipertahankan. Saya akur dan saya berterima kasih kepada Datuk Lau Yin Peng yang telah membangkitkan mengenai dengan kursus-kursus yang boleh dinaikkan taraf. Yang ini juga akan dipastikan oleh pihak LAN.

Yang Berhormat Datuk Syed Ali telah membangkitkan mengenai dengan Visa Pelajar juga yang mana telah saya bangkitkan berkali-kali tadi. Saya berharap itu dapat menjawabkan soalan Yang Berhormat Datuk. Yang Berhormat Datuk juga telah bangkitkan mengenai keprihatinan Datuk mengenai Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan.

Ini sekali lagi saya berterima kasih dengan Yang Berhormat Datuk kerana saya tahu Datuk Syed Ali ini dia cukup prihatin mengenai dengan pendidikan malah Tuan Yang di-Pertua, bukanlah hendak mengangkat dia di sini, dia pun mengadakan satu biasiswa pendidikan di Cheras. Saya pun hairan, ini satu perkara yang patut kita beri kepujian yang tinggi kepada Datuk Syed Ali yang begitu....bukan dia cakup sahaja, dia merealisasikan segala impian itu untuk anak-anak muda kita, diberikan. Yang tidak berkemampuan dia sediakan. Begitu juga yang melanjutkan pendidikan.

Sebenarnya Malaysia merancang dan melaksanakan langkah strategik untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan mendapatkan pendidikan tinggi. Ini yang sedang kita lakukan. Tadi telah saya sebutkan kita adakan satu badan promosi dan *insya-Allah* seperti mana kata Yang Berhormat Dato' Ghazi juga kita benar-benar akan melakukan promosi tadi yang mana tadi ada

beberapa Ahli Yang Berhormat Senator yang lain juga telah membangkitkan. Kita memang akan pastikan. Kalau kita hantar rombongan itu ke negara-negara Arab misalnya kita akan pastikan di kalangan mereka yang boleh berbahasa Arab dan *brochuren*ya kita juga akan lakukan dalam bahasa Arab.

Sebab tidak bolehlah orang yang boleh bercakap bahasa Jawa kita pergi hantar ke Arab Saudi untuk bercakap di sana, mampus! Maaf saya. Boleh bercakap dalam bahasa Jawa kepada Arab, mulalah jadi kelaian kabutkan? Ini kita akan pastikan. *Insyallah* Yang Berhormat Datuk, rombongan ini kita pastikan mereka benar-benar orang yang berkemampuan bukan sahaja dia mengetahui bahasa itu, dia mengetahui juga adat resam di tempat itu supaya seperti kata Yang Berhormat Dato' Ghazi kata tadi, *sensitivity* itu kita harus hormati dia. Kadang-kadang apa dia hendak?

Yang Berhormat Dato' juga telah membangkitkan tentang mekanisme tambahan bagi mengukuhkan pengawal seliaan dengan pindaan akta itu. Pindaan ini sebenarnya akan membolehkan pengawal seliaan dibuat ke atas IPTS dijalankan dengan lebih berkesan dan teratur. Itu dia. Macam saya sebutkan tadi kepada Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah tadi ialah kita hendak kemas kinikan, memastikan bahawa peraturan ini dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan teratur.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim juga telah membangkitkan mengenai dengan struktur pentadbiran JPS perlu diperkukuhkan. Di sini saya sambut baik segala kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim. Kita juga sedang menstrukturkan semula JPS yang telah kita bangkitkan tadi mengenai dengan kita dapat kelulusan daripada pihak JPA ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada gangguan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada gangguan bau sedikit. Ada benda yang macam terbakar. Jadi saya harap, pihak Parlimen sila semak kalau ada benda-benda yang merbahaya... [*Ahli-ahli Dewan bangun*] Maka dengan ini saya tangguhkan Dewan ini 10 minit untuk kita menyiasat.. [*Ahli-ahli bangun berjalan keluar Dewan*] Tadi sedikit.

**Mesyuarat dtempohkan pukul 4.28 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pukul 4.38 petang.**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa ambil keputusan berhenti sekejap kerana takut keadaan berpunca daripada elektrik. Kalau dengan elektrik barangkali kita kena bertindak cepat tetapi saya difahamkan bau ini datang daripada *fogging* yang dibuat oleh pihak swasta bagi pihak Kementerian Kesihatan tetapi malangnya barangkali dia tidak sanggup tunggu lama agaknya. Patutnya besok pun boleh buat, kita tidak bersidang, kenapa buat hari ini? Jadi, kita jemput Yang Berhormat Dato' Mahadzir bin Mohd Khir untuk menyambung perbahasan.

**4.39 ptg.**

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf, tadi saya ingat kesilapan saya. Jawapan sampai naik asap. [*Ketawa*] Saya minta maaf kalau Tuan Yang di-Pertua anggapkan jawapan saya telah menimbulkan banyak kekeliruan dan asap.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Asap tidak apa, jangan berapi.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan penstrukturkan semula JPS, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim, kita juga sebagai makluman pada Dewan yang mulia ini, beberapa orang pegawai telah pun kita hantar untuk mengikuti beberapa kursus dengan agensi kerajaan yang lain seperti ILKAP misalnya iaitu Institusi Latihan Kehakiman dan Perundangan dan juga dengan PDRM untuk mengemaskinikan pengetahuan mereka dalam bidang-bidang perundangan sekiranya berlaku tindakan undang-undang ke atas mana-mana IPTS dan juga penuntut-penuntut seberang laut.

Sekali lagi telah dibangkitkan mengenai dengan perkara-perkara yang lain seperti juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai dengan nilai, mutu dan sebagainya sedikit sebanyak saya telah pun jawab. Walau bagaimanapun, segala cadangan, saranan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kassim, kita akan mengambil itu sebagai cadangan.

Mengenai dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob mengenai dasar pembentukan Perlembagaan negara yang telah dibangkitkan tadi, sebenarnya elemen ini telah disalurkan melalui pelaksanaan mata pelajaran wajib iaitu kita adakan Pengajian Malaysia. Juga agama Islam pun kita ada dan Pengajian Moral pun kita ada. Jadi, saya rasa ini tidak akan menimbulkan banyak keraguan seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Datuk Yaakob.

Begitu juga Datuk telah membangkitkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan terdapatnya mata pelajaran di IPTS yang ditawarkan kepada para pelajar tadi tentang keraguan mengenai dengan Sejarah Malaysia. Ingin saya jelaskan di sini juga sebagai pengetahuan kita bersama bahawa sebenarnya kalau sejarah, satu, fakta sejarah itu mesti tepat. Keduanya, interpretasi - ada orang buat interpretasi yang berbeza-beza. Itu biasa berlaku. Tetapi yang kita ragu sekali, yang kita rasa bimbang sekali ialah orang cuba memutarbelitkan fakta. Umpamanya, dengan penubuhan UMNO boleh dikatakan keseluruhan orang Melayu telah bangun bersatu padu dan masa itu tidak ada pun Parti Islam SeMalaysia atau PAS, tidak ada.

Cuma yang saya tahu daripada ilmu pengetahuan sejarah saya pelajari, iaitu awal tahun 1950-an di mana satu pertemuan ulama yang adalah anggota UMNO mengadakan mesyuarat di Muar untuk membincangkan dan akhirnya mereka buat keputusan supaya bidang agama ini jangan dicampur aduk dengan politik. Benarkan orang UMNO ini teruskan dengan politik mereka dan kita sebagai ulama mari kita bincang fasal soal-soal syariah sahaja. Pertama, hendak menyeragamkan undang-undang syariah di seluruh negeri Melayu pada masa itu. Keduanya, tentang soal tengok anak bulan, puasa bila, raya bila. Itu mereka hendak pastikan dahulu supaya menimbulkan keseragaman.

Tetapi ada juga orang mengatakan ayahanda Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita jadi Ketua Pemuda PAS yang pertama, itu salah. Dia orang muda berada dalam bahagian ulama, semasa itu dia orang muda. Kemudian, ayahanda kepada Timbalan Perdana Menteri tadi, Pak Mat Badawi orang panggil adalah Ketua Pemuda UMNO nombor dua. Pertama Ketua Pemuda ialah Allahyarham Tun Hussein Onn, itu Ketua Pemuda UMNO yang pertama. Kedua ialah Dato' Ahmad Badawi tadi, bapa kepada Timbalan Perdana Menteri sekarang, dia Ketua Pemuda UMNO, tak timbullah itu, soalnya siapa pun tidak berebut. Tetapi soalnya mereka bercakap pasal soal Islam, juga soal parti politik.

Cuma ini yang dikatakan peranan British, mengapa British mengizinkan pendaftaran Parti PAS untuk bertanding dalam pilihan raya 1955. Masa itulah pihak British juga dengan *recommendation* Dato' Onn yang sudah keluar daripada UMNO dan menubuh sebuah parti, Parti IMP mulanya, selepas Parti IMP, Parti Negara, selepas itu dia menjadi Menteri Dalam Negeri semasa itu di bawah Kerajaan Kolonial British dan buat *recommendation* supaya Tuan Haji Mohd. Fuad dilantik sebagai Kaunselor di Pulau Pinang.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Minta sedikit laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput ya.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi laluan kepada saya. Disebabkan perkara ini melibatkan fakta sejarah dan memerlukan kepada fakta ilmiah yang jelas, saya cadangkan kepada pihak kerajaan supaya mengadakan perdebatan secara terbuka supaya memberi penjelasan kepada rakyat kedudukan yang sebenarnya sebab saya kira dalam ucapan yang diadakan dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini merupakan satu perkara yang boleh menyebabkan timbulnya salah faham rakyat terhadap perjuangan yang dirintiskan oleh ulama di Malaysia.

Jadi, saya kira kalau betul-betullah, maknanya kita hendak menegakkan kebenaran, saya cadangkan supaya diadakan perdebatan secara terbuka supaya rakyat boleh melihat dengan fakta-fakta yang jelas di mana kedudukan yang sebenarnya. Itu cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Memang cadangan itu, Parti PAS selalu sikit-sikit dia minta debat, dia minta forum, dia minta debat, yang itu sahaja dia seronok. Tetapi sebenarnya fakta ini sudah ditulis dalam buku sejarah. Daripada sekolah yang kita belajar sampai ke peringkat universiti pun yang itu sahaja. Sebab itu saya kata tadi fakta sejarah jangan berubah. Mungkin interpretasi berubah daripada pandangan masing-masing. Kalau macam pandangan Parti PAS sudah dia hendak tunjuk PASlah jadi hero, memang itu tetapi kita di dalam UMNO tidak pernah pun. Kita cakap pasal *fact*. Tak apalah kalau Yang Berhormat kata kita buat perbahasan, perdebatan, itu parti Yang Berhormat bolehlah kalau hendak buat. Tetapi bagi kita, kita kata tak perlulah perdebatan, tak usah kita dok bahaslah. Kadang-kadang bahas ini kita hendak masuk politik kepartian terlalu kuat. Yang inilah yang kita hendak elakkan.

Jadi, saya rasa adalah lebih baik kita nyatakan fakta itu dengan terus. Sekejap lagi mungkin pindaan kepada Akta Arkib Negara mungkin bangkit juga. Jadi, saya katakan fakta itu tetap ada. Bahan-bahan ini disimpan di Arkib dan juga dalam buku sejarah, pergilah baca buku sejarah.

Terima kasih kepada Datuk Yaakob bin Haji Mohammad yang membangkitkan perkara-perkara ini iaitu kita merasakan bukan sahaja anak-anak kita yang belajar di Malaysia mengetahui tentang masyarakatnya, perkembangan masyarakat. Begitu penuntut-penuntut asing kalau dia hendak buat mata pelajaran ini sekurang-kurangnya dia mengetahui negara kita negara yang begitu baik dan boleh dicontohi di negara-negara mereka.

Yang Berhormat Datuk Mahani juga telah membangkitkan perkara bilangan penubuhan IPTS. Buat masa ini pihak KPN amat berhati-hati dalam memproses permohonan untuk menubuhkan IPTS. Hanya mereka yang benar-benar mempunyai kemampuan dan kredibiliti yakni kita akan sahkan dengan LAN terlebih dahulu untuk diberi *recommendation* supaya dapat kelulusan daripada pihak JPS.

Begitu juga mengenai dengan mekanismenya dilakukan, kita rasa hari ini kita perketatkan. Dengan adanya pindaan ini kita akan kemaskinkan lagi.

Yang Berhormat Datuk Dayang Mahani juga membangkitkan mengenai dengan pembayaran gaji kepada kakitangannya. Pihak kementerian tidak masuk campur tangan dalam soal hal-hal berkaitan pembayaran gaji. Walau bagaimanapun, pihak KPN sentiasa akan membantu pihak yang terlibat sekiranya mendapat aduan daripada pihak mereka. Begitu juga dengan pelajar-pelajar, orang dok bercakap sahaja tetapi kalau ada aduan, kita sanggup untuk menjadi orang yang boleh menyelesaikan keadaan itu. Tetapi soalnya ialah ada di kalangan mereka yang pergi belajar, kemudian tiba-tiba mereka menghadapi masalah, mereka balik kepada kementerian membuat tuduhan bahawa kitalah yang bersalah.

Sebenarnya saya minta sekali lagi, pertama, berhati-hati apabila kita mendaftar di IPTS itu hendaklah kita memastikan terlebih dahulu bahawa IPTS itu berdaftar dengan kita. Keduanya, ia ada pengiktirafan daripada LAN.

Yang akhir sekali yang telah dibangkitkan oleh Datuk Mansor mengenai dengan sijil kelayakan ataupun sijil-sijil tadi, memang kita katakan sijil-sijil yang dikeluarkan tadi kita beri pengiktirafan. Kalau ada pengiktirafan kita tetap iktiraf.

Mengenai dengan aplikasi kepada badan-badan kerajaan untuk mendapat apa-apa jawatan, memanglah ia ada kriteria dengan tersendiri. Kalau di sini dipastikan mereka itu dapat kelulusan kepujian Bahasa Malaysia umpamanya, itu tetap dipatuhi. Lainlah bagi pihak swasta yang lain, itu kita tidak dapat kontrol atau mengawal mereka.

Akhir kata, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan saya beri jaminan di sini perkara-perkara yang dicadangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tetap dan sanggup untuk menimbangkannya dan sekiranya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mempunyai pandangan yang saya rasa boleh membina membantu pihak kita, kita tetap akan menerimanya dengan hati yang terbuka.

Sekali lagi saya percaya segala apa yang telah saya jawab tadi telah menjawab semua soalan dan bagi yang saya tidak berkesempatan menjawab perkara-perkara yang lain, saya kira itu sebagai cadangan.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan yang telah menjawab secara terperinci dan menyeluruh sebentar tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA AKREDITASI NEGARA (PINDAAN) 2003**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**4.58 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dan mengadakan peruntukan bagi fungsinya berhubung dengan pengawalseliaan kualiti di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, tujuan rang undang-undang ini dibentangkan adalah untuk meminda dan mengukuhkan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 (Akta 556). Pindaan ini sejajar dengan perkembangan pesat pendidikan tinggi swasta di Malaysia di mana Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) menawarkan pelbagai program pengajian yang memerlukan jaminan, kualiti dan seterusnya memastikan tahap daya persaingan yang tinggi sesuai dengan hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta 556 Lembaga Akreditasi Negara diberi kuasa untuk:

- (i) merumuskan dasar kawalan standard dan kualiti kursus pengajian serta Sijil, Diploma dan Ijazah yang dianugerahkan;
- (ii) menetapkan, mengawasi, mengkaji semula dan menyelia standard dan kualiti kursus pengajian;
- (iii) mengakredit Sijil, Diploma dan Ijazah;
- (iv) menasihati dan membuat syor kepada Menteri berkaitan dengan permohonan untuk mengendalikan kursus pengajian oleh IPTS; dan
- (v) menentukan tahap pencapaian bagi kursus-kursus wajib sebagai prasyarat penganugerahan Sijil, Diploma dan Ijazah.

Semenjak penubuhannya lagi, LAN ditugaskan untuk mengawal standard dan kualiti semua kursus yang ditawarkan oleh IPTS. Pindaan yang dibuat adalah untuk memastikan tidak ada kekeliruan mengenai tujuan ini dengan menentukan semua kursus termasuk program-program kerjasama berkembar dan program profesional dengan institusi pendidikan lain atau badan profesional dalam dan luar negara dapat dinilai bagi menjamin kualitinya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (Pindaan) 2003 mempunyai tiga fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa akta yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui warta.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif "akreditasi", "Diploma", "Ijazah" dan "sijil". Takrif akreditasi dipinda supaya meliputi Sijil, Diploma dan Ijazah yang dianugerahkan oleh mana-mana institusi pendidikan tinggi lain yang bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan IPTS. Takrif "Diploma", "Sijil" dan "Ijazah" dipinda supaya tidak terhad kepada Diploma, Sijil dan Ijazah yang dianugerahkan oleh IPTS sahaja.

Fasal 3 mengandungi peruntukan pengesahan bagi mengesahkan perbuatan yang dilakukan sebelum berkuat kuasanya pindaan yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dibuat kepada Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 adalah selaras dengan cadangan pindaan kepada Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Pindaan ini dapat menjamin kualiti semua jenis kursus yang dikendalikan oleh IPTS demi kepentingan pelajar dan perkembangan pendidikan tinggi negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah binti Omar.

#### **5.01 ptg.**

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** *Assalamualaikum* dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara.

Syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan di atas usaha-usaha untuk memastikan pelajar-pelajar di IPTS memperolehi ilmu pengetahuan, kemahiran serta sijil yang diiktiraf dan mempunyai piawai yang ditetapkan oleh kementerian sendiri. Semua usaha ini amat penting untuk mencapai hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia, *the educational hub of the region*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam senario pertumbuhan IPTS dan IPS yang begitu rancak, saya difahamkan ada usaha daripada pihak kementerian untuk tidak membenarkan sekolah-sekolah agama swasta, ini bukan SAR ya, untuk melaksanakan dua kurikulum sebagaimana yang diamalkan sekarang. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sekolah-sekolah agama swasta kebanyakan melaksanakan dua kurikulum iaitu Kurikulum Pendidikan Kebangsaan dan juga Kurikulum Agama.

Saya ingin bertanya adakah perkara ini benar dan jika benar apakah rasionalnya tindakan ini iaitu tidak membenarkan sekolah-sekolah agama swasta menjalankan dua kurikulum iaitu Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Agama. Bukankah tindakan ini iaitu tidak membenarkan mereka menjalankan dua kurikulum, menidakkan para ibu bapa untuk menghantar dan mendidik anak-anak mereka untuk mendapat ilmu dunia dan akhirat.

Saya juga difahamkan bahawa sekolah-sekolah agama swasta ini juga tidak akan dibenarkan untuk menjadi pusat peperiksaan sama ada untuk UPSR, PMR atau SPM dan pelajar-pelajar sekolah ini juga tidak dibenarkan untuk mendaftar di pusat-pusat peperiksaan yang lain. Saya pohon penjelasan.

Saya juga ingin tahu sekiranya perkara ini dilaksanakan ke atas sekolah agama swasta, adakah peraturan ini juga akan melibatkan sekolah agama rakyat dan sekolah agama kerajaan negeri khususnya untuk Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha memisahkan Kurikulum Agama dan Kurikulum Pendidikan Kebangsaan ini amatlah tidak wajar terutamanya apabila ianya dilaksanakan oleh sekolah swasta yang 100% dibiayai oleh para ibu bapa. Bukankah ini bertentangan dengan hak asasi rakyat dalam kebebasan mendapatkan ilmu untuk dunia dan akhirat. Pemisahan Kurikulum Agama dan Kebangsaan ini menunjukkan Malaysia tetap mengamalkan dasar yang sekular.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang membuktikan Malaysia merupakan sebuah negara yang sekular bukannya negara Islam ialah apabila sebuah akhbar memberitakan bagaimana sebuah sekolah di Pulau Pinang yang biasa mengamalkan doa pagi telah diberi arahan supaya tidak lagi mengamalkan doa itu. Sepatutnya berdoa tidak menjadi satu kesalahan seperti mana yang kita amalkan di Dewan yang mulia ini. Sepatutnya semua warganegara Malaysia memahami Islam sebagai agama rasmi dan doa tidak sepatutnya dihalang termasuk juga doa dalam majlis perhimpunan pagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan kita memantau IPTS melalui Akta JPS dan LAN, apakah pula standard yang digunakan untuk memantau IPTA untuk menjamin mutunya. Apakah kerana tiada suatu piawai atau pengawasan yang menyebabkan Universiti Malaya yang begitu gah dahulunya, kini jatuh ke tangga ke 27 di kalangan universiti-universiti dalam negara ASEAN. Atau mungkinkah ini disebabkan oleh terlalu campur tangan politik dalam pelantikan jawatan di kampus yang menjurus kepada kelesuan dan kelemahan di kalangan para akademia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon tahu bilangan pelajar di Universiti Teknologi Abdul Razak (UNITAR) berbanding dengan pelajar di Universiti Teknologi Abdul Rahman (UTAR). Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

### 5.03 ptg.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang DR.20/2003. Rang undang-undang ini begitu tepat dan sesuai dengan mengambil kira perkembangan institusi-institusi pendidikan tinggi baru di negara khususnya di sektor swasta. Saya ingin merujuk kepada pindaan Seksyen 2A, baris lima hingga lapan yang berbunyi "*Yang dikendalikan oleh sesuatu institusi pendidikan swasta secara bersama atau bergabung, bersekutu atau bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi lain atau badan profesional itu*".

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan akreditasi, izinkanlah saya menyentuh perkara pengiktirafan ijazah-ijazah kolej atau universiti perubatan. Saya mengakui bahawa negara kita memerlukan graduan khususnya doktor-doktor. Pada ketika ini di sektor perkhidmatan awam, kerajaan masih perlu mengambil doktor-doktor kontrak dari luar negara. Oleh yang demikian, saya berasa hairan apabila membaca di dalam surat khabar bahawa Ijazah Perubatan Melaka-Manipal Medical College tidak diberi pengiktirafan terus.

Di dalam satu minggu yang lalu, kita baca di dalam surat khabar bermacam-macam syarat baru diumumkan untuk pengiktirafan kolej tersebut. Mula-mulanya dikatakan bahawa graduan-graduannya hanya disahkan selepas mengambil satu lagi peperiksaan keluar ataupun *exit exam*, dengan izin. Kemudian diberitahu bahawa ini tidak benar tetapi kursus harus dipanjangkan satu tahun lagi. Kenyataan-kenyataan dan penjelasan yang dikeluarkan selanjutnya hanya mengelirukan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat ini tidak wujud atau tidak dikemukakan kepada pihak kolej pada masa pertubuhannya. Kolej Perubatan Melaka-Manipal adalah Institusi Pendidikan Perubatan yang lama dan sudah dikenali sebagai suatu kolej yang bagus, yang baik, dengan mutu yang tinggi. Taraf pendidikannya sudah diketahui oleh ramai penduduk Malaysia sebagai suatu yang boleh dipercayai dan dihormati dan ramai graduan serta doktor dari universiti tersebut termasuk pakar-pakar dalam bidang pembedahan kardiologi, neurologi, *plastic surgery* dan sakit puan menjalankan tugas masing-masing tanpa masalah bukan sahaja di Malaysia tetapi di U.K dan U.S.A.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya bukan dari Universiti Kolej Manipal. [Ketawa] Saya ingin merayu kepada Majlis Perubatan Malaysia, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Malaysia mengkaji semula keputusan yang tidak memberi pengiktirafan

terus kepada Kolej Perubatan Melaka-Manipal yang pada permulaan atau insepunya tidak ada halangan atau masalah begini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap pihak kerajaan dan Lembaga Akreditasi Negara memberi lebih tumpuan untuk memberi pengiktirafan kepada kolej-kolej atau universiti-universiti perubatan negara-negara Komanwel. Selain daripada United Kindgom, Singapura, Australia dan New Zealand adalah masuk dalam kategori ini, universiti-universiti perubatan atau kolej-kolej perubatan di India, Pakistan, Bangladesh dan Sri Lanka.

Universiti lain yang boleh mempertimbangkan ialah Makerere University di Uganda, Kolej Perubatan tertentu di Nigeria, universiti-universiti di South Africa dan juga University of The West Indies (semua negara Komanwel). Ini oleh kerana sistem pengajaran bidang perubatan termasuk *pharmakopea*, sistem rawatan dan cara menghadapi penyakit dan pesakit selaras dengan sistem pendidikan dan perkhidmatan perubatan di Malaysia terutama sekali mereka mengikut sistem pengajaran British dan menggunakan bahasa Inggeris di dalam kursusnya.

Saya rasa kerajaan harus berhati-hati dan berawas memberi pengiktirafan kepada universiti-universiti atau kolej-kolej perubatan di luar Komanwel. Ini bukan sebab ada kekurangan di dalam sistem pendidikan perubatan masing-masing tetapi graduan atau doktor-doktor dari negara-negara bukan Komanwel boleh menghadapi masalah melayan pesakit-pesakit di Malaysia oleh kerana mereka dilatih mengikut cara yang berbeza.

Untuk mencapai tahap satu negara yang penuh membangun, tidak ada ruang untuk kompromi kesihatan rakyat Malaysia. Doktor-doktor dan staf, pembantu perubatan mesti bertaraf tinggi oleh sebab mereka menguruskan kesihatan. Oleh kerana demikian, saya minta pihak Lembaga Akreditasi Negara, Majlis Perubatan Malaysia dan badan-badan terlibat mengiktiraf ijazah-ijazah perubatan dengan berwaspada.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sokongan penuh kepada rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha.

**5.17 ptg.**

**Dato' Mohamad Taha bin Ariffin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana saya juga ingin ikut serta dalam perbahasan mengenai undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Akta Induk atau Akta Ibu baru sahaja diluluskan kira-kira 7 tahun yang lalu, namun pemindaannya perlu kita buat oleh kerana keadaan masa kini. Apa yang saya maksudkan ialah di dalam beberapa negara sahaja, negara kita Malaysia sudah mempunyai satu *reputation* ataupun nama yang baik dalam bidang pengajian tinggi dan dari itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana daya usaha mereka sentiasa untuk memastikan bahawa kita di negara Malaysia ini mempunyai *competitiveness*, dengan izin, dalam bidang pengajian tinggi.

Saya hendak katakan ke mana arah yang hendak kita tuju? Inilah fikir saya, satu *raison d'etre*, dengan izin, pada rang undang-undang yang kita bentangkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, daya saing negara dalam bidang ini perlu diperhebatkan sekarang. Kita sedar bahawa bukan sahaja Malaysia yang mempunyai pengalaman ataupun keilmuan dalam bidang ini tetapi juga beberapa negara ASEAN sudah pun menceburi diri mereka masing-masing dalam bidang ini. Indonesia, Singapura, Thailand, tanpa persiapan yang rapi maka sudah tentulah *competitiveness* kita, dengan izin, akan terjejas.

Di Malaysia, saya difahamkan melalui majalah *Massa* pada keluaran 24 hingga 30 Mei 2003 kita mempunyai kira-kira 800 profesor, sama ada bilangan ini cukup atau tidak, wallahualam kerana kalau diikuti nisbah dia, saya petikkan juga daripada majalah *Massa* ini – di Jepun jumlah pengajar ialah 244,000 orang sementara jumlah penuntut 3.5 juta orang. Jadi nisbahnya 14.2%.

Di Germany, bilangan pengajar 271,000 orang, sementara jumlah penuntut 2.15 juta; jadi nisbahnya ialah 7.91%. Di Australia di mana penduduknya kira-kira sama dengan penduduk kita

lebih kurang dalam lingkungan 20 hingga 25 juta, pengajar 55,648 orang, penuntut 1.041 juta. Jadi nisbahnya adalah 18.71%.

Dengan adanya langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa *competitiveness* kita di Malaysia dalam bidang ini terjamin maka saya rasa rang undang-undang ini patut disokong.

Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula satu perkara iaitu kredibiliti. Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayarajam telah menyebutkan tentang kes sebuah kolej. Kita tidak mahu kredibiliti atau keyakinan *consumers*, *consumers* dalam konteks ini bererti penuntut-penuntut daripada pelbagai negara. Saya tahu di sebuah kolej swasta di sini sahaja bilangan penuntut daripada luar negaranya ialah kira-kira daripada 30 buah negara. Andai kata kredibiliti kita dalam bidang ini terjejas atau nama kita tercemar oleh kerana nisbahnya terlampau tinggi dan kualiti pengajar-pengajarnya juga adalah disyak wasangka oleh pihak-pihak tertentu maka sudah tentulah *competitive edge* Malaysia dalam bidang ini juga akan terjejas.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan adanya langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini, inilah satu-satunya cara kita untuk menentukan bahawa nama Malaysia dalam bidang pengajian tinggi tetap terjamin.

Saya telah menyebut juga tentang *proficiency in English*, dengan izin. Dengan adanya langkah kerajaan untuk memastikan bahawa penuntut-penuntut ataupun *students* kita fasih dalam bahasa Inggeris bukan sahaja dalam bahasa Inggeris tetapi juga dalam bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Sepanyol, bahasa Mandarin. Ini tidak bererti bahawa kita ini kurang patriotik malah dengan adanya pencapaian dalam bidang-bidang ini maka orang-orang kita, orang Malaysia, akan dapat menambahkan ilmu-ilmu mereka dalam pelbagai bidang, dari segi *Philosophy* sampai kepada *Medicine*, sampai kepada bioteknologi dan lain-lain.

Inilah yang kita hendaki. Saya rasa tujuan kementerian untuk memastikan bahawa *competitiveness* dalam *the knowledge society* akan terjamin. Tanpa ini dan kita tidak mahu ini berlaku, saya rasa susah kita hendak mencapai *Vision 2020* kerana orang kita sudah ketinggalan tetapi dalam bidang keilmuan juga kita akan rasa kekehilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tahu masa tidak mengizinkan untuk bercakap lebih panjang, kerana masa pun sudah agak lewat. Saya sekali lagi memberi sokongan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha mereka untuk meningkatkan lagi prestij atau imej institusi pengajian tinggi kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada lagi? Kalau tak ada, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Dato' Mahadzir Khir, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan untuk menjawab dan seterusnya menggulung.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat – Yang Berhormat Puan Ubaidah, Yang Berhormat Dato' Dr. Jayakumar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dr. Vijayakumar.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Dr. V..... maaf saya ya, Vijayakumar dan juga Yang Berhormat Dato' Mohamad Taha Arifin. Sebanyak 3 orang yang mengambil bahagian dan ini ialah kerana saya rasa telah pun saya jawab sebahagian daripadanya semasa saya membentangkan Rang Undang-undang IPTS tadi. Walau bagaimanapun, untuk menjawab beberapa pertanyaan, saya akan cuba di sini dan bagi yang lain itu adalah cadangan dan saya akan terima dengan baik.

Puan Wan Ubaidah telah membangkitkan mengenai dengan Sekolah Agama Swasta yang menggunakan dua kurikulum. Sebenarnya kita kata tanggungjawab LAN. Kita bincang pasal LAN. LAN hanya bertanggungjawab ke atas IPTS sahaja iaitu bagi memastikan kualiti kursus, pengajiannya menepati standard yang telah ditetapkan. Ini kita tidak bincang tentang sekolah agama.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, sekolah agama kita ada beberapa kategori sekolah agama iaitu Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Negeri dan juga Sekolah Agama

Pusat dan sebagainya itu, itu bukan di bidang kawalan IPTS. Maka dia tidak daftar kita tidak ada kena mengena dengan ini. Oleh itu saya rasa ini saya tidak perlu menjawablah dari segi itu.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan juga di sini mengenai dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga mengenai dengan doa tadi. Saya rasa memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa doa adalah untuk semua dan macam kita buat dalam Dewan ini, itu untuk semua pihak. Semua orang berdoa kepada Allah S.W.T. Begitu juga dengan katanya di Universiti Malaya banyak sangat campur tangan politik, saya ingin menafikan perkara ini tidak ada kena-mengena dengan soal politik.

Malah kalau kita hendak ikut soal politik, baru-baru ini pelantikan Naib Canselor daripada Universiti Malaya, beliau berasal dari Kelantan. Patutnya kita tidak ambil kira dia orang Kelantan, dia politik dia dan sebagainya, kita tidak melantik dia sebagai visi. Ini bukan perkiraan kita. Kalau kita dari segi pentadbiran kita hendak menjaminkan seseorang itu memastikan dengan kepimpinannya di sesebuah universiti. Kita juga ada kriteria tertentu maka kita lantik orang yang berkelayakan. Mana yang kata buat tuduhan ini kita ada campur tangan politik dan sebagainya. Saya tidak tahulah, mungkin Kerajaan Kelantan dia tidak fikir benda lain. Dia hanya fikir pasal politik sahaja. Dia hendak menang dalam pilihan raya ini, dia fikir politik siang malam, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak tahu ini orang Terengganu. Macam Terengganu juga, kita sekolah kita, dia bukan fikirkan pasal pendidikan. Bangunan itu dibinakan oleh KEMAS. Dia halau budak-budak keluar. Ini yang tidak betul ini! Cakap pasal Islam tetapi cara tindakan bukan Islam. Jadi, saya minta maaf soal ini.

Sekali lagi saya juga menjawab mengenai dengan soalan Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah yang telah membangkitkan mengenai dengan UNITAR dan UTAR. Pelajar-pelajar di kolej-kolej ini seperti mana di UNITAR, kita mempunyai penuntut seramai 5,287 orang seperti yang terdapat pada 31 Julai dan Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR), kita baru ada seramai 411 orang pada 2002. Saya tidak tahu mengenai angka yang terakhir.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 411? Universiti Tuanku Abdul Rahman, berapa bilangannya?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Oh tidak, di Universiti Tuanku Abdul Rahman, kita belum mendapatkan lagi maklumat. Maafkan saya, kita belum dapat keputusan yang muktamad lagi kerana kita sedang mengumpul maklumat mengenai angka ini. Ini pun saya rasa sedikit masa lagi ia akan beroperasi sepenuhnya.

Saya juga hendak bangkitkan mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam. Mengenai dengan, siapa yang mengiktiraf Sarjana Muda Perubatan di Kolej Perubatan Manipal...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato', saya hendak buat pengumuman sekejap ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hari ini mungkin merupakan hari yang terakhir saya mempengerusikan sidang Dewan ini sebab saya sama dengan Yang Berhormat To' Puan Wan Seri. Sesi akan datang mungkin saya tidak sempat sebab sesi bermula pada bulan November dan saya habis tempoh perkhidmatan pada bulan Oktober.

Oleh itu, saya hendak mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada Perdana Menteri yang telah melantik saya dan juga terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang di-Pertua-Yang di-Pertua juga bekas Yang di-Pertua, Tan Sri Mohamed Yaakob, Tan Sri Michael Chen dan yang baru juga, Tan Sri Dato' Seri Abdul Hamid Pawanteh yang dapat bersama-sama saya menunjuk ajar dalam sama-sama mengendalikan Majlis Mesyuarat Dewan ini.

Begitu juga terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato' Abdullah Wahab, Setiausaha Dewan Negara dan juga para pegawai dan kakitangan Parlimen serta saya terutang budi kepada rakan-rakan saya, Ahli-ahli Senate yang sangat memahami tugas dan tanggungjawab saya di sini yang kadang-kadang tidak dapat memberikan keadilan. Ada yang bangun beberapa kali tetapi tidak dapat bercakap, ada yang bercakap tetapi kena sekat, jadi saya minta maaf.

Begitu juga kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang sentiasa hadir memberikan jawapan dan memberikan kerjasama dalam mengendalikan Mesyuarat ini. Begitu juga kepada pegawai-pegawai kerajaan yang kadang-kadang begitu gigih, sama-sama mencatat dan memberi jawapan untuk membantu kerajaan dan begitu juga kadang-kadang mungkin pada hari ini kita lewat balik, jadi inilah pengorbanan kita.

Akhirnya, ada beberapa madah yang saya hendak ungkapkan di sini. Pertamanya,

*Mutu perbincangan baik berkualiti kata menteri,*

*Bukan masuk bakul angkat sendiri,*

Kata pepatah,

*Tak tumbuh tak melata, tidak sungguh orang tidak kata,*

*Walaupun Senator datang dan pergi,*

*Yang patah kan tumbuh, yang hilang kan berganti.*

Pantun saya,

*Bintang barat terbit petang,*

*Bintang timur terbit pagi,*

*Kalau tidak ada aral melintang,*

*Insya-Allah kita bertemu lagi.*

Kepada rakan-rakan Ahli Senate.

Penutup kata, penghujung bicara, maaf dipinta jika keterlaluhan ataupun tersilap kata. Sekian. *[Tepuk]*

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berikan tepukan sekali lagi. *[Tepuk]* Yang Berhormat, dijemput.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga untuk membalas ucapan Timbalan Yang di-Pertua kita, saya ucap setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kerana beliau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah niat Yang Berhormat berucap bagi pihak semua Ahli Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pihak kementerian sebab saya bukan Ahli Dewan Negara. Jadi, pihak....

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh kerana ini perkara baik, saya ingat bolehlah Yang Berhormat berucap....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yes, saya memang mendapat persetujuan semua Ahli Dewan yang mulia ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada Timbalan Yang di-Pertua yang telah menjalankan tugasnya dengan begitu baik sekali. *[Tepuk]* Izinkan saya menyambung jawapan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam juga membangkitkan mengenai dengan pengiktirafan dari LAN dan juga badan profesional. Di sini ada beberapa perkara yang harus saya nyatakan terlebih dahulu.

Bahawa LAN ialah untuk mengiktiraf kursus-kursus yang hendak dikendalikan oleh sesebuah kolej itu dan juga di sini kita bercakap mengenai dengan sijil, diploma dan ijazah sama ada ijazah itu dikeluarkan oleh kolej yang berkenaan ataupun rancangan berkembar. Perkara itu LAN akan membuat *recommendation* kepada pihak JPS.

Seperkara lagi ialah badan-badan profesional yang memberi pengiktirafan kepada ijazah-ijazah yang bersifat profesional. Umpamanya seperti bidang undang-undang katanya, yang mana ada daripada kalangan kita yang mendapat Ijazah Perundangan daripada luar negara. Bila dia balik ke sini, dia terpaksa mengambil Peperiksaan CLP misalnya dan ini sebagai pengiktirafan sama ada dia boleh praktis atau tidak di negara ini.

Begitu juga dengan perubatan, sesiapa sahaja, MMC akan menentukan pengiktirafan ijazah itu. Begitu juga bagi mereka yang hendak menjawat jawatan di dalam perkhidmatan awam termasuk doktor tadi ataupun dalam bidang lain, pengiktirafan ini juga dilakukan oleh JPA di mana universiti-universiti tertentu sahaja diberi pengiktirafan. Yang ini saya harus sediakan dahulu.

Mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu mengenai dengan Sarjana Muda, pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda Perubatan adalah di bawah bidang kuasa MMC. Pihak MMC telah menetapkan kriteria dan standard dalam menilai kursus pengajian. Sebarang pengiktirafan oleh pihak MMC akan diikuti oleh LAN. Kita dengar cakap mereka dan ini juga kita bekerjasama dengan pihak MMC.

Bagi Ijazah Sarjana Muda Perubatan Kolej Perubatan Manipal, kriteria dan standard dalam penawaran kursus-kursus ini adalah tidak memenuhi syarat yang ditetapkan tadi.

Itu yang telah dibangkitkan baru-baru ini, sedikit sebanyak telah menimbulkan kontroversi. Walau bagaimanapun, saya tetap menyatakan di sini LAN menerima pakai penilaian dan pengiktirafan oleh MMC. Jadi, tidak timbul di sini, kata Yang Berhormat tadi kita tidak mahu mengiktiraf Kolej Perubatan Manipal ataupun bidang kedokteran yang disampaikan oleh universiti di India tadi, itu tidak, bukan timbul soal itu. Soalnya dia hendak praktis di sini dan ini di bawah pengawalan MMC.

Jadi, saya berharap perkara ini saya sudah nyatakan terlebih dahulu telah dapat diselesaikan dengan baik oleh semua pihak. Memang kita perlukan doktor dan saya telah katakan dengan adanya pengiktirafan ini dan sebagainya, tanpa mengira kaum apa, sama ada orang Melayu, India, Cina dan sebagainya, asalkan perkhidmatan mereka kita perlu dan pengiktirafan juga kita perlu supaya ini dapat menjamin kualiti seseorang penuntut perubatan.

Saya rasa Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju dalam hal ini. Kemudian perkara yang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau saya setuju atau tidak setuju pun, saya tidak berhak untuk bersuara di sini. [Ketawa]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya faham, Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua juga dalam bidang profesion kedokteran, sudah tentu Tuan Yang di-Pertua faham maksud saya tadi.

Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin juga telah membangkitkan mengenai kedudukan fungsi LAN. LAN ditubuhkan untuk menjaga kualiti kursus pengajian – itu kita mesti pastikan terlebih dahulu. Dalam hal ini LAN akan menggunakan model-model badan kualiti – kualiti, macam saya katakan tadi, MMCKah, CLPKah, bidang itu. Dan daripada luar negara sebagai *benchmark*, umpamanya seperti, New Zealand Quality Accreditation, atau QAA – Australia, Britain dan sebagainya, kita gunakan model mereka. Dalam masa yang sama kita dapat mengaplikasikan model-model tadi kepada kursus-kursus yang ditawarkan oleh kolej-kolej swasta tadi.

Perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin juga, saya percaya Yang Berhormat bersama dengan kita mengenai dengan kedudukan negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Saya sekali lagi berterima kasih kepada Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin yang banyak pengalaman dalam bidang ini dan juga pernah menjawat jawatan tertinggi di negeri Sarawak.

Saya kira kita, kalau dibandingkan dengan masa yang lampau, hari ini kita memang mencapai tahap yang tinggi. Walau bagaimanapun, kita di Kementerian Pendidikan masih tidak berpuas hati, tidak berpuas hati lagi, sebab kita rasa kita perlu satu masa nanti, macam Yang Berhormat Datuk Ghazi telah menyatakan kepada kita tengah hari tadi, bahawa kalau kita sebut sahaja Britain, sebut sahaja Oxford, Cambridge, Imperial College atau kalau di Amerika, kita sebut sahaja Harvard, Yale, Chicago, Stanford dan sebagainya, kita pasti ada semacam itu. Itu kita punya objektif. Ataupun kita sebut di Cairo – Universiti Cairo, Al-Azhar, itu *benchmark* kita - macam Universiti Tokyo umpamanya, jadi ini harus kita jaga.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini, iaitu kita juga mahu menjadikan IPTS kita serta juga IPTA, kita tidak lupa, akan memastikan kualiti tadi terjamin. Sebab itu dari segi *ratio* pensyarah dengan *students*, ini juga kita perlu pastikan, khususnya bagi kursus perubatan, farmasi, *engineering* dan juga kursus-kursus yang kritikal tadi, kita akan pastikan *ratio* antara pensyarah dan *students* itu dapat dipertahankan. Yang lain mungkin kita boleh ada secara yang besar dan sebagainya. Tetapi saya berharap dalam hal ini memerlukan latihan kepada pensyarah-pensyarah tadi.

Begitu juga dengan pensyarah-pensyarah tadi, di IPTA sahaja, yang mana kita lakukan perkara ini daripada Pensyarah kepada Profesor Madya dan kepada Profesor, ini juga kita perlukan kualiti. Sebab itu bukan sembarangan di universiti - banyak orang kata sembarangan sahaja kita naikkan pangkat, tidak ada. Ia juga ada kriteria-kriteria tertentu untuk dinaikkan ke taraf Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan juga Profesor – bukan mudah, itu yang kita tetapkan.

Akhir kata, Yang Berhormat Dato telah membangkitkan mengenai dengan pelbagai bahasa, di sini saya ucapkan terima kasih kerana mengingatkan perkara ini. Jadi, di universiti ataupun IPTA kita juga sudah mengadakan, malah di Fakulti Bahasa, yang mengendalikan bahasa-bahasa tadi, dan menggalak penuntut-penuntut tadi mengambil sebagai *elective* kalau mereka bukan buat *major*, supaya mereka mahir dalam pelbagai bahasa. Misalnya, macam baru-baru ini, UMS, kalau tidak silap saya kerana saya sendiri menyaksikan itu, mengadakan hubungan dengan sebuah universiti tertua di Spain untuk mewujudkan fakulti bahasa Sepanyol kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah membangkitkan untuk membuat hubungan yang rapat dengan Amerika Latin. Oleh itu bahasa Sepanyol tadi perlu. Begitu juga bahasa Jepun, kita tidak menghadapi banyak masalah sebab kita ada banyak universiti yang ada *center* bahasa Jepun, termasuk di universiti-kolej pun kita adakan.

Kita juga hendak menggalakkan IPTS tadi, kalau dapat mengadakan kursus-kursus bahasa tadi. Kita hendak pastikan bahawa pelbagai bahasa dan juga penuntut kita terutama sekali sekurang-kurangnya mereka adalah *bilingual*. Ini ialah kerana sekarang adalah abad kedua puluh satu, yang mana kita perlu menyahut seruan Yang Berhormat Dato tadi dalam soal *competitiveness* dan *credibility*.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap soalan-soalan tadi terjawab, dan yang mana cadangan tadi saya ambilnya sebagai pandangan yang cukup bernas. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENDAFTARAN KAPAL LAYAR ANTARABANGSA LANGKAWI 2003**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.45 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]:**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat di atas pelantikan Yang Berhormat sebagai Yang di-Pertua Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan berbilang-bilang terima kasih dan penghargaan dan mengucapkan selamat bersara kepada Timbalan Yang di-Pertua yang akan bersara pada bulan Oktober ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan satu pejabat pendaftaran antarabangsa di Langkawi untuk kapal layar dan entiti kapal layar termasuk pentadbirannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang yang bernama Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 bagi bacaan kali yang kedua. Rang undang-undang ini bertujuan bagi membolehkan penubuhan pusat pendaftaran kapal layar antarabangsa dan entiti-entiti kapal layar di Pulau Langkawi serta membolehkan pusat pendaftaran kapal layar tersebut dilaksanakan.

Industri kapal layar (*yacht*) adalah satu industri yang baru berkembang di negara ini jika dibandingkan dengan pusat-pusat aktiviti *yachting*, dengan izin, yang terkemuka di dunia seperti di Mediterranean, di Kepulauan Caribbean dan Florida, Amerika Syarikat. Walaupun begitu Malaysia juga adalah sesuai dan mempunyai kedudukan yang strategik untuk dijadikan sebagai pusat aktiviti *yachting* ini yang menarik dan setanding dengan pusat-pusat aktiviti *yachting* yang lain. Ini adalah berdasarkan bahawa Malaysia mempunyai pulau-pulau dan keindahan semula jadi serta tempat-tempat yang mampu menarik pemilik-pemilik kapal layar untuk datang mengunjunginya.

Bagi memajukan industri ini kerajaan telah meluluskan pembinaan infrastruktur di mana 21 buah lokasi infrastruktur marina di 21 buah lokasi yang menarik kunjungan kapal layar dari seluruh dunia untuk berlabuh di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pusat *yachting* yang indah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini di dalam Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM149.3 juta telah diperuntukkan untuk membina 21 buah marina. Satu daripada projek-projek marina yang disebutkan itu telah pun siap dibina di Pulau Uban, Pulau Pinang pada bulan Januari 2003, sementara yang lain masih dalam peringkat pelaksanaan. Sementara itu negara mempunyai lapan buah marina yang dimiliki oleh pihak swasta.

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat aktiviti *yachting* yang unggul, adalah dicadangkan supaya ditubuhkan satu pusat pendaftaran kapal layar dan entiti-entiti kapal layar yang unik dan mempunyai sistem pendaftaran yang eksklusif. Insentif-insentif fiskal dan perniagaan tertentu akan diwujudkan bagi menarik perhatian pemilik-pemilik kapal layar untuk memilih mendaftarkan kapal layar mereka di Malaysia.

Penubuhan pusat pendaftaran kapal layar dengan persekitaran menarik yang diwujudkan bersama-sama sistem ini bukan sahaja akan mampu menarik pemilik-pemilik kapal layar tempatan dan asing yang mana akan menyumbang kepada pembangunan industri itu di negara ini, malah akan turut menyumbang kepada kemajuan industri pelancongan di negara. Di samping itu, faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan oleh Malaysia secara keseluruhannya adalah sangat besar memandangkan *yachting* ataupun aktiviti kapal layar merupakan satu industri yang berkembang dengan pesat pada masa ini.

Secara asasnya semakin meningkat dan berkembangnya komuniti *yachting* antarabangsa, Malaysia akan turut mendapat faedah di dalam pertambahan bilangan kapal layar yang akan berdaftar di Malaysia dan pelawat-pelawat asing yang akan datang berkunjung ke negara ini. Dengan penawaran yang inovatif melalui insentif-insentif fiskal dan perniagaan serta

kemudahan-kemudahan tertentu, Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa yang akan diadakan di Langkawi ini akan dapat menandingi pusat-pusat pendaftar lain di luar negara dan mampu memperolehi kelebihan dalam bersaing di pasaran antarabangsa melalui keunikan sistem pendaftaran yang dicadangkan itu.

Berdasarkan sistem yang unik dan eksklusif ini, ianya dijangka akan menjadikan Malaysia memainkan peranan utama di dalam aktiviti *yachting* ini tadi ataupun aktiviti kapal layar di rantau ini, kerana belum lagi terdapat pusat pendaftaran kapal layar yang setanding dengan pusat-pusat *yachting* di Kepulauan Caribbean dan sebagainya. Ini membolehkan Malaysia menarik sebahagian besar aktiviti kapal layar ini tadi dari negara-negara lain dan memberi kelebihan yang ketara dalam pasaran dunia *yachting* yang pada masa ini dianggarkan bernilai USD1 bilion bagi industri kapal layar jenis mega sahaja. Nilai perniagaan ini belum mengambil kira nilai perniagaan pasaran kapal layar jenis biasa.

Sistem pendaftaran yang dicadangkan untuk diwujudkan ini, yang akan turut melibatkan pendaftaran entiti-entiti kapal layar, akan menarik dan menggalakkan pelaburan di dalam industri ini. Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi kelak akan menjadi satu pusat bagi semua aktiviti-aktiviti *yachting* di Malaysia.

Secara amnya, Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 diwujudkan bagi membolehkan pelaksanaan Pusat Pendaftaran Kapal Layar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Rang Undang-undang ini mempunyai tujuh bahagian yang dipecahkan kepada 62 seksyen. Bahagian-bahagiannya adalah:

Bahagian I – Permulaan. Bahagian ini memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk menetapkan tarikh mula berkuat kuasa akta yang tersebut iaitu Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 melalui Pemberitahuan di dalam Warta.

Ianya juga memberikan tafsiran-tafsiran kepada perkara berkaitan termasuk yang berkaitan dengan kapal layar. Turut dirangkumi di bawah bahagian ini ialah kuasa Ketua Pengarah Jabatan Laut untuk melantik, mewakili perjalanan mana-mana kuasa dan memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa pengukuran, penyukatan dan pemeriksaan kapal layar di bawah akta ini.

Bahagian II - Penubuhan Pentadbiran dan Pengendalian Pejabat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi. Bahagian ini memperuntukkan mengenai penubuhan sebuah pendaftaran antarabangsa yang eksklusif di Langkawi bagi kapal layar dan entiti kapal layar. Bahagian ini juga menetapkan Langkawi dijadikan sebagai pelabuhan pendaftaran, dengan izin, *port of registry* untuk kapal layar ini.

Bahagian III - Pendaftaran Kapal Layar dan Entiti Kapal Layar. Bahagian ini dipecahkan kepada tujuh bahagian kecil iaitu daftar, pendaftaran kapal layar, kehendak awal bagi pendaftaran kapal layar, pendaftaran entiti kapal layar, pendaftaran kapal layar yang di *charter* sebagai kapal kosong dan juga kepentingan ketuanpunyaan mengenai kapal layar dan kenegaraan kapal layar.

Keseluruhannya, bahagian ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan syarat serta tatacara pendaftaran kapal layar dan entiti-entiti kapal layar, kepentingan pemilik, gadai janji dan kenegaraan kapal layar.

Klausu 8 menetapkan syarat-syarat bagi sesuatu kapal layar untuk didaftarkan, sekiranya kapal layar berkenaan dimiliki oleh rakyat Malaysia atau entiti kapal layar yang didaftarkan di bawah Akta ini, manakala Klausu 15 memberi kuasa kepada Menteri untuk melarang permohonan pendaftaran kapal layar.

Klausu 16 memberi kuasa kepada pihak Ketua Pengarah untuk menolak permohonan pendaftaran kapal layar sekiranya didapati permohonan tersebut adalah prejudis terhadap kepentingan negara.

Klausu 17 juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah menamatkan pendaftaran sesuatu kapal layar, menamatkan pendaftaran sesuatu kapal layar sekiranya didapati melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan dan juga sekiranya ianya digunakan bagi tujuan melakukan kegiatan jenayah.

Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat pemeriksaan ke atas kapal layar bagi memastikan pematuhan peraturan-peraturan keselamatan. Sesungguhnya sesebuah kapal layar tidak akan didaftarkan sekiranya ianya tidak mematuhi tahap-tahap keselamatan yang ditetapkan.

Klausa 21 sehingga 24 memperuntukkan tatacara pendaftaran entiti kapal layar.

Klausa 34 sehingga 40 menyediakan peruntukan-peruntukan berkaitan gadaian kapal layar yang melindungi kepentingan pihak yang memberi pinjaman.

Bahagian IV - Anak Kapal Bagi Kapal Layar, ataupun *crew members*, dengan izin. Bahagian ini dipecahkan kepada empat bahagian kecil iaitu:

- (a) latihan, persijilan dan kelayakan nakhoda dan anak kapal dan keanggotaan kapal layar;
- (b) syarat-syarat perkhidmatan;
- (c) dokumen dan penyata;
- (d) bantuan dan penghantaran balik.

Keseluruhannya bahagian ini mengandungi peruntukan mengenai latihan persijilan dan penentuan kelayakan bagi nakhoda dan anak kapal, serta keanggotaan yang diperlukan bagi mengendali kapal layar yang didaftarkan.

Klausa 47 memperuntukkan satu perjanjian antara anak kapal dan pemilik kapal layar bagi melindungi kepentingan dan kebajikan anak kapal.

Klausa 48 menentukan bahawa pemilik kapal layar Langkawi dan nakhoda yang berkenaan mempunyai obligasi untuk menentukan kapal layar adalah *seaworthy*, dengan izin, iaitu mempunyai kelayakan untuk belayar sebagai kapal layar.

Bahagian ini juga menetapkan hal ehwal kebajikan anak-anak kapal, tatacara pengambilan dan penghantaran pulang anak kapal, dokumen serta penyata.

Bahagian V - Pemindahan Fungsi. Bahagian ini mengandungi peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah memindahkan fungsi kepada mana-mana orang untuk melaksana dan mengendalikan Pejabat Pendaftaran melalui pemberian lesen lengkap dengan syarat-syarat. Walau bagaimanapun setiap pemindahan fungsi peruntukan perlulah mendapatkan persetujuan Menteri Pengangkutan terlebih dahulu. Bahagian ini juga memberi kuasa kepada Menteri Pengangkutan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan caj, *fee* atau *levi* terhadap kekompetenan ataupun kelayakan seseorang pekerja dan pemeriksaan di antara lainnya.

Bahagian VI – Penyiasatan. Bahagian ini mengandungi peruntukan seperti di Seksyen 59, yang membolehkan pegawai yang ditauliahkan, menjalankan siasatan bagi sebarang pelanggaran peruntukan di bawah akta ini.

Bahagian VII – Pelbagai. Bahagian ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan yang perlu bagi melaksanakan peruntukan akta seperti di Seksyen 60. Bahagian ini juga memperuntukkan keperluan perlindungan insurans terhadap risiko kerugian dan kerosakan kepada pihak yang ketiga. Turut terkandung dalam bahagian ini ialah kuasa Ketua Pengarah untuk membatalkan pendaftaran kapal layar dan entiti kapal layar tertakluk kepada pelanggaran mana-mana peruntukan akta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah saya sebutkan ini adalah perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Saya ingin turut memaklumkan bahawa akta ini akan melibatkan perbelanjaan bagi maksud pewujudan sistem pentadbiran yang diperlukan. Walau bagaimana pun, kos sebenar yang terlibat belum dapat ditentukan pada masa ini. Namun demikian, kos yang akan terbabit adalah minimum dan akan jauh melebihi oleh kebaikan yang akan diperolehi daripada pelaksanaan akta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Rabia binti Dato' Kosai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu Pejabat Pendaftaran Antarabangsa di Langkawi untuk kapal layar dan entiti kapal layar termasuk pentadbiran dan pengendaliannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin

**6.00 ptg.**

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini untuk mengucapkan sebanyak-banyak tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun dilantik sebagai Tuan Yang di-Pertua dan mengambil angkat sumpah semalam yang saya tidak dapat hadir, minta maaf. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Haji Gapar bin Gurrohu, Timbalan Yang di-Pertua, yang akan bersara tidak lama lagi dan kepada rakan-rakan yang juga akan bersara seperti sahabat saya Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli dan ramai lagi. Untuk diri saya juga yang akan habis tempoh mungkin dua minggu daripada sekarang, insya-Allah, jadi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang ada dalam Dewan ini.

Bagi membahaskan rang undang-undang ini, saya ingin mengucapkan ribuan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun menggariskan dan memberi bermacam-macam maklumat kepada kita tentang rang undang-undang yang di namakan suatu Akta Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang sebenarnya memang begitu peka kepada bukan hanya masalah kapal layar tetapi semua yang ada dalam hari ini, termasuklah kapal layar. Sepatutnya Rang Undang-undang Kapal Layar ini, sudah lama semenjak kita merdeka lagi apabila parti yang memerintah negara dengan menggunakan simbol kapal layar lagi, daripada dahulu lagi telah nampak bahawa kerajaan ini adalah satu kerajaan yang memang peka kepada semua segi, termasuklah kapal layar.

Saya mengucapkan tahniah kerana kerajaan melalui undang-undang ini, insya-Allah, saya rasa kita akan menambahkan lagi dari segi industri *tourism*, industri membaiki kapal dan bermacam-macam lagi. Cuma, pandangan saya daripada segi infrastruktur yang ada bagi membangunkan marina dalam negara kita. Saya nampak seolah-olah tidak ada perancangan yang belum lagi digariskan, yang begitu canggih seperti apa yang kita hendak perkatakan hari ini, pejabat pendaftaran yang eksklusif yang ada di Langkawi.

Kalau kita lihat marina-marina yang ada di dalam negara kita, di Langkawi mungkin, alhamdulillah cantik, di Pulau Uban, Pulau Pinang juga cantik tetapi yang lain *facilitiesnya* tidak cukup banyak tempat di marina-marina yang ada dalam negara kita ini, *facilities* hendak membaiki kapal tidak cukup, hendak mencuci kapal layar juga tidak cukup. Kadang-kadang kelab di mana apabila mereka singgah hendak makan-minum di situ juga tidak cukup makanannya, dari segi F&Bnya. Jadi di sinilah peluang di mana kita boleh mengajar atau mengadakan satu sekolah bagi kita adakan *training* untuk kita menambahkan lagi mereka yang boleh bekerja dalam industri ini.

Sebab itu saya ingin mengucapkan tahniah, kerana dengan adanya ini, saya merasakan komuniti yang tinggi ini bukan hanya tertumpu kepada negara kita tetapi orang luar juga akan datang ke sini kerana apabila kita dapat meningkatkan dari segi *servicenya*. Itulah saya minta kalau boleh kerajaan dengan secepat mungkin menubuhkan *the training center* untuk menghasilkan mereka, bukan hanya boleh menjadi *crewnya* tetapi dari segi *servicenya* juga untuk kita dapat melihat bahawa penilaian daripada *marina service* yang kita berikan nanti lebih daripada apa yang ada di negara-negara lain.

Sebab itu saya memikirkan tentang satu seksyen dalam ini - Seksyen 46 - yang mengatakan seolah-olah *crew members* mestilah daripada mereka yang mempunyai sijil tetapi di sini tidak melambangkan seolah-olah *training center* yang kita adakan ini adalah satu *training center* yang boleh mengeluarkan sijil-sijil yang boleh dibanggakan ataupun yang boleh dilihat dari segi *internationalnya*, standardnya begitu tinggi sekali. Saya takut bila kita sebut orang yang mempunyai sijil hendaklah diambil kerja sebagai nakhoda dan anak kapal, ini bermakna sijilnya boleh datang dari *training centers* negara lain, bukan daripada negara kita. Jadi saya hendak tengok dari segi peratusannya, mungkinkah pengguna-pengguna kapal layar yang mendaftarkan kapal-kapal mereka di sini mesti mengambil *crew members*, peratusannya daripada kelulusan *training centers* dalam negara kita dan sebagainya, sebagai contohnya. Kalau tidak kita hanya

membuka *facilities* ini kepada orang luar tetapi sijil-sijil atau nakhoda-nakhodanya nanti datangnya daripada mereka yang lulus daripada luar negara, tidak ada langsung yang daripada kita punya *training centers* nanti.

Sebab itu saya mahu kalau boleh kerajaan mengkaji ini sedalam-dalamnya supaya ini juga menjadi salah satu dari segi *education centers* melihat bukan hanya dari segi kapal layar tetapi juga menjadi arkitek marin, daripada kursus *Marine Architecture*, melihat daripada bagaimana *design engineers* untuk melahirkan mereka yang boleh membangunkan industri kapal layar ini dan lain-lain, macam-macam dari segi jentera-jentera untuk mengeluarkan jentera-jentera yang hebat untuk membangunkan industri kapal layar ini.

Dari segi *board of registering* ini, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bila seseorang yang berdaftar nanti di sini tidak payah mendaftarkan kapalnya di tempat lain? Saya takut kadang-kadang kalau kita tidak lagi masuk dari segi *strategic alliances* dengan *ports* lain, kita takut kapal kita tidak akan diambil kira sebagai satu kapal yang telah pun dikira sebagai layak untuk berlabuh di *ports* lain dalam dunia hari ini.

Satu lagi yang saya hendak tanyakan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah apabila kita sebut *yachting* ini, *what is the minimum size of the boat* ataupun apakah saiz minimum bot yang mesti didaftarkan? *Yachting* ini ada yang *30-footer yacht*, ada yang *40-footer*. Jadi *yacht* yang mana, yang saiz minimum yang harus didaftarkan? Adakah *leisure boats* juga dianggap sebagai kapal layar? Itulah yang saya hendak persoalkan pada petang ini.

Oleh kerana kita juga memerlukan banyak masa hendak menyudahkan beberapa rang undang-undang, saya tidak mahu bercakap panjang lagi. Cuma saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang mampu untuk menggariskan satu rang undang-undang ini yang saya percaya boleh menambahkan lagi industri *tourism*, industri pembaikan kapal, *training centers* dan bermacam-macam lagi kemudahan yang akan dapat kita wujudkan melalui rang undang-undang ini.

Jadi saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih dan saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Hajah Dayang Mahani.

#### 6.09 ptg.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ambil kesempatan ini untuk merakamkan tahniah kepada kementerian kerana berjaya untuk mengemukakan satu rang undang-undang yang bertujuan untuk mendaftar Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu ketika dahulu kapal layar telah dijadikan sistem pengangkutan yang utama dan kebanyakan penemuan-penemuan kawasan baru pada zaman silam terhasil daripada pelayaran-pelayaran yang telah dilakukan oleh tokoh-tokoh penting dalam dunia pelayaran seperti yang dibuat oleh Christopher Columbus, Vasco Da Gama dan ramai lagi sehingga perkembangan bumi Melaka masyhur akibat daripada aktiviti-aktiviti pelayaran.

Pada zaman ini, kapal layar tidak lagi digunakan sebagai kenderaan biasa untuk ke sesuatu destinasi penting tetapi telah ditukar konsep kepada kenderaan kegunaan eksklusif dan elit yang digunakan oleh golongan-golongan tertentu sahaja. Malah semakin banyak anggota masyarakat dan generasi biasa tempatan yang cenderung menjadikan pelayaran sebagai hobi dalam memiliki bot dan kapal layar yang serba moden dan canggih untuk tujuan rekreasi dan riadah bersama-sama dengan keluarga serta sahabat handai menyusur gelombang dengan bantuan angin, meredah lautan yang bergelora.

Tuan Yang di-Pertua, kini hampir di setiap pelabuhan dan pangkalan laut dalam negeri serta pulau-pulau tempatan mempunyai kelab-kelab pelayaran dengan bot serta perahu-perahu layar yang moden dan mewah terletak di tempat dan pangkalan khas yang dibangunkan. Mereka yang berani dan sanggup belayar merentasi selat dan benua mengelilingi dunia juga mula memberangsangkan sebagaimana yang dicatatkan oleh pelayar solo negara, Dato' Azhar Mansor serta penjelajahan yang dibuat oleh Sultan Selangor, Sultan Idris Shah beberapa tahun yang lalu. Oleh sebab aktiviti ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi sama ada untuk memiliki bot ataupun kapal layar serta alat kelengkapannya mahu pun yuran keahlian kelab serta bayaran berlabuh

tempatn sesebuah bot ataupun kapal layar, hanya golongan elit mampu menceburi hobi ini. Walaupun semakin banyak kelab pelayaran seperti Kelab Kapal Layar Pulau Pinang, Kelab Pelayaran Port Dickson, Johor, Langkawi dan Lumut menyusuli mengiringi kelab utama yang terbesar di negara kita iaitu Kelab Layar Diraja Selangor (RSYC) menyebabkannya masih kekal dikuasai oleh golongan elit dan kaya.

Namun begitu, setidak-tidaknya telah nampak kecenderungan baru warga Malaysia untuk paling tidak menyaingi apa-apa jua yang telah diterokai dan diceburi oleh bangsa asing terutamanya orang Barat yang menjadikan pelayaran sebagai menu dan riadah hujung minggu mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Langkawi adalah kawasan yang sememangnya sesuai untuk aktiviti pelayaran terutamanya bagi kapal-kapal layar antarabangsa. Oleh itu, hasrat kerajaan bagi menubuhkan pejabat pendaftaran bagi kapal-kapal layar antarabangsa di Langkawi amat bertepatan sekali disebabkan sekarang ini Langkawi sentiasa dikunjungi oleh pencinta aktiviti pelayaran dari dalam dan luar negara. Secara tidak langsung, ia boleh dijadikan sebagai salah satu daya tarikan pelancongan ke Langkawi yang sememangnya telah dimasukkan sebagai destinasi pelancongan utama negara kita.

Di samping itu perkara ini turut memberi gambaran bahawa Malaysia juga berkeupayaan menjadi pusat pertemuan untuk penggiat-penggiat aktiviti pelayaran dari seluruh dunia. Keadaan ini juga boleh membantu Malaysia menerokai industri baru yang berpotensi menyumbang kepada ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan memperkenalkan Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003 sememangnya wajar terutamanya sebagai langkah memantau terhadap kehadiran lebih banyak kapal layar yang tertumpu di Langkawi. Walaupun dengan kehadiran kapal-kapal layar antarabangsa ini boleh memberikan peluang lumayan kepada industri pelayaran negara, tetapi ianya juga perlu dikawal selia dengan sebaik mungkin supaya tidak akan timbul masalah yang rumit di belakang hari nanti.

Di sebalik keyakinan dan kemampuan kerajaan mewujudkan rang undang-undang ini, saya ingin meminta pihak kementerian yang berkenaan untuk menjawab beberapa soalan yang saya anggap walaupun ianya remeh tetapi kalau diabaikan boleh menjejaskan industri pelayaran yang ingin kita jayakan ini.

- (i) Adakah kapal layar yang didaftarkan di bawah akta ini hanya untuk tujuan komersial atau hanya untuk tujuan rekreasi, sukan dan riadah?
- (ii) Adakah pendaftaran yang dimaksudkan dalam akta ini hanya untuk kapal layar tempatan ataupun kapal layar luar negara atau keduanya sekali?
- (iii) Adakah pendaftaran ini hanya untuk tujuan kebenaran berlabuh di pangkalan laut Langkawi sahaja ataupun kebenaran berlabuh serta menggunakan kawasan perairan Malaysia sehingga ke Sabah dan Sarawak sebagai kawasan pelayaran?
- (iv) Adakah pendaftaran kapal layar ini hanya untuk syarikat dan kelab-kelab pelayaran sahaja atau ianya juga terbuka kepada individu yang lain yang memiliki kapal layar persendirian yang tidak berdaftar dengan mana-mana syarikat atau kelab pelayaran?
- (v) Adakah kapal layar yang dimaksudkan dalam akta ini merujuk kepada kapal yang menggunakan layar untuk belayar ataupun ia turut merangkumi bot-bot besar yang juga digunakan untuk tujuan pelayaran pada jarak sederhana.
- (vi) Adakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan terhadap pemilik kapal-kapal layar yang terbabit dengan kemalangan di kawasan perairan Malaysia?
- (vii) Adakah jenis kursus dan latihan yang diberikan kepada bakal-bakal nakhoda dan anak kapal? Apakah kelayakan untuk seseorang yang

ingin menjadi nakhoda atau anak kapal supaya mereka layak mengikuti kursus dan latihan tersebut?

- (viii) Adakah kursus dan latihan ini akan dikendalikan oleh pihak kerajaan melalui satu institusi yang ditubuhkan kelak sekali gus meneruskan latihan itu dikenalkan oleh pihak kerajaan? Adakah kursus-kursus yang dikendalikan oleh kelab-kelab pelayaran terkenal seperti Kelab Pelayaran Diraja Selangor masih diiktiraf atau perlu mengikuti prosedur yang ditetapkan oleh kerajaan?
- (ix) Adakah dengan mengadakan kursus dan latihan ini kerajaan boleh menganggap bahawa nakhoda dan anak kapal ini sudah boleh mengendalikan kapal layar dengan baik sehingga boleh belayar ke tengah-tengah lautan? Apakah tindakan kerajaan terhadap nakhoda atau anak kapal yang cuai semasa mengendalikan kapal layar sehingga boleh menyebabkan kapal layar itu terbabit dengan tragedi?
- (x) Sama ada pembentangan Bajet 2003 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Labuan pernah dicadangkan sebagai Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa dan Langkawi sebagai Pusat Pendaftaran Yacht, saya ingin bertanya sejauh mana perkembangan cadangan ini dan apakah tindakan kerajaan dalam merealisasikan cadangan ini? Adakah kerajaan akan berhenti daripada cadangan ini setelah Langkawi disahkan kelak sebagai Pusat Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa selepas kelulusan rang undang-undang ini?

Seandainya kerajaan boleh mewujudkan lebih daripada satu pusat pendaftaran kapal layar antarabangsa, saya fikir Labuan layak diberikan status tersebut untuk memberikan peluang yang sama kepada penggiat-penggiat pelayar di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sama seperti rakan-rakan mereka di Semenanjung Malaysia.

Sesuatu yang baik sudah pasti kita tidak akan menolaknya tetapi perlulah dikawal melalui pendekatan-pendekatan yang strategik agar apa yang dilaksanakan boleh memberikan manfaat yang sewajarnya kepada semua. Begitu juga halnya dengan industri pelayaran yang ingin kita terokai dan jayakan ini. Ianya amat baik terutamanya dalam membantu mempelbagaikan sumber dan ekonomi kita di samping meningkatkan pertumbuhan ekonomi kepada tahap yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ismail bin Kasim.

#### 6.19 ptg.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan bagi pihak saya dan rakan-rakan Senate juga kepada Yang Berhormat Datuk Haji Gapar semasa perkhidmatan beliau yang cemerlang sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut serta membahaskan pembentangan akta ini dan adalah sebagai satu keperluan dalam usaha kita menggarap pembangunan industri kapal layar negara. Saya melihat apa yang kita dapat daripada pembentangan akta ini adalah dari beberapa segi.

Yang pertama sekali ialah perolehan dari segi pertukaran wang asing, hasil daripada penarikan pemilik kapal layar luar negara untuk menggunakan Pulau Langkawi. Yang kedua, cangkupan teknologi canggih yang kini digunakan untuk pertumbuhan industri kapal layar global. Yang ketiga, dominan *effect* dari segi percambahan di dalam industri pelancongan negara menerusi kapal layar dengan Langkawi sebagai tarikan, dengan izin, *island of legends and fantasies*. Jadi....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, *domino effect* atau *multiplier effect*? Yang satu negatif dan yang satu lagi positif.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Yang positif. Jadi kita akan melihat daripada industri kapal layar ini sudah semestinya perkara pertama yang kita fikirkan ialah kemewahan oleh kerana kos yang

agak besar seperti mana Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani katakan bahawa orang kaitkan dunia kapal layar dengan *rich and famous*, dengan kemewahan dan kekayaan tetapi apa yang kita inginkan adalah supaya pertumbuhan industri ini dibawa ke negara kita dengan kita mengurangkan kos-kos yang berkaitan supaya ianya dapat digalakkan di kalangan golongan berpendapatan menengah, atasan dan seterusnya kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Buat masa ini kita bolehlah berpuas hati sekiranya pindaan ini dapat menggalakkan kemasukan kapal-kapal layar asing ke perairan Malaysia dan Pulau Langkawi ini dan bagi saya ini merupakan satu bolehan kepada negara kerana ianya akan menggalakkan penggunaan Pulau Langkawi sebagai tempat persinggahan utama kapal-kapal layar di seluruh dunia.

Langkawi mempunyai satu kedudukan strategik oleh kerana kedudukannya di Selat Melaka yang terteduh daripada ribu taufan yang besar dan perairan dalam yang sesuai untuk kapal-kapal layar. Kita juga sudah masak dengan kelebihan-kelebihan yang ada di pulau indah ini termasuklah infrastruktur industri pelancongan yang boleh digunakan untuk menyokong industri kapal layar negara. Secara tidak langsung, ini akan membawa kepada perolehan tukaran wang asing daripada pengunjung yang menggunakan khidmat Langkawi dan mereka ini kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berpendapatan tinggi. Sekali gus pemésatan ekonomi negara dapat dipacu dan didorong oleh sektor industri kapal layar ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lebih penting lagi ialah dari segi perolehan teknologi yang boleh kita pelajari, kita kaitkan atau kita bangunkan menerusi industri ini. Kita semua sedar bahawasanya dengan izin, *there will be always a supply when demand exists*. Ini bermakna membangunkannya Langkawi menerusi industri kapal layar ini akan membawa kepada keperluan membangunkan industri sokongan, bukan hanya terhad kepada pemilik dan pengendali kapal-kapal layar ini tetapi dari segi pembaikpulihan, *maintenance, engineering* dan sebagainya yang berkaitan dengan industri kapal layar ini.

Mungkin gambaran kita terhadap kapal layar adalah ianya satu cara untuk meniru cara pengembaraan orang zaman dahulu yang lebih mengutamakan *skill* dari teknologi. Tetapi tanggapan ini sebenarnya salah. Rakyat haruslah difahamkan bahawasanya industri kapal layar masa kini adalah begitu moden, canggih dan bernilai tinggi. Sesebuah bot kapal layar mungkin bernilai beratus-ratus juta ringgit dan memerlukan penjagaan dan pengawasan yang rapi.

Di sinilah kita dapat membangunkan industri R&D dan juga sokongan untuk mengaut keuntungan dari kemasukan kapal-kapal layar asing ini. Industri kita boleh dibangunkan dengan mendapat khidmat sokongan pakar-pakar luar untuk membentuk sistem dan melatih pakar-pakar tempatan di dalam selok-belok teknologi canggih yang digunakan untuk industri ini.

Kita lihat seperti mana yang Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani menyebut tadi, contohnya kapal layar Dato' Azhar yang dilengkapi dengan kemudahan sistem komunikasi dan *tracking* global yang berpangkalan satelit di antara contoh yang boleh kita lihat dan semua teknologi begitu tinggi dan kualiti teknologi yang digunakan juga boleh digarap oleh pakar-pakar tempatan untuk membangunkan penggunaan teknologi satelit dan komunikasi moden dengan lebih efektif.

Keduanya, industri perkapalan tempatan juga boleh berkembang dengan pembuat kapal tradisional beralih kepada pembuatan alat-alat ganti dan kapal-kapal layar yang menggunakan teknologi aerodinamik dan bahan-bahan seperti gentian fiber dan sebagainya, sekali gus akan membawa kepada perubahan dan pemodenan industri perkapalan tempatan, yang dapatlah digarap untuk menjadikan Malaysia sebagai satu pusat pembangunan industri kapal layar di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan logik ini sekali gus dapat digunakan untuk membangunkan industri maritim negara, kerana menerusi pembabitan kita di dalam industri kapal layar membolehkan kita mempunyai, dengan izin, *sound-based* untuk meningkatkan keupayaan kita di dalam pembinaan kapal-kapal yang lebih besar dan lebih canggih lagi, dan jika kita berjaya menggarap teknologi dalam industri ini, saya percaya bahawa kita mampu meningkatkan lagi pembangunan industri perkapalan negara. Lihat sahaja kemajuan yang diperolehi oleh negara Jepun, Korea dan Amerika Syarikat hasil dari percambahan teknologi dan pengetahuan akibat revolusi perkapalan.

Inilah yang kita mahu dan inilah yang saya lihat dari pindaan ini. Jadi pada saya pindaan ini akan membawa satu lonjakan kepada pembangunan industri negara secara dalaman dengan bantuan dari dana asing yang sudah semestinya dilihat oleh pelabur-pelabur luar negara sebagai satu *haven* yang boleh diterokai.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan semakin penting sebagai penyumbang kepada pendapatan nelayan, di samping menjana pertumbuhan ekonomi negara. Malang sekali, ekoran ancaman keganasan dan keadaan *global uncertainty*, dengan izin, yang berlaku sekarang, dan termasuklah yang terbaru ialah sindrom pernafasan akut yang teruk iaitu SARS yang telah membawa kepada industri ini merudum di seluruh Asia, terutama di suku tahun ketiga dan keempat, yang dijangka akan mengalami penguncupan yang begitu teruk dalam sektor pelancongan.

Kita, menerusi Tourism Malaysia telah melaksanakan pelbagai rancangan untuk menarik pelancong asing dan mengembalikan keyakinan mereka kepada persekitaran sihat yang sebenarnya ada di Malaysia. Jadi, saya merasakan pemacu industri kapal layar ini dan pemudahan di dalam syarat-syarat penggunaan dan kemasukan kapal-kapal layar asing ke perairan negara dan Langkawi, seperti mana yang dicadangkan di dalam pindaan ini, amat bertepatan dan boleh membantu kita meningkatkan keyakinan warga asing akan keamanan dan keindahan negara kita. Dan menerusi penarikan minat-minat pelabur asing, kita juga berharap akan meningkatkan imej Malaysia sebagai satu destinasi penting untuk kapal layar, dan sekali gus memadamkan sebarang prasangka atau kebimbangan asing terhadap tahap keselamatan dan kesihatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun industri ini perlulah kita dokong dan bangunkan dengan cepat dan berkesan untuk membantu pembangunan negara, kita tidak boleh alpa akan aspek-aspek keselamatan dan keamanan yang selama ini kita kecapai di negara ini. Saya inginkan penjelasan dan janji daripada kerajaan bahawasanya dengan pindaan Akta ini tidak pula kita akan memprejudiskan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Kita perlu ingat, pengawasan perairan untuk mengelakkan pindaan ini disalahgunakan oleh golongan yang tidak sepatutnya demi membuat percubaan menyeludup, mengganas dan sebagainya, masalah lanun di rantau ini juga perlu ditangani dengan kerjasama semua negara di rantau Asia Tenggara ini.

Tidak gunalah kita memperkenalkan kemudahan bertaraf dunia dan membangunkan industri mapan ini sekiranya tidak ada orang yang sudi menggunakannya kerana takutkan ancaman lanun dan perompak laut ini. Saya percaya pindaan ini akan membawa kepada satu peningkatan di dalam lalu lintas perairan, dan kita berharap pihak berkuasa dapat meningkatkan kualiti dan kuantiti rondaan dan pengawasan di seluruh perairan negara, terutamanya di Pulau Langkawi, dan kita berharap masalah kemalangan, pelanggaran, pencerobohan dan seumpamanya, tidak berlaku dengan pindaan Akta ini.

Apa yang kita sarankan supaya satu *code of conduct* dilaksanakan untuk penggunaan perairan Malaysia, terutamanya di Selat Melaka, untuk membantu mempermudah lalu lintas dan perlakuan kapal layar asing ini supaya tidak memudaratkan penggunaan laluan penting ini oleh kapal-kapal yang ingin singgah di Malaysia dengan menggunakan khidmat yang telah kita sediakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui.

**6.30 ptg.**

**Datuk William Lau Kung Hui:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Selepas ini.

**Datuk William Lau Kung Hui:** ..... yang diberikan untuk saya bangun berucap untuk membahaskan Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003.

Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya rang undang-undang ini memang tepat dibentangkan sekarang dan saya sangat mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengadakan undang-undang ini. Saya mengatakan bahawa cadangan undang-undang ini tersangatlah baik

memandangkan Pulau Langkawi semakin terkenal sebagai suatu marina, pulau peranginan dan pelancongan di rantau ini. Tidak dinafikan bahawa semakin hari semakin banyak kapal layar dari negara asing singgah di Langkawi, dan begitu juga telah ramai orang-orang kita sekarang yang turun ke laut bermain kapal layar.

Keadaan ini sangat membanggakan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di atas *vision*nya dan kebijaksanaannya menjadikan Pulau Langkawi sebagai suatu pusat pelancongan yang bertaraf dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan juga bahawa rang undang-undang ini adalah begitu komprehensif, dan saya yakin sebuah Pejabat Pendaftaran Antarabangsa yang cekap boleh ditubuhkan di Langkawi. Berdasarkan Fasal-fasal yang terdapat dalam rang undang-undang ini, terdapat peruntukan yang cukup untuk pusat pendaftaran yang akan ditubuhkan itu untuk mengendalikan pentadbirannya. Namun begitu saya mempunyai beberapa pertanyaan, dan berharap pihak yang berkuasa yang berkenaan dapat menjelaskannya.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, di bawah Fasal 4, satu Pejabat Pendaftaran akan ditubuhkan dan di bawah Fasal 6 diperuntukkan pula bahawa Ketua Pengarah hendaklah menyenaraikan, pertamanya, daftar kapal layar antarabangsa Langkawi dan kedua, daftar entiti kapal layar antarabangsa Langkawi. Objektif Fasal 4 untuk mengadakan sebuah Pejabat Rekod dan tidak sebagai penyelia amatlah dipuji, dan di bawah Fasal 8, ia memperuntukkan bahawa sesuatu kapal layar boleh didaftarkan di bawah Akta ini jika kapal layar itu dipunyai oleh:

- (a) warganegara Malaysia, atau
- (b) entiti kapal layar yang telah didaftarkan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu adalah jelas bahawa hanya individu warganegara sahaja yang boleh mendaftarkan kapal layarnya di bawah Akta ini. Individu asing tidak dibenarkan kecuali di bawah Entiti Kapal Layar. Mengikut tafsiran di bawah Fasal 2, "Entiti Kapal Layar" ditafsirkan sebagai suatu entiti asing. Yang lain-lain, tidak kira di mana dia dibentangkan, atau tempat penubuhannya, boleh memohon untuk pendaftaran di bawah daftar entiti kapal layar antarabangsa Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan tafsiran di atas dan Fasal 8(1)(b), bolehkah saya tahu, adakah betul jika saya katakan bahawa wujud apa yang boleh dinamakan pendaftaran kapal layar terbuka atau *open registry* dengan izin, di mana *yachts of any origin owned by any foreign company or body as long as it is not an individual*, boleh didaftarkan, dengan izin, dan kaedah pendaftaran ini juga dikenali sebagai *flags of convenience registry*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, jika rang undang-undang ini berkonsepkan seperti yang saya perkatakan itu, saya memang mengalu-alukannya. Tambahan lagi jika kita boleh mengadakan kos penyelenggaraan operasi kapal layar yang murah dan mengadakan kemudahan-kemudahan yang lain termasuk gaji pekerja dengan harga yang berpatutan, saya percaya kita akan berjaya menarik lebih banyak kapal layar asing didaftarkan di negara ini. Jika ini berlaku, kesannya sangat baik kepada kaedah pertukaran wang asing kita, di samping kita boleh menarik lebih ramai pelancong dan mereka akan tinggal lebih lama di Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, konsep *open registry*, dengan izin, atau *flags of convenience registry*, dengan izin, bukanlah suatu perkara yang baru. Di dalam dunia maritim Singapura sudah pun mempunyai *open registry*, dengan izin, di bawah *Merchant Shipping Ordinance* mereka. Begitu juga terdapat di Panama, Honduras dan Liberia di mana *the operation of their flagships of vessels owned by foreigners*, dengan izin, boleh didaftarkan. Semua pendaftaran *flags of convenience* ini telah terbukti memang kompetitif daripada segi ekonomi kepada pemilik kapal.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga perhatikan walaupun terdapat peruntukan seperti kuasa penyiasatan oleh seorang pegawai diberikan di bawah Klausula 59 dan juga di bawah Klausula 18, Ketua Pengarah adalah diberikan kuasa untuk membatalkan pendaftaran sesuatu kapal layar atau entiti kapal layar yang didaftarkan di Langkawi jika pemunya atau nakhoda kapal layar itu atau entiti kapal layar melanggar mana-mana peruntukan dalam akta yang dicadangkan ini.

Saya ingin bertanya mengapa tidak ada hukuman peruntukan di rang undang-undang ini jika berlaku apa-apa pelanggaran di bawah rang undang-undang ini. Memangnya saya

difahami ada Klausula 60 di mana Menteri boleh membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan peruntukan Akta ini dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak fikir pihak yang berkuasa boleh terus menggunakan Klausula 60 yang memberikan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan untuk memperuntukkan hukuman. Maksud saya apabila Akta ibu tidak memperuntukkan sebarang hukuman, peruntukan subsidiari tidak boleh membuat peruntukan tentang hukuman. Oleh itu, saya minta penjelasan dari pihak yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga perhatikan bahawa tidak ada fi pendaftaran diberi hak di bawah Akta ini. Saya bagaimanapun percaya kadarnya akan ditetapkan dalam peraturan yang akan dibuat oleh Menteri menurut Klausula 60. Seperti peruntukan di bawah subklausula (k) yang memperuntukkan bahawa peraturan yang dibuat di bawah Klausula 60 boleh menetapkan *deus* tahunan dan fi yang kena dibayar di bawah Akta ini termasuk perkara yang berhubung dengan kegagalan untuk membayar *deus* atau fi sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa daftar kapal layar antarabangsa Langkawi dan daftar entiti kapal layar antarabangsa Langkawi, kita benar-benar kompetitif, galakan dalam bentuk ekonomi hendaklah diberikan di bawah dua daftar ini. Contoh, galakan yang boleh diberikan adalah seperti dengan mengurangkan fi pendaftaran, fi yang rendah yang berkadarkan berat kapal dan menentukan peraturan yang mensyaratkan kapal layar hanya boleh dikendalikan oleh pegawai dari negara ini yang memberikan sijil kecekapan sahaja sebagaimana yang diperlukan di bawah Klausula 45(2). Tuan Yang di-Pertua, maksud saya, *relaxing the ruling requiring survey of ships transferring to the daftar di Langkawi, flags from other ships*, dengan izin, seperti yang diperuntukkan di bawah Klausula 8(2) adalah satu lagi contoh galakan yang boleh dipraktikkan untuk merencanakan lagi pendaftaran kapal layar asing di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya memohon untuk menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini supaya dilaksanakan demi kebaikan negara kita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

#### 6.43 ptg.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut mengutarakan pendapat-pendapat mereka seperti Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae, Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dan Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui. Saya rasa dengan adanya pendapat-pendapat yang diutarakan oleh mereka yang setengahnya begitu ilmiah dan yang setengahnya merupakan teguran dan pandangan, sudah tentulah ini akan dapat memperkayakan lagi dan memantapkan lagi usaha-usaha kita untuk menjadikan industri ini sebagai industri yang membawa kemasyhuran, pendedahan kepada negara kita dan seterusnya membawa manfaat dan faedah daripada segi ekonomi iaitu keuntungan yang boleh diperolehi daripada usaha-usaha pendaftaran kapal layar ini.

Yang Berhormat Dato' Hamzah bin Zainudin telah menyatakan tentang perkara-perkara yang boleh membawa manfaat kepada negara seperti membangunkan industri tourism, pelancongan dan membangunkan industri-industri perkapalan seperti pembaikan, latihan dan sebagainya, seolah-olah nampaknya bahawa beliau adalah seorang yang sudah biasa berlayar, memang pun saya rasa.

Juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beliau seperti *port of registry* iaitu pelabuhan atau tempat di mana-mana kapal layar ini berdaftar adalah di Langkawi, dan kapal-kapal layar yang didaftarkan adalah semua kapal layar. Ianya tidak kira daripada individu ataupun daripada syarikat-syarikat sama ada kecil ataupun besar. Setengah daripada jawapan saya ini saya rasa merangkumi persoalan-persoalan yang dibangkitkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Pokoknya di sini adalah supaya kapal layar itu adalah kapal layar yang *seaworthy* ataupun mempunyai kelayakan untuk berlayar dan saiznya, saiz metal juga tetapi ianya mestilah mempunyai saiz di mana kapal itu boleh berlayar sama ada di persisiran perairan di negara ini mahupun mempunyai keupayaan untuk berlayar di lautan lepas.

Dan keuntungan yang boleh diperoleh daripada ini banyak bukan sekadar kapal layar ini didaftarkan semua daripada seluruh dunia jikalau boleh, mereka berkunjung ke sini tetapi juga akan mendedahkan negara ini ke negara-negara yang lain iaitu jika mereka mendaftar di sini, bermakna kapal layar ini kewarganegarannya adalah Malaysia.

Jadi bendera yang akan dikibarkan oleh mereka adalah juga Bendera Malaysia. Sambil kita menyanyi bendera kita berkibar di sini, kapal-kapal ini nanti kita harapkan akan mengibarkan Bendera Malaysia, Jalur Gemilang di seluruh dunia. Ini merupakan satu agen promosi yang amat penting demi memberi pendedahan kepada negara kita.

Begitu juga dengan industri-industri yang lain seperti industri pembaikan kapal, *research* dan *development* dan juga latihan yang boleh diberi kepada warganegara sebagai anak kapal, sebagai nakhoda, sebagai kelasi sebagai mekanik dan berbagai-bagai lagi.

Apabila banyak kapal mengunjungi negara kita, mereka mendaftar di sini dengan diberikan dengan kemudahan-kemudahan fizikal yang tertentu, umpamanya *partner status* yang tertentulah, yang relevan di sini dari segi cukai dan sebagainya sudah tentulah banyak kapal akan mendaftar di sini dan dengan itu akan berkehendakkan anak-anak kapal dan dengan itu kita akan menubuhkan dan sekarang ini kita sudah mempunyai 13 pusat latihan untuk melatih anak-anak kapal, nakhoda, kelasi dan sebagainya.

Dan apabila pendaftaran ini berlaku nanti dan maju sudah tentulah banyak lagi kehendak kepada mereka ini. Kemahiran yang mereka ada ini dikehendaki oleh kapal-kapal layar seluruh dunia. Dan ini akan membawa pendedahan kepada kita bahawa kita mampu melatih warganegara kita mahu pun orang asing untuk menjadi nakhoda kapal dan juga untuk menjadi kelasi dan anak-anak kapal.

Begitu juga dengan industri pembaikan kapal dan industri membuat kapal sendiri, industri membina kapal dan perkara-perkara yang lain dan saya setuju daripada beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang menyokong pada keseluruhannya, semuanya menyokong bahawa faedah-faedah yang akan diperolehi oleh negara kita daripada penubuhan *registry* yang berpusat di Langkawi ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga nampak sedikit kekeliruan mengenai kapal layar ini. Sebenarnya kapal layar yang dimaksudkan ini adalah kapal layar yang dipunyai oleh individu ataupun oleh syarikat-syarikat. Dan juga entiti-entiti kapal layar iaitu syarikat-syarikat yang ada mempunyai kaitan dengan industri kapal layar seperti pembaikan, pembuatan, pembekalan dan sebagainya.

Dan kapal layar ini bermakna kapal yang mempunyai layar untuk belayar. Yang keduanya, kapal yang mempunyai enjin tetapi tidak mempunyai layar untuk belayar juga dipanggil kapal layar dan yang ketiganya, kapal yang mempunyai layar dan juga mempunyai enjin juga dipanggil kapal layar tetapi kapal yang tidak mempunyai enjin dan layar mungkin tidak dipanggil sebagai kapal layar kerana ia tidak berjalannya. Itu dia tafsiran mengenai kapal layar ini.

Tadi ada Yang Berhormat membangkitkan tadi mengenai bantuan angin dan sebagainya. Tidak semestinya kapal itu ada layar, ada enjin sudah memadai untuk dimasukkan sebagai takrif kapal layar.

Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani membangkitkan beberapa perkara mengenai tadi mengenai komersial ataupun rekreasi. Sebenarnya *registry* adalah *registry* untuk kapal layar. Bukan *registry* kapal perdagangan kerana kita sudah mempunyai *registry* untuk kapal perdagangan. Ini khusus untuk kapal layar *registry* ini iaitu pusat pendaftaran. Inilah yang dikatakan keunikan yang dibawa oleh idea yang terkandung dalam rang undang-undang ini supaya ada tumpuan. Dengan adanya pusat pendaftaran ini bermakna ada tumpuan kepada industri ini. Dengan itu ia boleh dimantapkan lagi dan boleh dimajukan dalam berbagai-bagai aspek dan akhirnya sudah tentulah akan membawa faedah seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat kata tadi mengenai *exchange rate* dan sebagainya, keuntungan daripada *exchange rate* yang boleh diperolehi oleh negara.

Dan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai latihan sudah saya sentuh. Mengenai kemalangan dan juga kelayakan krew latihan sudah

disentuh. Kemalangan, kalau sekiranya ada kemalangan berlaku maka sudah tentulah ini akan diatasi dengan perundangan dan penguatkuasaan. Perundangan yang ada dan penguatkuasaan daripada pentadbiran yang ada sekarang ini. Bukan semua kemalangan, salah guna dan kelakuan jenayah yang dapat diliputi oleh Akta Pendaftaran Kapal Layar Langkawi ini, tidak semua. Ia hanya spesifik sahaja. Yang tidak ada boleh dilakukan oleh pihak Menteri.

Yang Berhormat Datuk William Lau Kung Hui tadi berkata bahawa jikalau benda itu spesifik ia tidak boleh jadi *general* tetapi ini bermakna *general*, *general* ia boleh merangkumi perkara-perkara yang lain yang tidak ada dalam perundangan biasa. Boleh dilakukan, boleh dibuat oleh Menteri dan kalau ada yang lain diliputi oleh perundangan yang biasa seperti perbuatan jenayah dan sebagainya. Semua ini ada perundangan yang tertentu dari segi perundangan darat, perundangan laut semua ada. Kita semua ada dan itu tidaklah menjadi satu saya rasa, satu masalah yang besar.

Malah keselamatan adalah satu-satunya yang dititikberatkan oleh rang undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Langkawi ini kerana kalau kita tidak jamin keselamatan maka sudah tentulah tidak ada kapal-kapal layar daripada negara-negara lain datang untuk mendaftar di negara kita ini.

Jadi saya rasa banyak perkara yang saya sebutkan tadi telah saya sentuh serba sedikit. Mengenai Labuan juga yang dibangkitkan oleh Datuk Hajah Dayang Mahani tadi, kita mempunyai satu pusat, pusat pendaftaran di Langkawi. Sudah tentulah kita tidak dapat mengadakan pusat pendaftaran yang lain. Ini untuk keseluruhan negara. Bererti sama ada Labuan ataupun Sabah, Sarawak, Perak, Perlis semuanya akan memperolehi manfaat dan faedah daripada perkara yang akan dilakukan ini, di bawah rang undang-undang ini. Jadi kita tidak mengenakan peruntukan bahawa satu tempat itu mendapat manfaat yang lebih atau tidak.

Walau bagaimanapun, di Labuan, mengikut yang sedang dilaksanakan, kerajaan akan bina sebuah marina yang besar di Labuan yang berharga lebih kurang RM 4 juta. Di antara 21 marina yang sedang dibina dan akan dibina di seluruh negara bagi menyokong dan mendukung hasrat kita yang terkandung dalam rang undang-undang ini tadi iaitu mewujudkan satu industri kapal layar dan juga industri-industri yang berkaitan dengannya.

Sememangnya kapal layar ini iaitu *yacht* merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak yang berada, pihak yang layak dan mampu. Boleh dikatakan setengah daripadanya itu adalah golongan elit. Tetapi walau bagaimanapun, bukan semua golongan elit yang mengendalikan perkara ini seperti Datuk Azhar sendiri, dengan ketekunan, dengan keazaman, boleh belayar mengelilingi dunia walaupun saya rasa beliau tidak termasuk dalam golongan apa yang dikatakan *the rich and the famous* ataupun golongan elit yang boleh memiliki kapal layar seperti ini.

Memanglah ini merupakan satu aktiviti rekreasi, riadah dan kesukanan dan sudah tentu juga adalah merupakan satu aktiviti yang menyeronokkan dari segi ini, bukan menyeronokkan dari segi perkara-perkara yang lain. Tiap-tiap aktiviti saya pasti, saya difahamkan setiap aktiviti yang kita lakukan mestilah ada mempunyai elemen keseronokan dan kekhusyukan. Khushuk dan tawaduk dan niat sebelum kita melakukan sesuatu itu, kalau tidak perkara itu sudah tentu tidak akan terjadi. Begitu jugalah dengan perkara seperti ini.

Apa yang mustahak di sini ialah kita haruslah pandang sebaliknya. Kita adakan pendaftaran kapal layar dengan *registry*nya, dengan kuasanya, dengan kemudahannya, dengan infrastrukturnya, dengan perbelanjaan yang sebanyak RM149 juta dalam Rancangan Malaysia Keempat untuk membina 21 marina selain daripada 8 yang sudah ada sekarang ini. Selain dari itu, kita mestilah melihat di sebaliknya iaitu keuntungan yang boleh diperolehi daripada perwujudan *registry* ini, keuntungan kepada kerajaan seperti yang dikatakan oleh banyak Yang Berhormat tadi iaitu *foreign exchange* - pertukaran wang asing, perwujudan industri dan juga anak-anak kita dapat belajar dan memberi pendedahan kepada mereka sesuai dengan tradisi kita, tradisi negara ini.

Dari segi fizikalnya, negara kita ini dikelilingi oleh laut, oleh air dan juga sesuai dengan tradisi negara kita yang mempunyai tradisi yang begitu lama dalam bidang pelayaran. Orang-orang dahulu umpamanya, berjalan di Kepulauan Melayu ini seolah-olah mereka berjalan di lorong-lorong daratan sahaja dari satu pulau ke satu pulau dengan tidak ada apa-apa yang menghindar mereka dan dengan itu mereka mahir dan belayar ke seluruh dunia dan mungkin sampai ke

Madagascar. Ada yang mengatakan juga yang pertama di antara yang mengelilingi dunia adalah orang-orang daripada rantau ini.

Jadi ini merupakan suatu dasar yang liberal, menggalakkan sesuatu untuk mewujudkan kekayaannya kepada kita. Dasar liberal yang sama juga telah dilakukan ataupun dasar liberal yang kita boleh buat, contohnya telah dilakukan oleh Kesultanan Melayu Melaka. Di mana dengan adanya dasar yang liberal, segala pedagang dan senteri di keliling perantauan ini datang mengunjungi Melaka daripada India, China, Jawa dan juga daripada pulau-pulau yang lain di Gugusan Pulau-pulau Melayu. Semuanya datang berdagang dan mereka membawa kekayaan.

Dengan adanya dasar yang liberal, mereka diletakkan di tempat-tempat yang tertentu di Melaka dan hidup dengan aman damai serta tenteram. Akan tetapi, apabila orang Putih datang, yang dikatakan bangsa Eropah ini datang, mereka melihat Melaka kaya kerana sebelum itu seorang *chronicler* Portugis telah mencatatkan bahawa Melaka adalah serupa dengan Venice or "Venice of the East" yang bernama Tom Piras, maka datang orang Portugis, mereka melihat dengan mata yang lapar, terus melanggar, membunuh dan seterusnya menakluki Melaka hinggalah Melaka tidak pulih beratus-ratus tahun. Selepas itu Belanda pula menaklukinya, membunuh juga, selepas itu Inggeris dan selepas itu Jepun dan akhirnya Inggeris balik. Hingga baru-baru inilah Melaka pulih balik dengan adanya kerajaan yang diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Menyimpang sedikit, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada kaitannya dengan laluan cerita ini tadi. Selepas melanggar Melaka, Portugis pula melanggar negara China. Contohnya Macau yang baru-baru ini sahaja dilepaskan oleh pihak Portugis. Dan di sana, Portugis dan bangsa-bangsa Eropah yang lain yang telah melanggar negara China, membahagi-bahagikan sebahagian daripada negara China iaitu kawasan-kawasan pantai. Itulah sebabnya betullah kalau orang-orang Cina pada masa itu menggelarkan bangsa-bangsa Eropah ini sebagai "*barbarians*". Mereka datang memusnahkan sesuatu, memeras dan selepas itu pulang dan memperkayakan negara mereka.

Di negara China juga, sebagai saringan sedikit, orang Portugis melihat satu lapisan pentadbir yang pada masa itu serupa dengan lapisan pentadbir di Melaka. Jadi di situ mereka gelarkan lapisan pentadbir ini di lapisan masyarakat dinamakan pentadbir atau *civil servants*. Di negara China dipanggil oleh Belanda sebagai 'Mandarin' iaitu diambil daripada perkataan 'Menteri' yang dilihat oleh Portugis di Melaka sebagai mengetuai Sistem Pentadbiran Melaka yang diketuai oleh Menteri. Jadi sampai di sana, mereka melihat lapisan yang sama digelarkan Mandarin. Jadi 'Mandarin' itu ialah *corruption* kepada perkataan 'Menteri' yang dilihat oleh Portugis pada mulanya di Melaka.

Jadi berbalik kepada tajuk kita, yang mustahaknya adalah apa yang hendak kita lakukan ini, yang dicadangkan ini, rang undang-undang ini adalah untuk menubuhkan sesuatu *registry* di mana diharapkan kunjungan daripada seluruh dunia, kapal-kapal layar akan datang untuk mendaftar dengan adanya kemudahan yang diberi termasuklah insentif-insentif fizikal yang akan difikirkan nanti dan dengan itu menjadikan negara kita ini sebagai pusat para pedagang lagi sekali, seperti yang pernah terjadi pada suatu masa dahulu.

Jadi dengan itu, sekali lagi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bersuara, bercakap, memberi pendapat, walaupun setengahnya tidak dapat saya jawab, minta maaf, tetapi saya ambil perhatian iaitu Yang Berhormat Datuk Hamzah Zainudin, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani dan Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim dan juga Yang Berhormat Datuk William Lau. Saya berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat yang ada di Dewan pada hari ini akan dapat menyokong rang undang-undang ini untuk diluluskan iaitu Rang Undang-undang Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi 2003. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal 1 hingga 62** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG ARKIB NEGARA 2003**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **7.06 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, usaha pembaharuan dalam Perkhidmatan Awam Malaysia telah melalui beberapa fasal, perubahan penting dan telah berjaya membawanya kepada satu anjakan yang ketara dalam pengurusan jentera kerajaan. Peralihan ini adalah sejajar dengan perkembangan semasa serta perubahan peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi dan persekitaran sosial.

Peranan kerajaan sekarang dilihat lebih sebagai pemandu arah dan pemudah cara kepada pembangunan negara. Peralihan ini memerlukan perubahan yang menyeluruh dan melibatkan pengubahsuaian kepada struktur, perubahan amalan pengurusan, pengurusan sistem dan prosedur serta anjakan minda rakyat sejajar dengan perkembangan semasa. Peralihan ini akan terus berlaku bersama dengan perubahan persekitaran global dan semestinya memerlukan pembaharuan yang berterusan dan bersepadu. Globalisasi kini semakin mendesak kita ke pelbagai arah sama ada secara dalaman atau luaran.

Pentadbiran yang baik seharusnya berupaya memimpin dan menggembelng tenaga dan sumber negara ke arah membentuk satu gabungan tenaga mantap yang berupaya menangani apa jua cabaran yang timbul daripada kesan globalisasi, kebanjiran maklumat tanpa sempadan dan dunia yang terbuka. Cabaran ini juga secara tidak langsung memberi kesan kepada jentera pentadbiran kerajaan untuk mewujudkan suatu pengurusan rekod yang baik.

Hasil daripada perubahan yang dialami oleh perkhidmatan awam, khususnya dan negara amnya, yang menguji keupayaan agensi-agensi kerajaan menggunakan pengalaman yang ada serta menggembelng tenaga dan kepakaran dalaman dan luaran untuk menjana konsep merancang, melaksana, menyelaras dan seterusnya memantau kemajuan pelaksanaannya. Ini memberi peluang kepada perkhidmatan awam untuk meningkatkan kecekapan agar sentiasa berupaya menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada kerajaan dan rakyat.

Proses peralihan ini memerlukan semua agensi kerajaan menyemak secara terperinci sistem, proses dan prosedur kerja yang diamalkan sekarang dan seterusnya mengubahsuai atau mereka bentuk semula supaya serasi dengan kehendak semasa, iaitu kaedah penyampaian perkhidmatan secara elektronik. Kejayaan keseluruhan perubahan ini amat bergantung kepada keupayaan anggota perkhidmatan awam di semua peringkat dan agensi mengubahsuai teknologi baru ini serta menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pengurusan rekod mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan rekod yang baik adalah penting bagi sesebuah organisasi. Sistem sedemikian akan membolehkan agensi mendapat maklumat lengkap dengan mudah, cepat dan tepat pada masanya. Ini membantu menyegerakan proses membuat keputusan. Pengurusan rekod yang kemas juga dapat mengelakkan kehilangan maklumat negara yang bernilai, yang boleh menjejaskan pelaksanaan aktiviti agensi dan boleh mengakibatkan pembaziran apabila rekod baru perlu diwujudkan serta memastikan maruah bangsa dan kedaulatan negara dipelihara. Pengurusan rekod merupakan suatu komponen penting dalam menentukan kelicinan dan keberkesanan jentera pentadbiran kerajaan.

Oleh yang demikian, maka adalah menjadi tanggungjawab pejabat awam dan penjawat awam yang menunjukkan agar mengguna, menjaga, memelihara dan menyimpan rekod dengan baik. Ini adalah bersesuaian dengan maklumat kerajaan untuk mewujudkan suatu sistem pentadbiran yang cekap dan ekonomik, menerusi suatu sistem pengurusan rekod yang teratur dan moden di semua pejabat awam di semua peringkat Kerajaan Persekutuan, negeri, badan-badan berkanun, Kerajaan Tempatan serta perusahaan kerajaan. Jika pendekatan dan tindakan ini tidak diambil, ia akan menyebabkan kerugian besar kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menyebut pengurusan rekod, kita tidak boleh menafikan peranan yang dimainkan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia, yang ditugaskan sebagai penyimpan khazanah warisan negara yang telah ditubuhkan pada 1 Disember 1957 dan dikenali sebagai Pejabat Rekod Awam Malaysia pada ketika itu. Tujuan jabatan ini ditubuhkan ialah untuk memelihara segala rekod negara yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan dan unsur sejarah negara, selain daripada menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada kerajaan dan orang awam serta memberi khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan di seluruh negara mengenai cara-cara mengurus, menyimpan dan memelihara rekod-rekod awam dengan sistematik.

Visi jabatan ini adalah untuk melahirkan generasi yang cintakan bangsa, negara dan warisan sejarahnya. Visi ini direalisasikan melalui dua misi utamanya, iaitu menyimpan dan memelihara warisan khazanah negara yang bernilai sejarah dan menyebabkan maklumat mengenainya, bagi melahirkan masyarakat yang berilmu, berwibawa dan cintakan negara.

Tugas-tugas Arkib Negara Malaysia di atas telah dilaksanakan berasaskan Akta yang diluluskan sejak pada bulan Julai 1966, iaitu Akta Arkib Negara No. 44 Tahun 1966. Secara ringkasnya, Akta ini memberi kuasa kepada Arkib Negara hanya untuk mengumpul rekod-rekod kerajaan yang bernilai, untuk rujukan dan penyelidikan masa hadapan. Pada hakikatnya, Akta ini telah terlalu lama diwujudkan, sejak 37 tahun yang lalu. Kini ia didapati kurang berkesan dan juga tidak dapat memenuhi kehendak semasa memandangkan berlakunya perkembangan pesat dari segi pentadbiran, pembangunan serta aktiviti-aktiviti negara.

Malahan fungsi Arkib Negara sendiri telah menjadi lebih kompleks dan berbagai. Bagi memastikan tugas Arkib Negara kini dapat dijalankan dengan lebih mantap, usaha dibuat untuk menggantikan Akta Arkib Negara No. 44 Tahun 1966 kepada yang baru, iaitu Akta Arkib Negara 2003.

Tuan Yang di-Pertua, rekod-rekod awam yang diwujudkan oleh pejabat awam kerajaan yang mempunyai nilai-nilai kekal dan sejarah adalah merupakan warisan negara yang perlu dipelihara dan disimpan. Rekod-rekod ini amat penting dan perlu diwujudkan, diurus, dipelihara serta disimpan kekal kerana ia adalah warisan negara yang mengandungi berbagai maklumat penting mengenai pentadbiran dan sejarah negara. Ia juga adalah bahan yang mengandungi maklumat yang dapat menimbulkan kesedaran kebangsaan. Ia juga merupakan sumber utama dan penting untuk rujukan oleh kerajaan dan masyarakat umum serta mengandungi maklumat yang boleh menjaga dan melindungi hak serta kepentingan kerajaan dan individu, malahan berupaya memastikan maruah dan kedaulatan negara terus dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang akan dibentangkan pada petang ini berupaya untuk memberikan mandat yang cukup kepada Arkib Negara menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk mengurus rekod awam dengan sempurna kerana terdapat beberapa perkara baru yang telah ditambah kepada akta ini supaya fungsi jabatan ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan sempurna. Ini termasuklah perkara-perkara berkaitan dengan kuasa, Ketua Pengarah, pertambahan kepada tugas dan tanggungjawab Jabatan Arkib Negara Malaysia, penubuhan Arkib Memorial dan Arkib Menteri serta pengurusan rekod elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Arkib Negara 2003 ini akan memberikan mandat kepada Arkib Negara untuk menasihati serta menyediakan garis panduan untuk pengurusan rekod semasa di pejabat awam, terutama dari segi perujukan rekod awam sama ada dalam bentuk kertas, atau elektronik. Selama ini pejabat awam telah masing-masing mengamalkan kaedah yang berlainan untuk mewujudkan rekod. Ini merupakan suatu pembaziran dan amalan yang tidak cekap. Ekoran daripada ini, Jabatan Arkib Negara menghadapi masalah besar untuk menangani rekod yang tidak seragam pewujudannya apabila ia dipindahkan untuk simpanan kekal.

Untuk mengatasi masalah ini, penyelarasan perlu dibuat di peringkat awal pewujudan rekod. Satu garis panduan yang seragam perlu diwujudkan segera untuk memberi keberkesanan

dalam pewujudan rekod yang lebih cekap dan efektif di pejabat awam. Ini akan menjamin rekod-rekod dapat diuruskan dengan sempurna. Rekod ini kelak boleh menjadi bahan bernilai untuk rujukan generasi akan datang. Kini rekod awam yang dihasilkan diwujudkan di zaman ledakan teknologi maklumat adalah amat berbeza dari segi jenis, jumlah dan bentuk jika dibandingkan dengan masa dahulu.

Pada zaman dahulu, rekod yang diwujudkan secara umumnya adalah dalam bentuk kertas. Tidak sama seperti rekod dalam bentuk kertas, rekod elektronik adalah maklumat yang dihasilkan, diterima dan disimpan secara rasmi dengan menggunakan kemudahan elektronik. Akta Arkib Negara No. 44 tahun 1966 tidak meliputi rekod yang dihasilkan di dalam bentuk elektronik. Kaedah pengurusan rekod di pejabat awam dari segi pewujudan, penggunaan, pemeliharaan, penyimpanan dan pemisahan telah mula berubah, kini lebih ke arah rekod elektronik khususnya di sektor awam.

Persekitaran kerja berelektronik kini berleluasa selaras dengan saranan kerajaan untuk mewujudkan kerajaan elektronik, (*electronic government*) iaitu salah sebuah cabang di bawah projek perdana Koridor Raya Multimedia. Beberapa cabang lain telah pun mula mengimplementasikan produk mereka seperti *MyKad*, e-perolehan, tele-kesihatan, sekolah pintar, serta *Electronic Government Generic Office Environment*, dengan izin, secara ringkasnya EGGOE. Kesemua inisiatif ini dilakukan supaya maklumat yang banyak dan pelbagai dapat diuruskan dengan berkesan, cepat dan tepat. Maklumat yang disimpan dalam bentuk elektronik juga memudahkan capaian (*retrieval*) data dalam masa yang singkat.

Sehubungan dengan ini, Arkib Negara secara proaktif telah menjalankan kajian rekod elektronik sektor awam pada tahun 2002. Kajian ini bertujuan untuk mengumpul maklumat dan fakta mengenai senario pengurusan rekod elektronik di agensi kerajaan dan sejauh mana kemajuan teknologi pengkomputeran telah mengambil alih proses pewujudan, pemprosesan dan penyimpanan maklumat sektor awam.

Menurut maklumat kajian ini didapati daripada 712 buah jabatan atau agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri, badan berkanun Persekutuan, badan berkanun negeri dan kerajaan tempatan dari pelbagai sektor pentadbiran, sosial, ekonomik, dan keselamatan di seluruh negara,

Sebanyak 228 jabatan dan agensi telah memberikan maklum balas mengenai maklumat rekod elektronik mereka. Statistik daripada maklum balas kajian ini menunjukkan bahawa jabatan atau agensi kerajaan menggunakan lebih kurang 601 sistem aplikasi dalam pelbagai bidang pentadbiran, *personnel*, latihan, kewangan, perkhidmatan pelanggan, penyelidikan dan pembangunan pendidikan, kutipan hasil dan sebagainya.

Maklumat rekod elektronik pula wujud dalam lebih kurang 292 bentuk, antaranya rekod elektronik dalam urusan pentadbiran e-mail, aplikasi pangkalan data, rekod berperingkat terhad dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa rekod dalam bentuk elektronik sedang dihasilkan secara meluas di sektor awam, keadaan ini amat kritikal, rekod-rekod elektronik yang diwujudkan di atas merupakan rekod kerajaan yang meliputi maklumat mengenai dasar-dasar dan keputusan kerajaan. Dengan perubahan sistem yang begitu cepat, rekod-rekod ini mungkin tidak dapat dibaca di masa yang akan datang dan maklumat yang penting kemungkinan hilang.

Menyedari situasi ini, kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada Arkib Negara untuk membantu agensi kerajaan dalam mengurus rekod elektronik dan untuk menyedarkan agensi kerajaan mengenai peranan Arkib Negara sebagai penyimpan dan memelihara rekod awam, yang mana rekod elektronik juga tidak terkecuali untuk meneraju Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan dan Pemilihan Rekod Elektronik di sektor awam yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan.

Pada masa yang sama adalah juga menjadi tanggungjawab pejabat awam untuk memastikan rekod dan data elektronik diwujudkan, disenggara dan diuruskan dengan baik. Manakala yang mempunyai nilai sejarah, dipindahkan ke Arkib Negara bagi memastikan rekod ini dipelihara dan disimpan dengan baik untuk kegunaan di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah dokumen yang mengandungi maklumat yang dihasilkan kini juga telah bertambah berlipat kali ganda dibandingkan dengan zaman Akta Arkib 44, tahun 1966 diwujudkan, lebih-lebih lagi dengan penghasilan rekod elektronik.

Mengikuti satu sumber maklumat yang disediakan oleh Arkib Negara, sesebuah jabatan atau agensi kerajaan, dianggarkan menghasilkan tambahan jumlah helaian dokumen yang mengandungi maklumat sebanyak 300,000 helai dalam setahun. Ini bermakna mereka menghasilkan sebanyak 25,000 helai dokumen sebulan iaitu 1,000 helai dokumen dihasilkan dalam masa sehari. Penghasilan rekod dalam jumlah yang terlalu banyak memerlukan infrastruktur yang sesuai untuk menanganinya.

Tuan Yang di-Pertua, The National Archives of Canada Act (Pindaan) 1985 dan National Archives and Record Administration (NARA) status bab 31 di bawah The United States Constitution sebagai contohnya memberi kuasa kepada agensi kerajaannya untuk penubuhan pusat rekod agensi masing-masing.

Akta Arkib Negara 2003 juga memberi mandat kepada Arkib Negara untuk membenarkan penubuhan serta memberi nasihat kepada pejabat awam untuk menubuhkan dan menyenggarakan pusat rekod agensi agar jumlah rekod yang banyak dapat diuruskan dengan sempurna oleh pejabat awam tersebut. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, aktiviti kerajaan kini telah dipelbagaikan di dalam semua bidang ekonomi, sosial mahupun politik.

Kerajaan menggalakkan konsep pembangunan seperti dasar penswastan dan persyarikatan Malaysia .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Ng Yen Yen, saya hendak buat pengumuman sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang telah masuk waktu Maghrib. Bagi yang ingin menunaikan sembahyang solat Maghrib, bolehlah kita pergi secara bergilir-gilir, terima kasih. Di jemput Yang Berhormat Datuk untuk menyambung.

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Terima kasih. Kerajaan menggalakkan konsep pembangunan seperti Dasar Penswastan dan Persyarikatan Malaysia dan telah mewujudkan banyak perusahaan kerajaan atau *government enterprise*, yang turut menyumbang kepada pembangunan negara. Ia juga banyak menghasilkan rekod yang mengandungi maklumat yang bernilai kepada negara dan masyarakat umum yang semestinya dipelihara dan disimpan untuk rujukan di masa akan datang.

Setakat ini, rekod-rekod yang telah dihasilkan oleh perusahaan kerajaan seperti Tenaga Nasional, Syarikat Telekom Malaysia, Malaysian Airlines yang setelah diswastakan adalah tidak dipindahkan ke Arkib Negara kerana ianya tidak terangkum di bawah Akta Arkib 44, tahun 1966.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang telah diberikan sebentar tadi, adalah jelas bahawa tugas dan tanggungjawab Jabatan Arkib Negara kini lebih berat dan skopnya lebih meluas jika dibandingkan semasa ianya ditubuhkan pada tahun 1957 dan apabila Akta Arkib Negara tahun 1966 diwujudkan.

Selain dari pengurusan rekod dan pentadbiran arkib, ia juga banyak menjalankan aktiviti-aktiviti perkembangan atau *outreach programmes* di bawah pengurusan Arkib Memorial dan Perpustakaan yang meliputi banyak aktiviti pameran bahan-bahan arkib dengan pelbagai tema, peristiwa, sejarah, dan tokoh-tokoh negara.

Pengumpulan maklumat dan segala koleksi bahan-bahan berkaitan dengan tokoh-tokoh negarawan serta penubuhan memorial dan pustaka bagi merakamkan maklumat mengenai sesuatu peristiwa sejarah atau untuk mengenang jasa dan sumbangan seseorang tokoh yang dikenal pasti sebagai asas dalam melahirkan generasi warga Malaysia yang cintakan bangsa, negara dan warisan sejarahnya.

Dewasa kini institusi memorial dan pustaka juga menjadi produk pelancongan yang menjadi tarikan pelancong luar negara khususnya dan juga masyarakat Malaysia secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, perluasan kuasa yang akan diperolehi menerusi Akta Arkib Negara 2003 akan membolehkan Arkib Negara untuk turut menubuhkan Arkib Menteri yang akan menempatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan menteri-menteri Kerajaan Persekutuan, di mana ianya akan dipelihara bagi maksud penyelidikan dan kefahaman mengenai dasar-dasar serta tindakan yang telah dilaksanakan. Manakala bahan-bahan mengenai tokoh-tokoh pentadbir, politik, pendidikan, sasterawan, perubahan dan yang lain akan diabadikan dalam bentuk surat-surat persendirian atau *private papers* yang kini jumlahnya telah menjangkau 391 kumpulan di dalam simpanan Arkib Negara.

Arkib Negara juga bertanggungjawab untuk menyebarkan maklumat dan menyediakan kemudahan, rujukan kepada rekod dan arkib yang ada di bawah jagaan atau kawalannya. Maklumat menunjukkan bahawa sejak lima tahun yang lepas jumlah penyelidik dari dalam dan luar negara yang telah menjalankan penyelidikan serius ke atas rekod Arkib Negara adalah seramai 38,250 orang di ibu pejabat dan cawangan-cawangan negeri di seluruh negeri.

Daripada jumlah ini, seramai 18,350 orang adalah terdiri daripada pelajar sekolah, manakala, jumlah bahan dalam bentuk fail dan bukan fail yang telah dirujuk adalah sebanyak 98,134 unit. Bagi membolehkan lebih banyak bahan arkib disediakan untuk rujukan ataupun akses golongan menyelidik dan orang ramai, Arkib Negara juga memerlukan mandat untuk mengkaji semula, menjelaskan semula atau menghapuskan penjelasan rekod-rekod yang telah lama berada di bawah jagaan atau kawalannya, khususnya rekod-rekod terperingkat yang kebanyakannya terdiri daripada rekod awam, pejabat awam yang tidak berfungsi lagi iaitu yang tidak beroperasi lagi dan tidak ada pengganti bagi tugas dan fungsi pejabat awam itu.

Dalam usaha untuk memperkayakan lagi koleksi bahan sejarah, menjalankan penyelidikan bagi maksud dan menyusun serta menghasilkan penerbitan sejarah serta tugas pendokumentasian, Arkib Negara juga memerlukan mandat untuk melantik pakar rujuk yang mempunyai kepakaran dan kebolehan dalam bidang ini terutamanya dari golongan akademia bagi suatu tempoh masa yang akan ditentukan. Peruntukan khas di dalam Akta Arkib Negara 2003 akan meluaskan skop untuk Arkib Negara menjalankan tugas ini.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Arkib Negara 2003 yang baru ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Arkib Negara tahun 1966 dan merupakan suatu akta untuk mengadakan undang-undang baru mengenai perwujudan perolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan dan pengurusan rekod awam dan arkib awam. Akta ini terbahagi kepada 8 bahagian dan mengandungi 48 seksyen kesemuanya.

Bahagian I akta ini meliputi tiga seksyen utama iaitu tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa, taksiran dan perisytiharan taraf persekutuan.

Seksyen 2 iaitu taksiran telah dihuraikan dengan lebih terperinci. Ianya mengandungi 30 istilah. Beberapa istilah asas yang perlu diketengahkan maksudnya dalam Dewan yang mulia ini adalah taksiran-taksiran seperti di Bahagian I Seksyen 2 iaitu :

“Arkib” – Rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya;

“Arkib awam” ertinya –

(a) rekod awam –

- (i) yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan berterusan atau kedua-duanya; dan
- (ii) yang telah dipindahkan ke Arkib Negara atau mana-mana tempat lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari masa ke semasa.

Di dalam Akta ini tempoh 25 tahun yang mensyaratkan rekod menjadi arkib awam adalah dimansuhkan.

“Rekod awam” - rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang pada permulaan kuat kuasa Akta ini adalah di dalam jagaan atau kawalan Arkib Negara Malaysia. Istilah ini juga telah lebih diperluaskan skopnya untuk meliputi rekod-rekod perusahaan kerajaan.

“Rekod” iaitu bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematograf, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal dan apa-apa salinannya.

Istilah ini juga telah diperluaskan skopnya untuk meliputi rekod yang dihasilkan secara elektronik.

“Arkib menteri” iaitu bahan yang berkaitan dengan mana-mana Menteri Kerajaan Persekutuan dan dipelihara bagi maksud penyelidikan dan kefahaman mengenai dasar-dasar serta tindakan yang telah dilaksanakan.

“Arkib memorial” iaitu suatu institusi yang dikendalikan oleh Arkib Negara untuk menempatkan, memelihara dan mempamerkan apa-apa bahan bersejarah untuk memperingati sesuatu peristiwa atau seseorang atau aspek sejarah lain dan arkib yang ditempatkan di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Seksyen 2 ini terdapat beberapa lagi seksyen baru yang meluaskan kuasa Ketua Pengarah Arkib Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya seperti berikut:-

Bahagian II, Seksyen 4 - Penubuhan Arkib Negara. Di dalam seksyen ini adalah diperuntukkan bahawa Arkib Negara Malaysia ditubuhkan dan diisytiharkan sebagai arkib persekutuan bagi maksud untuk menyediakan garis panduan dalam pewujudan, pemerolehan, penyimpanan dan pemeliharaan rekod dan menyediakan kemudahan rujukan, penyelidikan atau maksud lain.

Sebelum ini Arkib Negara tidak mempunyai mandat untuk menyediakan garis panduan mengenai perwujudan rekod. Perkara ini telah pun dihuraikan sebelum ini iaitu peranan dan penglibatan Arkib Negara di peringkat pewujudan rekod atau *record creation*, dengan izin, adalah untuk memastikan unsur-unsur yang perlu dibangunkan dari segi kearkiban dapat dilaksanakan. Ini akan menjamin rekod yang berkenaan dapat dipelihara tanpa sebarang masalah di masa akan datang.

Bahagian II, Seksyen 8 – Meluaskan Kuasa Ketua Pengarah. Seksyen ini juga memberikan perluasan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengkaji semula mana-mana rekod terperingkat dalam jangkaan atau di bawah kawalan Arkib Negara di mana beliau dibolehkan untuk memeriksa kandungan mana-mana rekod terperingkat (*classified records*), mengelaskan semula (*reclassify*) rekod-rekod terperingkat yang perlu dijalankan menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] dan menghapuskan pengelasan (*declassify*) rekod terperingkat yang perlu dijalankan menurut Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88].

Bahagian II, Seksyen 10 - Pelantikan Pakar Rujuk. Seksyen ini juga membenarkan Ketua Pengarah untuk melantik mana-mana orang yang memiliki kebolehan atau kepakaran untuk menjalankan penyelidikan sejarah dan kerja pendokumentasian supaya banyak lagi kajian mengenai persejarahan di negara ini boleh diketengahkan dan pada masa yang sama dapat membuat dan membentuk serta mempertingkatkan fakta-fakta atau catatan-catatan sejarah yang sahih mengenai negara ini.

Bahagian III - Lembaga Penasihat. Arkib Negara Malaysia melalui peruntukan di bawah Seksyen 11 sehingga 24 Akta ini boleh menubuhkan suatu Lembaga Penasihat bagi maksud menasihati Ketua Pengarah dalam melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasanya di bawah Akta ini.

Melalui Seksyen 14(1) keanggotaan Lembaga Penasihat ini ditambah iaitu terdiri daripada seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan tidak kurang daripada tiga tetapi tidak lebih daripada sepuluh orang anggota yang juga dilantik oleh Menteri.

Bahagian 1V, Seksyen 25 - Larangan terhadap pemusnahan rekod awam. Peruntukan seksyen ini melarang sesiapa pun, kecuali dengan kebenaran bertulis Ketua Pengarah, untuk memusnah atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam kecuali sebaliknya seperti yang disebutkan di bawah subseksyen (2), (3) dan (4).

Subseksyen (5) menyebut bahawa sesiapa yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bahagian IV, Seksyen 26 - Pelupusan Rekod Awam. Mengikut subseksyen (1) (a), (b) dan (c), Ketua Pengarah Arkib Negara juga boleh membenarkan pelupusan mana-mana rekod

awam yang tidak memiliki apa-apa nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal yang tidak dikehendaki bagi maksud rujukan dalam mana-mana pejabat awam selepas tindakan ke atas rekod awam tersebut telah tamat dan keadaan fizikal rekod awam itu tidak mengizinkan pemeliharannya yang berterusan.

Bahagian IV, Seksyen 28 - Pemindahan Rekod Awam ke Arkib Negara. Seksyen ini memperuntukkan bahawa mana-mana rekod awam yang telah dikenal pasti dan telah ditamatkan bagi tempoh lebih dari lima tahun termasuk rekod awam dan mana-mana rekod awam bukan semasa atau tidak aktif yang mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang berkekalan serta rekod yang dihasilkan secara elektronik seperti subseksyen (2) hendaklah dipindahkan ke Arkib Negara.

Bahagian IV, Seksyen 29 - Rekod awam hendaklah diserahkan apabila diminta. Mengikut subseksyen (1) (a) dan (b), rekod awam yang berusia lebih daripada 20 tahun bertaraf bukan semasa, tidak aktif dan mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang berkekalan, hendaklah diserahkan kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara apabila permintaan dibuat oleh Ketua Pengarah atau pegawai wajar iaitu pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

Subseksyen (2) juga menyebut bahawa sesiapa yang melanggar peruntukan ini juga adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Bahagian IV, Seksyen 30 - Jagaan dan kawalan rekod awam pejabat awam yang tidak berfungsi lagi (*defunct department*). Seksyen ini meluaskan kuasa Arkib Negara Malaysia, melainkan jika diperuntukkan dengan nyata oleh mana-mana undang-undang bertulis lain, mempunyai jagaan atau kawalan terhadap semua rekod awam pejabat awam yang tidak berfungsi lagi.

Bagi maksud akta ini semua pejabat awam hendaklah disifatkan sebagai tidak berfungsi lagi jika pejabat awam itu tidak lagi beroperasi dan tidak ada pengganti bagi tugas dan fungsi pejabat awam itu seperti yang disebutkan di bawah subseksyen (3).

Bahagian IV, subseksyen 31 - Pemerolehan rekod. Seksyen ini membenarkan Ketua Pengarah memperoleh apa-apa rekod yang bukan rekod awam yang pada pendapatnya mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal. Peruntukan ini akan menyebabkan bertambahnya koleksi khazanah warisan sejarah negara, bukan sahaja dari sumber rasmi tetapi juga meliputi sumber tidak rasmi.

Bahagian IV, Seksyen 35 - Pengembalian Rekod. Seksyen 35 subseksyen (1) dalam akta ini membenarkan atas permintaan secara bertulis apa-apa rekod awam yang telah dipindahkan dari sesebuah pejabat awam boleh dikembalikan semula ke pejabat awam berkenaan bagi suatu tempoh yang dipersetujui antara kedua-dua pihak, kecuali keadaan-keadaan tertentu yang tidak mewajarkan pengembaliannya seperti yang disebutkan dalam Seksyen 2.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah itu?

**Dato' Dr. Ng Yen Yen:** Tidak sangat, tidak. Sepuluh minit.

Bahagian V, Pentadbiran Arkib. Seksyen 37 – Akses kepada arkib awam. Menerusi seksyen ini orang ramai adalah diberi akses kepada arkib awam yang berusia 25 tahun ke atas dari tarikh tamat rekod atau apa-apa tempoh yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

Menerusi subseksyen (2) (3) dan (4), Arkib Negara Malaysia adalah bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan rujukan dan penyelidikan kepada orang ramai terhadap arkib awam yang terdapat di dalam simpanan jabatan ini. Walau bagaimanapun, subseksyen (5) menegah sesiapa pun dari membuat salinan atau mengambil cabutan dari mana-mana arkib awam kecuali mengikut peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta ini. Sesiapa yang melanggarnya adalah juga melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan penalti yang telah disebutkan sebelum ini.

Bahagian V, Seksyen 38 - Akses kepada rekod terperingkat. Bagi maksud seksyen ini, orang ramai tidak dibenarkan merujuk kepada rekod terperingkat di dalam jagaan Arkib Negara. Walau bagaimanapun, menurut subseksyen (2), (3), (4) dan (5), Ketua Pengarah dan pegawai wajar boleh membenarkan seseorang membuat rujukan jika orang itu telah memperoleh

kebenaran khas secara bertulis bagi maksud itu daripada ketua pentadbir pejabat yang bertanggungjawab bagi rekod terperingkat itu.

Subseksyen (6) pula menegah sesiapa pun dari merujuk kepada rekod terperingkat, kecuali mengikut peruntukan yang ditetapkan di bawah akta ini. Sesiapa yang melanggarnya adalah juga melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti yang telah disebutkan sebelum ini.

Bahagian V, Seksyen 39 - Larangan terhadap penghasilan semula dan penerbitan arkib awam. Menerusi peruntukan seksyen ini, adalah dilarang sesiapa pun dari menghasilkan semula atau menerbitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan mana-mana arkib awam, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah dan mengikut kesemua terma dan syarat yang ditetapkan serta membayar kadar yang ditetapkan.

Bahagian VI - Penubuhan dan pengurusan Arkib Menteri dan Arkib Memorial.

Seksyen 40 - Penubuhan Arkib Menteri dan Arkib Memorial.

Seksyen 40 subseksyen (1), membenarkan Ketua Pengarah selepas berunding dengan Menteri, menubuhkan arkib menteri dan arkib memorial. Arkib menteri dan arkib memorial yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1) akan disenggara dan dikendalikan oleh Arkib Negara Malaysia.

Bahagian VII - Am, Seksyen 42 - Kesalahan di sisi undang-undang salinan fotografi dan cabutan. Subseksyen (1) dan (2) memperuntukkan bahawa mana-mana salinan rakaman mikrofilem, fotografi atau rekod dan arkib di bawah jagaan atau kawalan Arkib Negara yang diperakui sah di *material* dan dicap *material* rasmi Ketua Pengarah hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding undang-undang.

Bahagian VII, Seksyen 43 - Pengesahan salinan fotografi dan cabutan. Di bawah subseksyen (1) dan (2), mana-mana rakaman mikrofilem, salinan fotografi atau cabutan boleh disahkan dengan ditandatangani oleh pegawai wajar bagi pihak Ketua Pengarah.

Subseksyen (3) memerlukan pembayaran fi yang akan ditetapkan bagi tujuan pengesahan bagi tujuan seksyen ini.

Bahagian VII, Seksyen 44 – Larangan terhadap eksport. Seksyen ini memperuntukkan bahawa tiada seseorang pun selain pegawai wajar boleh membawa atau menghantar keluar Malaysia apa-apa arkib kecuali mengikut subseksyen (1)(a) dan (b).

Subseksyen (2) menetapkan bahawa pelanggaran seksyen ini sebagai melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan penalti yang telah disebutkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah disebutkan pada awal pembentangan tadi, Akta Arkib Negara 2003 ini diwujudkan supaya Jabatan Arkib Negara dapat berfungsi dan menyerlah sebagai salah sebuah institusi arkib yang termaju di rantau ini dari segi pengurusan rekod dan pentadbiran arkib sama seperti institusi arkib di negara-negara maju yang lain, selaras dengan praktis dan perkembangan terkini di dalam bidang kearkiban.

Akta Arkib Negara 2003, akan membolehkan Arkib Negara menyediakan satu garis panduan bagi menyelaraskan pengurusan rekod semasa di pejabat awam kerajaan. Ia juga dapat menubuh dan menguruskan pusat rekod agensi, memberikan arahan yang seragam dalam pengurusan rekod di pejabat awam ke arah menghasilkan penyimpanan dan pemuliharaan maklumat yang sistematik. Menerusi akta ini, Arkib Negara berupaya untuk mengawal pengurusan semua jenis rekod di sektor awam, merangkumi semua peringkat kitaran hidup rekod bermula dengan perujukan dan berakhir sama ada dengan pelupusan atau penyimpan kekal di Arkib Negara.

Akta ini akan memastikan maklumat mengenai negara dipelihara dan disimpan mengikut garis panduan yang ditetapkan untuk faedah negara dan generasi yang akan datang selain dari menghadapi cabaran masa kini dan masa hadapan selaras dengan perkembangan teknologi di era globalisasi ini. Akta ini juga akan memantapkan akses kepada bahan arkib melalui teknologi terkini dan memberi mandat bagi perujukan dan pengurusan memorial dan perpustakaan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Arkib Negara 2003 akan memberikan kuasa dari segi undang-undang untuk memastikan khazanah warisan negara dipelihara dengan baik dan mengelakkan ianya daripada hilang disebabkan tiadanya pengurusan yang baik. Pengalaman yang lepas telah mengajar kita mengenai rekod dan khazanah negara yang telah dibawa dan disimpan di negara-negara seperti Australia, Belanda, United Kingdom dan sebagainya oleh kerana tidak wujud satu sistem pemulihan dan penyimpanan maklumat. Kini berjuta-juta ringgit perlu dibelanjakan untuk membeli salinan dokumen daripada institusi yang menyimpannya di negara-negara yang disebutkan. Kita tidak mahu perkara ini berulang lagi.

Akta Arkib Negara 2003 ini bukanlah sebuah akta yang akan mengenakan tekanan dari segi undang-undang dalam urusan pengurusan rekod dan pentadbiran arkib kepada jabatan/agensi kerajaan. Sebaliknya akta ini akan memberikan kesedaran mengenai pentingnya kita memelihara dan menyimpan maklumat negara untuk generasi yang bakal mewarisi negara ini. Wujudnya Akta Arkib Negara 2003 ini dapat menjamin keselamatan rekod arkib serta menentukan kesahihan fakta *premier* yang dihasilkan oleh negara. Ini secara tidak langsung akan memelihara maruah dan kedaulatan negara sekali gus menghasilkan maklumat yang dapat membantu menanamkan semangat cintakan bangsa, negara dan warisan sejarahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Akta Arkib 2003.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pewujudan, pemerolehan, jagaan, pemeliharaan, penggunaan dan pengurusan arkib awam dan rekod awam dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dijemput, tetapi jangan panjang-panjang sangat. Dijemput Datuk Christina Tibok Vanhouten.

**7.56 ptg.**

**Datuk Christina Tibok Vanhouten:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahas Rang Undang-undang Arkib Negara 2003. Memang teks ucapan saya ini panjang tetapi oleh kerana kita menghormati masa, saya akan pendekkan ucapan saya pada petang ini.

Bahan Arkib seperti dokumen-dokumen bersejarah dan yang mempunyai nilai-nilai kebangsaan dalam apa juga bentuk perlu disimpan dan diurus dengan cara sistematik untuk manfaat umum. Koleksi Arkib begitu penting sekali kerana ia memaparkan sejarah sesebuah negara dan masyarakatnya. Asal-usul kita dan bagaimana kita mengetahui peristiwa-peristiwa yang silam dapat dijelaskan oleh Arkib. Francis Blouin, seorang pakar sejarah pernah mengatakan, dengan izin, *"Our knowledge of the past can be verified by the existence of documentation. Documents are the raw materials in which the truth of the past can be determined."*

Dalam erti kata lain, pengetahuan kita terhadap masa lampau akan hanya dapat dibuktikan dengan adanya dokumentasi terhadap masa silam. Bahan-bahan bersejarah yang terkumpul bukan sahaja akan mengesahkan fakta-fakta pemahaman dan pengertian terhadap ciri kehidupan khazanah dan alam sekeliling kita tetapi juga dapat membezakan sama ada fakta-fakta tersebut adalah tepat ataupun ciptaan semata-mata. Sebagai contoh, Arkib Negara telah memainkan peranan yang penting dengan membekalkan rekod dan dokumen relevan kepada Mahkamah Dunia di Hague untuk menyokong tuntutan Malaysia terhadap Pulau Ligitan dan Pulau Sipadan. Kita harus merasa bangga kerana persekitaran di antara Malaysia dan Indonesia berkaitan dengan taraf kepulauan ini telah diselesaikan pada 18 Disember 2002 berikutan dengan pengumuman bahawa kedua-dua pulau ini adalah milik sah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peredaran zaman dan perkembangan persekitaran dunia yang sentiasa berubah, undang-undang yang sedia ada tidak mampu membantu institusi ini untuk mengumpul bahan-bahan keperluan, mengurus dan menawarkan khidmat terbaik kepada orang awam. Antara lain, ini adalah disebabkan wujudnya bahan-bahan arkib tambahan dalam bentuk bukan *conventional*. Begitu juga dengan penyimpanan maklumat masa kini yang lebih cenderung kepada teknologi sistem digital. Bahan-bahan dalam bentuk bukan *conventional* ini

walaupun mempunyai nilai-nilai kebangsaan, gagal diperolehi disebabkan had undang-undang yang sedia ada.

Oleh itu, undang-undang baru ini akan membolehkan Arkib Negara melakukan kerja-kerja pengumpulan tanpa sebarang halangan dari mana-mana pihak. Selain daripada itu, Rang Undang-undang Arkib Negara 2003 ini akan membolehkan Arkib Negara berfungsi sebagai sebuah institusi Arkib yang termaju di rantau ini seperti juga di negara-negara maju.

Sejarah Malaysia akan berterusan. Begitu juga dengan sejarah negeri-negeri di Malaysia. Buku-buku sejarah yang lebih terperinci dan khusus sama ada penulisan mengenai sejarah negeri-negeri dan atau masyarakat majmuk di Malaysia dapat diterbitkan kerana kewujudan bahan-bahan rujukan. Misalnya, bahan-bahan bernilai sejarah bagi masyarakat Kadazandusun, Murut di Sabah begitu kurang sekali. Selepas penubuhan Malaysia, kita terpaksa berpandukan kepada rekod dan penulisan pihak-pihak luar seperti British dan Australia, selain daripada mencatat peristiwa yang diceritakan oleh warga-warga tua. Dengan adanya sistem kearkiban yang profesional, rujukan untuk menerbitkan buku-buku sejarah masyarakat Kadazandusun, Murut dan kaum-kaum lain di Malaysia dapat direalisasikan dan diteruskan. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat mengukuhkan identiti kaum dan kenegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh tempatan yang berjaya mencorakkan kemajuan bidang-bidang yang mereka terokai perlu direkod dan disimpan sebagai teladan dan panduan generasi akan datang. Malaysia banyak melahirkan tokoh-tokoh politik, perniagaan, pendidikan muzik, perfileman dan sebagainya. Visi dan perjuangan tokoh-tokoh ini tidak seharusnya dilupai begitu sahaja dalam arus kemajuan dan kemewahan yang telah kita warisi sekarang. Tapak-tapak haluan peninggalan mereka jika tidak dipelihara akan musnah dan kembalilah kita hidup dalam penjajahan bentuk baru.

Sekali lagi peranan untuk menyimpan khazanah ini bergantung kepada Arkib Negara. Cadangan untuk menubuhkan bahagian penubuhan dan pengurusan Arkib Menteri dan Arkib Memorial bertujuan untuk mencapai matlamat ini adalah sangat-sangat dialu-alukan. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang akan melaksanakan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, penglibatan langsung Arkib Negara dalam Jawatankuasa Kebangsaan IT dan Internet kerajaan jelas menunjukkan pengiktirafan kerajaan kepada peranan institusi ini ke arah pembangunan IT. Dengan kerjasama sektor lain, Arkib Negara terlibat khususnya untuk menggubal strategi bagi perkongsian pintar di kalangan sektor awam dan swasta dalam bidang pengurusan rekod elektronik. Untuk itu peranan Arkib Negara perlu diperluaskan dan diberi mandat supaya ianya boleh bertindak dalam hal-hal yang berkaitan dengan kearkiban. Cadangan untuk membahagikan secara sistematik Arkib Negara kepada lapan bahagian yang lebih terperinci akan membolehkan institusi ini berfungsi dengan lebih efisien dan berkesan. Pengelasan dan pengkhususan ini akan menjamin mutu pengurusan dan pentadbiran Arkib Negara sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya keahlian dalam bahagian Lembaga Penasihat yang akan ditubuhkan kelak mengambil kira penglibatan dari setiap negeri di Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah kerana memilih saya mewakili negeri di bawah bayu sebagai wakilnya di Dewan yang mulia ini. Penghargaan juga kepada Presiden Parti saya iaitu Yang Berhormat Tan Sri Bernard Dompok kerana mencalonkan saya untuk jawatan Senator pada tahun 1998. Peluang menghadiri di Dewan Senate ini telah banyak memberi saya pelajaran dan pengetahuan tentang banyak aspek pentadbiran negara. Saya juga ingin memohon maaf daripada semua rakan di sini sekiranya ada kesalahan ataupun kata-kata saya yang kasar semasa kehadiran saya di Dewan yang mulia ini.

Dengan itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong cadangan Rang Undang-undang Arkib Negara 2003. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

**8.04 min.**

**Dato' Dr. S. Vijayaratham:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana waktu sudah lambat, saya *straight to the point*. Izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan satu perkara sahaja di dalam dokumen yang dicadangkan. Barangkali interpretasi saya salah, saya minta penjelasan sahaja.

Merujuk kepada bahagian 2 di bawah fungsi Ketua Pengarah Arkib, Fasal 7(e) yang menyatakan bahawa beliau ada kuasa memusnahkan atau selainnya melupuskan pemusnahan atau pelupusan rekod awam. Ini nampaknya satu kuasa yang kuat.

Mengikut Fasal 12 dan 13, walaupun ada satu lembaga penasihat, pengarah tidak diwajibkan merujuk semua perkara atau operasi-operasi kepada lembaga tersebut. Tuan Yang di-Pertua, ini membimbangkan oleh kerana pemusnahan rekod adalah satu pelaksanaan yang tetap, *irreversible*, dengan izin. Boleh jadi rekod-rekod yang penting dan berharga terlibat, dan bukannya lebih baik mewajibkan Ketua Pengarah berunding dengan lembaga penasihat sebelum dokumen-dokumen dimusnahkan?

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang Arkib Negara 2003.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga secara ringkasnya *straight to the point*. Yang pertamanya tidak dapat dinafikan peranan Arkib Negara dalam menjamin akan maklumat negara sentiasa dapat dipergunakan baik dalam apa juga keadaan sekalipun dan saya juga ingin menyatakan di sini akan betapa pentingnya peranan Arkib Negara yang mana telah terbukti apabila berlakunya perbicaraan perebutan kepulauan di perairan negara kita yang telah pun menjadi suatu bukti bahan rujukan Mahkamah Antarabangsa dan akhirnya ia membuktikan kedudukan tuntutan kita berada di pihak yang benar. Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak Arkib Negara yang secara tidak langsung turut membantu bagi menentukan kesahihan tuntutan kepulauan tersebut.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, bahagian tiga saya hendak sentuh sedikit berkaitan dengan penubuhan lembaga penasihat dan juga peranan Ketua Pengarah. Pada saya memang peranan mereka begitu penting dan kadang-kadang tercabar. Lantaran itu saya ingin mendapat maklumat sedikit tentang kedudukan *scale* ataupun tangga gaji yang diterima oleh Ketua Pengarah dan begitu juga elaun-elaun diberikan kepada Pengerusi dan ahli-ahlinya agar peranan dan tanggungjawab mereka itu lebih mendapat keadilan dan justifikasi.

Yang ketiganya, bahagian empat para 25 berkaitan dengan denda RM5,000 ataupun penjara tidak lebih daripada satu tahun. Bagaimanakah cara penguatkuasaannya akan dilaksanakan dan cara pemantauan yang akan dibuat?

Yang keempatnya berkaitan dengan strategi. Apakah strategi kempen yang dirancang oleh Jabatan Arkib Negara bagi mewujudkan satu kesedaran di kalangan masyarakat kita akan betapa pentingnya maklumat-maklumat rekod awam ini dijaga ataupun diawasi agar ianya tidak dilupuskan begitu sahaja?

Dan yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah peranan Arkib Negara dalam membuat pemantauan agar maklumat negara yang terpenting tidak dapat di "*hijack*" keluar ke luar negara untuk kegunaan rujukan pihak-pihak yang berniat jahat terhadap negara.

Dengan itu saya turut menyokong Akta Rang Undang-undang Arkib Negara 2003. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Tan Sri Dato' Seri (Dr) Abdullah bin Ayub.

**Tan Sri Dato' Seri (Dr) Abdullah bin Ayub.** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sebanyak terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meluluskan Rang Undang-undang Arkib Negara tahun 2003. Saya juga mengucapkan tahniah dan pujian kepada Timbalan Menteri yang telah memberi ucapan yang begitu panjang dan bernas. Kita semua mengetahui apa yang dituju oleh rang undang-undang itu dan kalau saya tidak silap, inilah satu rekod ucapan yang panjang yang patut dimasukkan ke dalam rekod Arkib Negara!

Saya sokong rang undang-undang ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Arkib Negara kerana mengambil langkah yang aktif untuk menemu bual beberapa tokoh negara sama ada ahli-ahli politik, pegawai kerajaan yang tinggi, ahli-ahli korporat atau sebagainya untuk merekodkan pengalaman mereka semasa berkhidmat untuk dijadikan bahan sejarah. Ini dilakukan dalam sesi-sesi pengkisahan sejarah. Malangnya kita orang Malaysia, khususnya orang Melayu jarang-jarang mahu menulis riwayat hidup atau *memoir* mereka sendiri terutama mereka yang telah mengambil bahagian yang penting dalam perkembangan atau kemajuan negara ini.

Oleh kerana itu banyak pengetahuan dan pengalaman yang dipunyai mereka hilang begitu sahaja. Untuk menggalakkan penulisan buku-buku ini, saya syorkan supaya Arkib Negara mengenal pasti seberapa banyak tokoh yang penting dan minta mereka menulis riwayat atau pengalaman mereka. Untuk menggalakkan mereka berbuat demikian, mereka hendaklah diberi bantuan seperti ditawarkan seorang pegawai yang boleh membantunya membuat penyelidikan atau *research* - dengan izin - dalam dokumen-dokumen yang diketahui mereka ada tetapi sukar dicari.

Misalnya pengalaman di zaman darurat komunis dahulu, beliau telah mengambil bahagian dalam melawan komunis pada masa itu, tetapi dokumen mengenainya sudah tidak ada sekarang. Begitu juga mengenai Peristiwa 13 Mei, mereka telah ada berkecimpung dalam perkara itu dan kertas putihnya ada dikeluarkan tetapi tidak tahu di mana beradanya kertas putih itu.

Begitu juga bagi mereka yang telah mengambil bahagian dalam menggubal Dasar Ekonomi Baru. Jadi tugas-tugas untuk mencari *reference* itu boleh dilakukan oleh pegawai penyelidikan itu. Pegawai penyelidikan seperti itu boleh diperolehi dari kalangan graduan yang baru lulus universiti atau pegawai-pegawai kerajaan yang baru bersara. Soal kemudahan-kemudahan lain seperti komputer untuk menaip teks dan sebagainya hendaklah juga dipertimbangkan. Kerajaan juga melalui Arkib Negara patutlah membantu untuk menerbitkan dan juga kalau perlu, memasarkan buku itu. Saya percaya dengan cara ini banyak bahan sejarah yang penting dapat dibukukan dan dapat dimanfaati oleh keturunan kita pada masa akan datang dan menjadi rekod negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan penghargaan saya kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah berkhidmat sebagai Timbalan Yang di-Pertua di Dewan Negara ini. Saya ucapkan selamat jalan dan harap Yang Berhormat Datuk akan terus berkhidmat untuk kepentingan negara dan bangsa pada masa akan datang.

Begitu juga saya mengucapkan selamat jalan kepada sahabat saya dari Sabah iaitu Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten yang akan juga bersara sebagai ahli Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih atas ucapan itu. Yang Berhormat Dato Mohamad Taha bin Ariffin.

**Dato Mohamad Taha bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak mengambil masa panjang kerana ada beberapa perkara sahaja yang saya hendak sebutkan. Satu, pertama sekali saya mengucapkan setinggi tahniah kepada kerajaan kerana bercita-cita untuk menubuhkan sebuah Arkib yang saya harap akan menjadi sebuah Arkib yang setanding dengan Public Record Office di London, Kew Gardens, Rhodes House di Oxford dan *the British Museum* di mana pakar-pakar rujuk dan pengguna-pengguna dari seluruh dunia memang mengetahui tentang kehebatan *institutions* ini.

Yang disarankan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yaakob tadi memang ada kebenarannya kerana kita di sini pada umumnya dari segi pengalaman, saya tahu perkara ini berlaku kerana seperti yang kita tahu, kalau kita hendakkan sesuatu suara-suara (*voices from the past*) misal kata suara Tun Temenggong Jugah daripada Sarawak, sudah tidak ada lagi, suara beberapa orang personaliti daripada Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak, banyak yang sudah tidak ada lagi dalam simpanan kita. Sebelum terlambat, saya rasa langkah kerajaan ini memanglah bijak supaya generasi masa hadapan akan mengenal siapa yang para *pioneer* Malaysia pada masa dahulu.

Kita tidak dapat lari daripada kenyataan ini kerana kalau tidak, maka apa yang kita sebutkan sebagai warganegara yang betul-betul cintakan negara, tanpa bahan-bahan ini maka sudah tidak ada lagi di tempat-tempat mereka untuk merujuk. Jadi inilah yang harus kita puji

kerana dalam beberapa hari ini kita telah berbahas tentang Latihan Khidmat Negara. Ini juga merujuk kepada satu perkara yang sama iaitu untuk membentuk warganegara yang cintakan negara Malaysia.

Dalam pada itu Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Daripada berkoyan-koyan *information* ini, bertimbun-timbun maklumat yang datang dari barat, datang dari selatan Malaysia ini, jadi satu *point* nanti atau satu perkara yang patut kita timbangkan bagaimana hendak *sifting*, dengan izin, yang mana relevan dan yang mana tidak berapa relevan. Andai kata yang mana relevan itu dalam bentuk *limbo* di sini, jadi kalau ia dilupuskan seperti apa yang dibangkitkan oleh Dato' Dr. S. Vijayarajam tadi, kalau dilupuskan dengan tanpa usul periksa, apabila hilang benda ini, bahan-bahan ini, maka sudah tentulah tidak akan dapat di cari lagi. Saya harap dalam perkara ini, dalam menimbang mana yang relevan, mana yang tidak berapa relevan, mana yang tidak ada relevan langsung, kita harus berhati-hati.

Perkara kedua, *accessibility*. Walaupun berkoyan-koyan, bertimbun-timbun *information* ini, kalau rakyat jelata, kalau pengguna-pengguna terutamanya sekali sekolah-sekolah ataupun penuntut-penuntut yang hendaklah *information* susah hendak dapat. Daripada segi *retrieval system* tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata - ada komputer dan ada macam-macam lagi, tetapi bagi saya soal pokok ialah *accessibility* kepada maklumat-maklumat ini. Kita tidak mahu bangunan yang besar-besar, tetapi orang yang menggunakannya hanya berapa kerat sahaja. Kita mahu institusi ini seperti yang dikatakan tadi jadi sebagai *Public Record Office*, seperti Rhodes House di Oxford. Kita mahu inilah satu-satunya institusi yang akan memberi nama yang baik kepada Malaysia

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebelum mengundurkan diri, saya juga ingin menyampaikan perasaan terima kasih dan penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dalam perkhidmatan telah menunjukkan *leadership* yang amat disanjung. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato Mohamad Taha. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab soalan-soalan.

#### **8.18 mlm.**

**Timbalan Menteri Kewangan Kedua [Dato' Dr. Ng Yen Yen]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten, Dato' Dr. S. Vijayarajam, Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub dan Dato Mohamad Taha Ariffin di atas keprihatinan, teguran yang berilmiah kepada Arkib Negara. Saya yakin dengan sokongan begitu, Arkib Negara boleh menjalankan peranannya dengan sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten ada membangkitkan satu isu iaitu suara dari Sabah dan Sarawak tidak semestinya didapatkan. Ini adalah sesuatu kelemahan yang kita dapati sebab kita tidak ada satu akta yang memastikan kita dapat apa-apa maklumat. Sebab itu dengan akta ini, Arkib Negara ada kuasa untuk mendapatkan daripada mana-mana *political parties* dokumentasi-dokumentasi. Jadi saya harap pemimpin-pemimpin pun boleh menolong Arkib Negara memberikan kita maklumat ini.

Pada masa sekarang, kita sahaja ada dekat dua puluh lebih tokoh-tokoh politik dokumentasi mereka. Jadi bagi tokoh-tokoh politik PAS seperti Ustaz Zulkifli bin Mohamad, Haji Hashim bin Jera dan Tan Sri Dr. Haji Mohd. Asri bin Haji Muda, tetapi kita tidak ada dari Sabah dan Sarawak.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam yang risau kerana begitu besar kuasa yang ada pada Ketua Pengarah. Untuk menghapuskan sesuatu maklumat atau dokumen, Ketua Pengarah itu mesti mendapat nasihat dari pakar yang akan diadakan selepas akta ini diluluskan dan juga jikalau diperolehi dari sesuatu jabatan, dia mesti mendapat persetujuan dari Ketua Jabatan yang berkenaan dan juga dengan kelulusan dari Jawatankuasa Penilaian Rekod. Jadi bukan dia seorang yang buat keputusan. Jadi ada beberapa *guidelines* yang membolehkan dia mendapatkan sesuatu yang tertentu.

Kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob yang membangkitkan kemudahan gaji Ketua Pengarah yang tinggi. Dia adalah JUSA 'B'. Mengenai elaun Pengerusi Lembaga Penasihat, ini

belum ditetapkan lagi. Ia akan ditetapkan selepas rundingan di dalam mesyuarat Lembaga yang akan ditubuhkan.

Jadi kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah, kita sangat mengalu-alukan cadangan yang begitu baik iaitu menggalakkan Malaysia menjadikan penulis memoir-memoir mereka. Ini kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat Dato Mohamad Taha Ariffin membangkitkan soal *accessibility*. Saya yakin dengan *e-knowledge* dan *e-computerization*, Arkib Negara ini akan jadi lebih senang kepada orang awam semasa mereka *download* sesuatu maklumat daripada Arkib Negara. Buat masa sekarang langsung tidak ada sebab kita tidak ada satu undang-undang untuk menentukan kita menerima apa-apa maklumat secara elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Arkib Negara 2003. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Ng Yen Yen. Selepas berkhidmat di Kementerian Kewangan, boleh balik semula ke Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, nampak bagus sangat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Fasal 1 hingga 48** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana dapat menunggu hingga ke akhir Majlis Mesyuarat kita ini termasuklah yang sudah hendak tamat perkhidmatan pun masih ada lagi iaitu Yang Berhormat To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad dan Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhouten menunjukkan mereka ini kalau diberi surat lantikan, mereka mahu lagi. Kepada mereka yang akan balik ke kampung misalnya, kita ucapkan selamat jalan, pandulah dengan cermat.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat saya Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar yang membantu saya semasa saya mengendalikan mesyuarat ini. Dengan ini Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan Negara ini kepada satu tarikh yang akan ditetapkan.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 8.27 malam.***